

DN.14.8.2001

[DOKUMEN INI BELUM DISEMAK]

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Selasa, 14 Ogos 2001

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

[Soalan No. 1 - Y.B. Dato' Haji Ahmad bin Ismail tidak hadir]

2. **Dato' Hamzah bin Zainudin** minta Menteri Penerangan menyatakan rancangan RTM dalam siaran-siarannya bagi membantu pengusaha-pengusaha kecil sederhana (PKS) mempromosi dan memasarkan produk-produk tempatan serta bagaimanakah cara yang dibuat untuk memilih produk-produk yang hendak diketengahkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Datuk Zainudin bin Maidin]: Tuan Yang di-Pertua, sebagai badan penyiaran rasmi kerajaan RTM memainkan peranan membantu pengusaha-pengusaha kecil sederhana (PKS) mempromosikan dan memasarkan produk-produk tempatan melalui siaran-siaran di radio dan juga televisyen dalam rancangan yang diterbitkan oleh RTM sendiri dan pihak syarikat swasta tempatan.

Rancangan-rancangan disiarkan di TV1 dan TV2 mengenai perkara ini adalah seperti berikut:

- (i) *Usaha Tani* - rancangan khusus untuk mempromosikan industri pertanian tempatan setiap hari Khamis jam 12.30 tengah hari selama 30 minit;
- (ii) *Era Bina* - rancangan khusus untuk mempromosikan pembangunan industri tempatan setiap hari Rabu, jam 12.00 tengah hari, 30 minit di TTV;
- (iii) *Jendela Pagi* - satu rancangan talk show yang banyak memberikan pendedahan promosi dan pendidikan tentang PKS di samping topik dan persoalan lain setiap hari mulai pada jam 7.10 pagi hingga 10.00 pagi;

- (iv) *Perspektif* - majalah isu semasa terbitan swasta tempatan turut mengupas isu-isu semasa yang berkaitan dengan PKS sebagai sebahagian dari kandungannya, setiap hari Ahad, malam di TV1, jam 11.15 malam;
- (v) *Moving On* - rancangan talk show turut memberikan fokus kepada promosi PKS sebagai salah satu topik pentingnya setiap Jumaat, Sabtu dan Ahad, jam 7.00 pagi hingga 9.00 pagi di TV2 dan dalam siaran Berita.

Saya sukacita menyebut secara khusus iaitu dalam prime time, dalam Berita Perdana pada setiap malam Rabu kita mempunyai satu segmen, iaitu segmen *usahawan* di mana kita mencari usahawan-usahawan yang telah bangkit daripada kecil, daripada peringkat yang rendah sehingga mencapai kejayaan yang besar. Segmen ini adalah sedia memberikan tempat, sokongan dan publisiti kepada sesiapa juga yang ingin benar-benar berniaga secara yang tulen, bukan secara menipu bolehlah menelefon kita dan kita akan memberikan tempat kepada mereka.

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu sama ada pihak kementerian bercadang memberi diskaun ke atas iklan-iklan perusahaan kecil sederhana dalam radio. Sekian, terima kasih.

Datuk Zainudin bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, perkara itu bokeh ditimbangkan.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Agak sedikit luar daripada soalan asal tetapi berkaitan dengan pendemokrasian penerangan di RTM itu sendiri kerana dituduh berat sebelah hanya semata-mata menyokong usaha-usaha penyiaran yang membantu Kerajaan Barisan Nasional semata-mata. Apakah sebenarnya program pendemokrasian penerangan yang dijalankan oleh RTM selain daripada mendedahkan perkara perusahaan kecil ini terutama sekali berkenaan dengan perkara-perkara yang boleh menyiarkan publisiti kepada umpamanya pemimpin-pemimpin yang membangkang ataupun journalist dalam ataupun luar negara. Terima kasih.

Datuk Zainudin bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, kita memang ada memberikan tempat kepada wartawan dan juga penulis-penulis luar negara untuk bercakap atau diinterview dan sebagainya di RTM. Dari masa ke semasa kita juga memberikan tempat kepada pembangkang untuk memberikan penjelasan mereka.

Apa yang dimaksudkan barangkali daripada wartawan luar (*foreign journalist*) dan juga penulis daripada luar ialah kita pernah menyiarkan interview khas dengan seorang novelis Indonesia yang terkenal di dunia iaitu Pramodaya Anantator dan juga kepada Roshan Annuar, seorang wartawan yang terkenal di zaman Sukarno dahulu. Perkara ini telah dibangkitkan, saya ingat bagi kita, kita rasa perlu menyiarkan mereka ini kerana bukan untuk orang-orang seperti Yang Berhormat tetapi ialah untuk mereka yang menderita *inferiority complex* atau tidak ada *self-esteem* daripada sejak sebelum merdeka sehingga sekarang ini, maka itulah kita siarkan. Kerana dalam negara kita ini terdapat golongan yang daripada sebelum merdeka dahulu yang pada satu masa memuja Sukarno, kemudian beralih kepada Ayatollah Khomeini, kemudian kepada Taliban, kemudian kepada Al-Gore dan juga Astrada.

Jadi, mereka ini memerlukan keyakinan daripada luar sebab orang-orang daripada dalam sendiri kita siarkan tidak begitu meyakinkan. Jadi, maka kita memerlukan orang-orang daripada luar untuk meyakinkan orang-orang seumpama ini, dan orang-orang dari luar ini seperti Pramodaya Anantator yang terkenal sebagai seorang yang dahulunya kuat, *hard liner, as an Communist* dan juga seperti Roshan Annuar yang bebas, orang-orang ini telah mengakui, telah mengiktirafkan walaupun dalam negara ini terdapat orang-orang yang terus tenggelam dalam rasa rendah diri ini, tetapi mereka ini yang telah sedar, yang telah pernah ditahan sehingga lebih daripada 10 tahun oleh pemerintah yang ada tetapi apabila mereka keluar mereka mengakui pencapaian-pencapaian kita. Malah kalau Yang Berhormat melihat temuramah khas dengan Pramodaya Anantator dia terus berjabat tangan wartawan RTM mengatakan syabas Malaysia, syabas bapa Mahathir. Jadi, hal inilah saya rasa maka kita perlu untuk menyiarkan, untuk meyakinkan bukan orang-orang seperti Yang Berhormat Rosli, tetapi orang-orang yang menderita merasa rendah diri sehingga ke saat ini.

3. **Tuan Haji Karim bin Salleh** minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah peranan IMT-GT dari segi pembangunan ekonomi dan kerjasama serantau.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, kerjasama IMT-GT telah membawa pelbagai pembangunan di rantau terlibat seperti peningkatan pelaburan dan perdagangan. Ini adalah berikutan dari usaha mempermudah dan menyeragamkan

prosedur-prosedur yang menghalang pembangunan perdagangan dan pelaburan yang telah diusahakan di bawah IMT-GT. Usaha ini telah membantu pihak swasta melaksanakan perniagaan dan pelaburan di negara-negara IMT-GT.

Pelbagai projek telah dan sedang dilaksanakan oleh syarikat-syarikat tempatan. Di antaranya adalah projek-projek yang berkaitan dengan sektor pembangunan infrastruktur, pengangkutan dan perkhidmatan perkapalan, perhubungan udara, pelancongan, pembangunan sumber manusia, pertanian dan industri pertanian, perikanan serta perdagangan dan pelaburan.

Setakat ini daripada jumlah 74 memorandum persefahaman yang telah ditandatangani oleh ahli-ahli Majlis Perniagaan Bersama IMT-GT sebanyak 24 projek telah selesai dilaksanakan dan 12 lagi sedang diuruskan, manakala 38 projek telah dibatalkan.

Tuan Yang di-Pertua, projek-projek yang telah selesai dilaksanakan termasuk pembangunan infrastruktur dan perkhidmatan telekomunikasi, perkhidmatan pengangkutan laut di antara Lok Semawae, Indonesia ke Langkawi di Malaysia dan ke Satun di Thailand. Perkhidmatan pengangkutan udara yang menghubungkan bandar-bandar besar di antara IMT-GT seperti Medan, Shongkla, Pulau Pinang dan Alor Setar. Perkhidmatan barangan termasuk perkhidmatan pembungkusan, pembinaan bangunan kilang, pembinaan kilang ais dan pusat pemprosesan makanan laut, pembinaan hotel, pembangunan sumber manusia dalam sektor pelancongan dan pendidikan bahasa melalui latihan di hotel terkemuka dan industri pelajaran tinggi. Sekian.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari penjelasan yang kita dengar tadi nampaknya itu adalah projek-proje lama. Kebelakangan ini saya kurang membaca dalam surat khabar perkembangan dalam kerjasama IMT-GT ini. Apakah sebabnya dan adakah selepas ini dimulakan sekarang kita ada pemikiran yang lain. Terima kasih.

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa dua bulan yang lepas satu mesyuarat telah diadakan di antara kawasan-kawasan pembangunan IMT-GT. Memang telah saya sebutkan tadi ialah projek-projek yang lama dan ada seperti mana yang telah saya sebutkan 38 projek yang telah dibatalkan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, masalah ini timbul apabila ekonomi dunia telah merosot dan kebanyakan projek rantau ini telah pun ditangguhkan oleh

sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan oleh kerana umpamanya kilang-kilang yang telah dibangunkan oleh MIDF, OMIDC di Medan kebanyakan kilang-kilang ini tidak dipenuhi oleh sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan. Waktu kilang-kilang ini dibangunkan ketika itu kita mengharapkan bahawa industri-industri yang memerlukan tenaga kerja banyak akan berpindah daripada kawasan kita ke Medan supaya source worker, dengan izin, ada. Tetapi oleh sebab yang saya sebutkan tadi kegawatan ekonomi maka projek-projek ini telah tergendala.

Saya berkeyakinan, Tuan Yang di-Pertua, jika ekonomi pulih projek-projek yang telah dilaksanakan di antara ketiga-tiga buah negara ini, Indonesia, Malaysia, Thailand akan menjadi kenyataan. Pihak kerajaan masih lagi menumpukan pembangunan di kawasan-kawasan yang telah dinyatakan tadi. Sekian.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mengetahui daripada pihak kerajaan bagaimanakah usaha kita bagi merangkumkan porak-peranda yang berlaku di Aceh supaya ianya dapat menyertai arus perdana pembangunan yang diwujudkan oleh IMT-GT ini dan juga bagaimana cara penyelesaiannya terhadap masalah yang timbul di Selatan Thailand di mana paip gas yang hendak kita langsunkan sebagai satu projek banyak menimbulkan masalah. Adakah kedua-dua perkara ini akan me lambatkan lagi proses pembangunan wilayah yang kita bentuk ini ataupun kita ada cara untuk menyelesaikannya dan kita minta penjelasan.

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz. Berkenaan dengan porak-peranda di Aceh seperti mana yang kita sedia maklum bahawa Kerajaan Malaysia tidak langsung campur tangan dalam masalah negara asing. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Dato' Aziz walaupun mempunyai kegawatan ataupun porak-peranda di negeri Aceh Utara Sumatera ini, ada syarikat-syarikat Malaysia yang masih lagi yang sedang berusaha dan masih lagi sedang membuat memorandum ataupun dengan izin, investments yang tertentu, umpamanya di dalam jurusan penerbangan kita telah dimaklumkan bahawa ada sebuah syarikat yang sedang usaha untuk memulakan semula penerbangan di antara Pulau Pinang dan Bandar Aceh yang telah tergendala.

Saya berkeyakinan bahawa dengan kerajaan Indonesia yang baru masalah Aceh ini dapat diatasi oleh kerajaan Indonesia yang baru dan kita akan memulakan

semula untuk membuat investment, dengan izin, di negeri Aceh yang telah disebutkan tadi.

Berkenaan dengan Selatan Thailand memang benar apa Yang Berhormat telah sebutkan, ini oleh kerana ada dalang-dalang yang tertentu yang telah 'mencucuk' penduduk-penduduk Selatan Thai supaya *pipeline gas*, dengan izin, ini tidak ditanam di kawasan Selatan Thai. Ini sedang dibereskan oleh pihak Petronas dan insya-Allah, perkara ini akan dapat diselesaikan. Saya berkeyakinan kedua-dua masalah ini akan dapat diatasi oleh pihak kerajaan kerana kita sentiasa peka di dalam apa-apa masalah yang timbul. Kerana kita ini sebuah kerajaan yang ikhlas selalunya akan mendapat pertolongan Allah S.W.T. Sekian.

4. **Dato' Poo Yew Choy** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan keadaan dan kemajuan program usaha sama tulen di antara bumiputera dan bukan bumiputera di negara kita. Apakah bantuan kewangan khas yang telah dan akan ditawarkan untuk syarikat-syarikat usaha sama tulen.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan [Datuk Rizalman bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, program usaha sama tulen telah diwujudkan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan sejak Oktober 1995. Program ini bertujuan untuk menggalak dan meningkatkan usaha sama antara usahawan bumiputera dan bukan bumiputera dalam bidang perdagangan dan perindustrian. Ia dilaksanakan oleh Majlis Galakan Usahasama Tulen (MGUT) yang dianggotai oleh wakil Kementerian Pembangunan Usahawan, Dewan Perniagaan Melayu Malaysia, Gabungan Dewan-dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia, Gabungan Dewan-dewan Perniagaan dan Perindustrian India Malaysia dan wakil konsortium 20 buah bank.

Sehingga bulan Jun 2001 sebanyak 54 buah syarikat usaha sama tulen telah dapat diwujudkan di bawah program ini di mana 61% dalam sektor perkilangan, 19% dalam sektor hartanah dan pembinaan, 13% dalam sektor perkhidmatan dan 7% dalam sektor-sektor lain. Di dalam Rancangan Malaysia Kelapan ini pelaksanaan program usaha sama tulen akan dipergiatkan lagi di mana segala aktiviti program akan dilaksanakan sepenuhnya secara lebih proaktif dan berkesan oleh Sekretariat MGUT yang akan ditubuhkan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan. Aktiviti promosi yang dilakukan melalui media massa, pengedaran brosur juga mengadakan road show di seluruh negeri akan ditingkatkan bagi menggalakkan penubuhan syarikat usaha sama.

Tuan Yang di-Pertua, bagi membiayai pembentukan dan aktiviti syarikat usaha sama tulen, skim galakan usaha sama SGU telah diwujudkan oleh konsortium 20 buah bank yang menyediakan dana berjumlah RM700 juta. SGU menyediakan pinjaman sehingga RM20 juta bagi tujuan pembiayaan ekuiti dan pembiayaan projek. Sehingga bulan Jun 2001 sejumlah RM107.3 juta telah diluluskan kepada 27 buah syarikat usaha sama dan individu di mana RM69.93 juta ataupun 65% adalah untuk membiayai ekuiti oleh 19 peminjam, manakala RM37.37 juta atau 35% adalah untuk membiayai lapan projek usaha sama. Terima kasih.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih dan tahniah kepada Menteri Pembangunan Usahawan kerana telah menyediakan peruntukan dana untuk memajukan lagi usahawan bumiputera. Di sini saya ingin penjelasan bagaimana saya didatangi dengan satu masalah yang berlaku kepada salah seorang usahawan bumiputera kita yang mengadu hal apabila dia cuba mendapatkan dana modal pinjaman daripada Bank Rakyat, kes ini baru sahaja berlaku, dan apabila dia meminta pegawai bank menerangkan di antara syarat-syarat kelulusan permohonan itu ialah supaya orang yang meminjam itu mestilah ada keahlian UMNO dan mesti ada penjamin daripada JKK UMNO. Jadi, ini yang saya tidak faham dan saya cuba datang di bank di tempat lain dan pegawai bank mengesahkan memang itu berlaku dan dana ini baru dilancarkan pada bulan Julai yang lalu. Jadi, saya hendak tahu kedudukan yang sebenarnya kenapa perkara ini berlaku dan apa tujuan sebenarnya perkara ini dalam negara kita yang mengamalkan demokrasi?

Datuk Rizalman bin Abdullah: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dia Yang Berhormat dari PAS. *[Disampuk]* Yang pertama, soalan itu terkeluar. Bank Rakyat bukan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan Tuan Yang di-Pertua, ini di bawah Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi.

Jadi, walau bagaimanapun saya rasalah Yang Berhormat ini selalu berpandangan yang terlalu negatif dan sempit

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: *[Bangun]*

Datuk Rizalman bin Abdullah:Duduklah dahulu.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Saya menyatakan saya ada bukti dan kalau Yang Berhormat perlu orang yang memberitahu, saya boleh bawa ke hadapan supaya ada bukti.

Datuk Rizalman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, ini saya kata dia berpandangan sempit dan terlalu negatif fikirannya. Dia beranggapan bahawa segala apa yang kerajaan buat ini adalah menyusahkan rakyat seperti dinyatakan tadi tentang pinjaman ini.

Setiap pinjaman sebelum diluluskan mestilah ada peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi dahulu. Saya di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan di mana-mana bank di bawah kita, kita tidak pernah menyatakan bahawa mesti ada surat keahlian daripada parti politik dan sebagainya baru boleh diluluskan. Jadi, saya berpendapat tuduhan Yang Berhormat itu tidak berasas sama sekali.

Walau bagaimanapun, sekiranya ada bukti-bukti yang jelas bolehlah dakwaan-dakwaan yang berasas tadi disampaikan kepada saluran yang betul terus kepada pihak yang berkenaan terutama Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi berkenaan. Terima kasih.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, ialah berkenaan dengan MGUT . Kalau tidak silap saya 54 usaha sama ini dimajukan ataupun diisytiharkan dengan dana RM700 juta ini hanya pada tahun 1996.

Jadi, program ini telah bermula pada tahun 1996 sehingga tahun 2001 hanya ada 54 usaha sama. Saya ingin penjelasan kementerian , mengapakah usaha sama tulen yang baik ini hanya 54 dapat diusahakan. Apakah sebenarnya kekangan ataupun resistant dengan izin, yang sepatutnya Kementerian Pembangunan Usahawan dapat melahirkan usaha sama ini dengan dana yang lebih besar dan dengan gerak kerja yang lebih hebat. Terima kasih.

Datuk Rizalman bin Abdullah: Terima kasih, Yang Berhormat. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Dewan yang mulia ini program bagi usaha sama tulen ini diwujudkan sejak bulan Oktober 1995:

Tahun	Bil. Syarikat
1995	12
1996	31
1997	8
1998	2
1999	1
2000	-
2001	-

Jumlah	54

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, program usaha sama tulen ini masalah ataupun sebenarnya majlis ini ataupun Majlis Galakan Usaha sama Tulen ini..., kementerian hanyalah sebagai pemantau dan menjadi salah satu anggota dalam majlis ini.

Sebenarnya majlis ini adalah dianggotai oleh semua sekali dewan-dewan perniagaan Melayu Malaysia, Cina dan India. Ketiga-tiga jenis dewan dan juga 20 buah bank yang menjadi anggota kepada majlis ini. Masalah utamanya ialah keanggotaan kepada majlis ini adalah terdiri daripada pegawai-pegawai dalam ketiga-tiga badan tadi di mana mereka ini bekerja secara sukarela. Ini bermakna tidak ada satu peruntukan yang khusus untuk membiayai segala aktiviti-aktiviti mereka cuma setiap tahun mereka membayar yuran sebanyak RM500 kepada majlis dan itulah digunakan untuk melaksanakan segala aktiviti. Ini bermakna kalau 54 buah syarikat dengan RM500 cuma dalam lingkungan RM30,000 setahun.

Jadi, ini tidak mencukupi. Memadai untuk mereka melaksanakan segala aktiviti yang mereka perlu laksanakan. Dan juga selain daripada itu skim ini juga kurang menarik kepada syarikat-syarikat kecil atau syarikat-syarikat bumiputera di mana pinjaman yang diberikan itu dikenakan bayaran faedah yang agak tinggi sedikit berbanding daripada pinjaman yang biasa dan memerlukan modal asas. Modal syarikat usahasama ini sebanyak 20% dan yang selebihnya 80% dibiayai oleh skim ini tadi.

Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, kementerian telah seperti yang saya nyatakan tadi bahawa kementerian bercadang untuk memindahkan Sekretariat Majlis Galakan Usahasama Tulen (MGUT) ini terus di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan khususnya dalam Rancangan Malaysia Kelapan supaya kita dapat menyediakan peruntukan daripada kerajaan dan juga menyediakan kakitangan-kakitangan daripada kerajaan yang tetap untuk memantau dan meningkatkan lagi prestasi Majlis Galakan Usahasama Tulen ini. Inilah langkah yang kita akan buat dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

5. **Puan See Too Mee** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) rancangan untuk meningkatkan pengeluaran hasil pertanian yang lebih berkesan; dan

- (b) adakah kerajaan bercadang menjalankan usaha sama dengan negara jiran melalui konsep "*Triangle Development Plan*" dalam bidang pertanian dan perikanan air tawar di kawasan selatan Semenanjung Malaysia supaya menguntungkan daripada segi penukaran mata wang asing dan kewujudan lebih banyak peluang pekerjaan bagi rakyat kita.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar]:

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) beberapa langkah telah dikenal pasti untuk meningkatkan pengeluaran hasil pertanian yang lebih berkesan, antaranya:
- (i) menggalakkan pertanian berskala besar dan secara komersial melalui program Kelompok Mini Estet dan Ladang Moden;
 - (ii) meningkatkan mekanisasi dan automasi dan penggunaan teknologi moden seperti aeroponic, *hydroponic*, 'litegasi' dan lain-lain dan mempraktikkan cara-cara pertanian yang baik di kalangan petani-petani;
 - (iii) meningkatkan penyelidikan dan pembangunan supaya dapat mengeluarkan benih-benih, baka-baka dan proses baru yang boleh meningkatkan kualiti hasil pertanian;
 - (iv) meningkatkan perkhidmatan pengembangan dan teknikal kepada para petani melalui jabatan dan agensi kementerian;
 - (v) menggalakkan lebih banyak pelaburan sektor swasta di dalam sektor pengeluaran makanan;
 - (vi) memperbaiki sistem pemasaran supaya petani mendapat harga yang berpatutan bagi keluaran mereka; dan
 - (vii) menggalakkan aktiviti hiliran dan pemprosesan hasil pertanian supaya dapat meningkatkan produk nilai tambah.

- (b) usaha sama bagi sektor pertanian dan sumber asli di kawasan Selatan Semenanjung Malaysia telah pun dibuat melalui memorandum persefahaman bagi kawasan pertumbuhan segi tiga Indonesia-Malaysia-Singapura.

Pada 17 Disember 1994 meliputi Pahang, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor dari Malaysia, seluruh pulau Singapura dan Sumatera Selatan. Ia diasaskan kepada penyertaan aktif sektor swasta. Di dalam kerjasama ini beberapa sub kumpulan kerja telah diwujudkan bagi mengeratkan kerjasama dalam sektor pertanian dan sumber asli iaitu:

- (i) sub kumpulan kerja perladangan;
- (ii) sub kumpulan kerja perikanan;
- (iii) sub kumpulan kerja *horticulture* dan ternakan; dan
- (iv) sub kumpulan kerja perhutanan.

Program-program yang dijalankan secara langsung akan membuka peluang kepada syarikat-syarikat swasta mengembangkan perniagaan mereka ke kawasan-kawasan yang berpotensi. Contoh sektor perladangan yang sedang dijalankan ialah kerjasama EPA Management Sdn. Berhad dengan PT Bintara Tani Sumatera dan PT Kodel dalam membangunkan 11,000 hektar bagi tanaman kelapa sawit.

Puan Safinah binti Jusoh: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, sejauh manakah tindakan Kementerian Pertanian membantu pemasaran hasil-hasil pertanian?

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Kementerian Pertanian telah menubuhkan FAMA iaitu sebuah agensi di bawah kementerian yang bertanggungjawab untuk memasarkan hasil-hasil pertanian. Salah satu saluran yang diwujudkan oleh FAMA ialah melalui pasar-pasar tani yang dijalankan di seluruh negara.

Selain daripada itu pihak FAMA telah pun melantik sebuah konsultan bagi membantu kementerian untuk membuat kajian mengenai dengan pasaran hasil-hasil pertanian. Usaha ini dibuat dalam rangka usaha kementerian untuk memperluas lagi pasaran hasil-hasil pertanian dengan tujuan bagi membolehkan para petani,

penternak dan nelayan mendapat harga yang lebih baik bagi kepentingan golongan sasar yang berkenaan.

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, biasanya bila kita sebut sahaja ikan tilapia terbayang di kepala kita bahawa ikan tilapia itu adalah ikan air tawar tetapi di Sabah ikan tilapia ada yang hidup di laut dan kebanyakan orang juga tidak berapa begitu minat untuk makan ikan air tawar.

Jadi, adakah pengkajian dibuat supaya menggalakkan petani-petani atau nelayan kita memelihara ikan tilapia di laut, itu yang pertama. Yang kedua, ikan tilapia ini adalah ikan yang nakal. Umur dua bulan sahaja kerja lain tidak melainkan mengejar ikan betina sehingga badannya menjadi bantut tetapi di Filipina ikan tilapia yang betina ini dengan diberikan makanan khas menjadi jantan dalam masa 21 hari. Akibatnya ikan betina yang menjadi jantan ini pertumbuhannya sangat cepat dan badannya besar dan mendatangkan hasil yang lebih lumayan dibandingkan ikan betina yang dibiarkan hidup sebagai betina dan bertelur, beranak dan sebagainya.

Jadi, apakah pengkajian kerajaan untuk menggalakkan nelayan memelihara ikan tilapia di laut dan apakah usaha kerajaan untuk memastikan supaya benih ikan tilapia yang dibekalkan oleh syarikat swasta atau kerajaan kepada penternak-penternak ikan tilapia semuanya anak ikan yang jantan sahaja. Terima kasih.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Haji Karim. Pada masa sekarang kita sedar bahawa kalau sumber protein ini, makanan ini kalau kita bergantung kepada tangkapan di laut sahaja ia tidak boleh menampung keperluan makanan protein rakyat Malaysia. Oleh sebab itu kementerian menggalakkan aktiviti ternak air – akuakultur. Salah satu jenis ikan yang mempunyai potensi untuk ditenak dan harganya baik ialah ikan tilapia.

Mungkin kita semua kenal ikan tilapia ini ada dua jenis sahaja. Satu tilapia merah, satu lagi tilapia yang hitam. Dengan kerjasama Institut Penyelidikan Perikanan yang ada di Pulau Pinang di Batu Maung dengan kerjasama USM dan dengan kerjasama satu pertubuhan antarabangsa yang pada hari semalam dirasmikan ibu pejabatnya oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang kita namakan dengan izin, *International Center For Living Aquatic Management* (ICLARM) yang ada di Pulau Pinang mereka sedang membuat kajian khusus tentang ikan tilapia.

Jadi, ikan tilapia ini esok Tuan Yang di-Pertua, rupanya akan jadi macam ikan laut, ikan jenahak akhirnya. Saya sudah tengok kelmarin. Jadi, saya tengok pun saya tidak tahu kata eh ini ikan air tawarkah ikan air laut yang Datuk kata ikan tilapia ini boleh diternakkan di kawasan itu mungkin air itu air payau, ia boleh hidup. Begitu juga dengan seabus, dengan izin, ikan siakap ia boleh diternak dalam air tawar dan juga dalam laut.

Ini usaha-usaha yang sedang dibuat oleh Kementerian Pertanian dengan kerjasama ICLARM dan dengan kerjasama institusi pengajian tinggi ke arah untuk hendak mengeluarkan bibit ikan tilapia yang cukup baik. Saya rasa tidak lama lagi kita akan dapat mengumumkan penemuan ini dan rakyat yang terlibat dalam aktiviti akuakultur akan diberi ikan ini yang pada masa itu saya ingat tidak ada diskriminasi antara betina dengan – saya tidak tahu antara ikan betina dengan ikan jantan. Tetapi kalau P.Ramlee dia tahu antara itik betina dengan itik jantan... *[Ketawa]* Sebab yang itik jantan katanya, kejar itik betina.

6. **To' Puan Wan Seri Asiah binti Ahmad** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan pusat-pusat pemulihan dadah (pusat serenti) di seluruh negara dan berapa kos pemulihan seseorang penagih dalam sebulan termasuk tenaga pengajar; dan
- (b) bilangan penagih yang dapat dipulihkan setiap tahun dan bilangan yang kembali normal setelah dipulihkan dan berapa ramai yang berpatah balik menagih dadah.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator.

- (a) Untuk maklumat Yang Berhormat, bilangan pusat pemulihan dadah ataupun pusat serenti yang ada di negara kita pada masa ini ialah sebanyak 27 buah dan kos pemulihan seorang penagih dalam sebulan termasuk tenaga pengajar ialah RM362.10.

Kos ini terdiri daripada kos membiayai penghuni bagi makan minum sebanyak RM4.52 sehari dan peralatan serta bekalan sebanyak RM2.41 sehari menjadikan jumlahnya RM207.90 sebulan. Kos tenaga pengajar yang merupakan gaji pegawai, kakitangan yang dicampur keseluruhannya ialah

RM5.14 sehari atau RM154.20 sebulan. Ini berdasarkan kepada status kos yang ditutup selepas menjalani program pengawasan dalam komuniti selama dua tahun.

- (b) Bagi tahun 2000 sahaja seramai 3,992 orang atau 21.33% telah dapat dipulihkan. Daripada jumlah keseluruhan kes, seramai 18,805 orang, seramai 4,828 orang atau 25.67% masih menagih. 9,797 orang atau 52.09% tidak dapat dikesan dan 190 orang atau 1.1% telah meninggal dunia.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pihak kerajaan berusaha menghapus dan ingin membasmi penagihan dadah mengambil masa bertahun-tahun serta mengeluarkan wang puluhan juta. Soalan tambahan saya, tidakkah mampu pihak kerajaan dengan tenaga polis bahagian pencegah jenayah dapat mengesan siapakah orangnya menjadi musuh mengedar dadah yang cukup proaktif. Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, pengedaran merupakan satu bisnes yang cukup lumayan. Oleh sebab itu kita telah meletakkan bukan sahaja yang menghisap, yang mengedar juga akan diletakkan di bawah satu undang-undang. Kalau dengan kumpulan bahan ini yang digunakan ataupun yang dibawa dengan berat yang telah ditentukan, ianya akan dijatuhkan hukuman gantung sampai mati.

Berdasarkan kepada undang-undang ini bermakna bahawa kerajaan memang bersungguh-sungguh menggunakan semua tenaga yang ada seperti daripada kalangan Polis Diraja Malaysia, Imigresen Malaysia, Kastam Malaysia, Rela dan sebagainya tetapi kadang-kadang sebahagian daripada mereka ini dapat ditangkap dan sebahagiannya tidak dapat ditangkap.

Untuk makluman Yang Berhormat, ada juga pengedar-pengedar ini yang sambung-menyambung dari luar negara ke dalam negara kita. Ini kadang-kadang kita hanya dapat menangkap orang-orang yang berada dalam negara ini tetapi tidak dapat menangkap orang yang membawa, mengedar daripada luar negara. Kesungguhan kita tidak perlu dipersoal kerana kita memang setiap masa dan kalau berdasarkan bilangan anggota polis yang ada di dalam negara kita ini, Kastam yang ada, Imigresen yang ada, Rela yang ada dan tenaga-tenaga yang lain, termasuk

bantuan daripada Angkatan Tentera Laut dan Tentera Darat kita, bilangannya terlalu ramai tetapi lagi kuat kita mengawal lagi bijak mereka mengedar.

Seperti contoh yang terbaru ialah mereka mengedar dengan mengadakan pos daripada luar negara dengan memasukkan dadah ini di dalam set komputer yang difahamkan apabila pemeriksaan dibuat ialah komputer tetapi oleh sebab kerana kita ada mempunyai cara dan sistem mengesannya kita masih dapat mengesan dadah yang dimasukkan ke dalam komputer yang dibawa masuk ke dalam negara ini.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mengetahui daripada pihak kerajaan, daripada mereka yang dimasukkan ke dalam pusat serenti berapa ramai yang dijumlahkan sebagai bermasalah dengan, dengan izin, *soft drug* ataupun dadah yang lembut, lembik jika dibandingkan dengan *hard drug* dan saya difahamkan *soft drug* ini mungkin *marijuana* misalnya, kerana Tuan Yang di-Pertua, banyak pendekatan sekarang ini terutama di negara-negara Barat yang mungkin berhasrat untuk menghalalkan penggunaan *soft drug* dan mungkin tidak bermasalah sangat kalau dibandingkan dengan *hard drug* ini tadi.

Jadi, kalau tinjauan dibuat, macam di UK sekarang ini dia tengah membincangkan sama ada *marijuana* dapat dibiarkan begitu sahaja kerana ia tidak melibatkan banyak sangat masalah. Di Holland, Netherlands telah pun di kafe-kafe boleh dijual – untuk mengurangkan dari segi kos bebanan kerajaan dan pada masa yang sama memberikan penumpuan kepada pihak yang berkuasa, yang tidak banyak, tidak begitu ramai ini kepada mereka yang benar-benar tertumpu kepada *hardcore drug addicts* ini, dengan izin.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat, di dalam negara kita ini, kita memang tidak benarkan pengedaran dan penggunaan sama ada *soft drug* ataupun *hard drug*. Mereka yang ditangkap secara khusus ataupun secara amnya apabila ujian dikenakan kepada mereka berasaskan kelakuan dan penggunaan yang dapat dikesan lebih awal iaitu dengan menggunakan ujian air kencing. Sekiranya peratus mereka itu memang tinggi dan diketahui bahawa mereka itu menggunakan *drug* yang berkenaan ditunjukkan adalah sampai kepada peringkat yang merunsingkan ataupun merbahaya bagi diri mereka ataupun merbahaya bagi orang lain.

Seperti contoh, apabila ujian dibuat terhadap air kencing mereka, bagi pemandu-pemandu lori, bas ekspres dan kereta, mereka ini akan ditahan dan dikawal selia, dinasihat dan sebagainya. Walau bagaimanapun, kalau mereka ini di peringkat awal dilepas, kita sentiasa memantau mereka berterusan. Kita akui di dalam negara kita ini kita tidak benarkan perkara-perkara ini berlaku sama ada seperti kata Yang Berhormat, *hard drugs* ataupun *soft drugs* yang pada kita ianya boleh membawa kerosakan yang lebih membesar. Apabila mereka suka kepada rokok mereka akan suka akhirnya kepada *drugs* yang tersebut sama ada *soft* ataupun *hard*. Pada negara kita ini adalah bahan yang boleh menghancurkan pertumbuhan pemikiran dan kemajuan dan pengukuhan ekonomi di dalam negara kita ini. Terima kasih.

7. **Datuk Hajah Hazizah binti Haji Mohd. Sultan** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah langkah-langkah drastik yang akan dan telah diambil bagi menyelesaikan masalah kes-kes pembunuhan kejam yang melibatkan pesakit mental sejak akhir-akhir ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S.G. Sothinathan]:

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah drastik yang telah diambil oleh pihak kerajaan dalam usaha membendung masalah gangguan mental yang menyebabkan kes-kes pembunuhan kejam di kalangan masyarakat Malaysia adalah seperti berikut:

- (i) Kementerian Kesihatan sentiasa prihatin terhadap pesakit-pesakit mental dan rawatan yang diberikan adalah berbentuk berterusan. Beberapa kes pesakit mental yang dilaporkan mengamuk dan bertindak ganas kebelakangan ini telah memberikan gambaran bahawa penjagaan pesakit mental adalah merbahaya, padahalnya kalau kecenderungan bertindak ganas berbanding dengan orang biasa adalah jauh lebih tinggi di kalangan penagih dadah iaitu 16 kali ganda dan penggunaan alkohol 12 kali ganda, manakala kes pesakit mental hanya 3 kali ganda;
- (ii) memperluaskan perkhidmatan pakar psikiatri ke lebih banyak hospital dan perkhidmatan rawatan pesakit mental ke klinik-klinik kesihatan;
- (iii) meningkatkan penggunaan ubat-ubatan baru dalam rawatan pesakit mental;

- (iv) membangunkan perkhidmatan Community Mental Health dan Psychiatric Nursing Home dengan penglibatan keluarga dan masyarakat dalam penjagaan pesakit; dan
- (v) menggubal Rang Undang-Undang Kesihatan Mental yang baru bagi menggantikan *Mental Disorder Ordinance 1951* yang ada pada masa kini. Secara amnya akta baru ini mengambil kira penglibatan sektor swasta dalam penjagaan tersebut dan badan bukan kerajaan.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Soalan tambahan saya, adakah pihak kementerian mengenal pasti apakah punca-punca utama yang membawa akibat kepada gejala penyakit mental yang kita lihat hari ini semakin menular dalam masyarakat kita.

Tuan S.G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, di kalangan punca-punca yang dapat kita kenal pasti sedikit sebanyak adalah kerana tekanan hidup yang baru-baru ini banyak masalah yang berkaitan dengan tekanan hidup. Begitu juga untuk pelajar-pelajar kerana tekanan daripada keluarga untuk memastikan bahawa anak-anak mereka mencapai kecemerlangan di dalam pelajaran mereka, tekanan di pejabat dan juga lain-lain seperti masa, terutamanya untuk wanita, masa kelahiran, mungkin juga kerana kejutan yang mereka hadapi, boleh juga wujud sakit seumpama ini, juga bila ada kematian di kalangan keluarga, mungkin sanak-saudara yang terdekat, mungkin boleh juga menghadapi masalah-masalah seumpama ini. Ini adalah masalah-masalah utama untuk sakit mental ini.

8. **Dato' Lee Pit Chern** minta Menteri Kerja Raya menyatakan berapa buah lebuhraya lagi yang akan dibina atau dirancang untuk dibina di sekitar Lembah Klang dalam tempoh sepuluh tahun akan datang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya [Datuk Yong Khoon Seng]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam tempoh 10 tahun akan datang terdapat 6 lebuhraya yang akan dibina atau sedang dirancang untuk dibina di sekitar Lembah Klang. Daripada enam lebuhraya tersebut, tiga sedang dibina, dua dalam peringkat reka bentuk dan satu di peringkat rundingan.

Dato' Lee Pit Chern: Soalan tambahan saya, adakah setiap lebuhraya berkenaan akan diswastakan dan adakah pengguna perlu membayar tol untuk setiap lebuhraya berkenaan?

Datuk Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, soalan pertama saya tidak berapa faham tetapi lebuhraya ini memang sebelum dibina kita perlu juga berbincang keperluan semasa dan keperluan masa akan datang di mana kita akan mengurangkan kesesakan di jalan raya dan juga memberikan keselesaan dan keselamatan kepada pengguna jalan raya.

Siasatan ini telah pun dibuat sebelum cadangan sampai kepada pihak EPU, Jabatan Perdana Menteri dan akan diswastakan dan lebuhraya ini memang akan di tol tetapi tol ini akan juga ditentukan oleh kerajaan yang mana ia akan dikenakan di satu tahap yang munasabah.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, kita mengucapkan tahniah dan terima kasih kerana prihatin kerajaan untuk menambahkan lagi bilangan lebuhraya yang memberi kemudahan kepada rakyat semua. Saya hendak tahu dari segi, saya tertarik dengan tol tadi, bilakah hendak habis tol ini terutama lebuhraya yang telah bertahun-tahun dibina, yang lama ini masih lagi diambil tol, ditambah lagi enam tol, ini merupakan satu beban kepada rakyat. Saya rasa bukan orang PAS sahaja, orang UMNO pun rasa tidak berapa setuju dengan tol ini. *[Ketawa]*

Beberapa Ahli: Setuju!

Datuk Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, lebuhraya dibina untuk keselesaan dan keselamatan para pengguna. Dengan prinsipnya *users pay*. Kalau Yang Berhormat tidak ingin gunakan lebuhraya, gunalah jalan alternatif. Dalam tol ini memang dalam perjanjian konsesi memang sudah ditetapkan berapa tahun. Tidak boleh kata kita hendak berhentikan tol sekarang dan siapa akan bayar pihak konsesi jumlah tol yang akan dikutip. Faham sikitlah. *[Ketawa]*

9. **Tuan Ratnam a/l Muthiah** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian ini untuk mengenal pasti penduduk termiskin di kalangan keturunan India. Apakah bantuan yang diberikan oleh Kementerian kepada penduduk termiskin ini dan berapa ramai yang didaftarkan dengan Kementerian di bawah skim PPRT.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, salah satu usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk mengenal pasti penduduk termiskin ialah melalui kajian pendapatan isi rumah yang dijalankan oleh Unit Perancang Ekonomi. Misalnya, melalui kajian pendapatan isi rumah tahun 1997 kadar ketermiskinan di

kalangan warganegara ialah 1.4%. Pada tahun yang sama kadar ketermiskinan mengikut kaum ialah 2.2% bagi kaum bumiputera, 0.1% bagi kaum Cina, 0.2% bagi kaum India dan 0.9% bagi lain-lain kaum.

Satu lagi usaha untuk mengenal pasti penduduk termiskin ialah menerusi pendaftaran ketua isi rumah termiskin yang dilaksanakan oleh kerajaan menerusi penglibatan Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung (JKKK), pejabat daerah dan pejabat pembangunan negeri. Pendaftaran yang agak lengkap disiapkan pada tahun 1995/1996 dan dipanggil daftar PPRT 1995/1996. Berdasarkan daftar ini peratus ketua isi rumah termiskin mengikut kaum ialah 0.1% kaum India, 0.5% kaum Cina dan selebihnya ialah kaum bumiputera. Walau bagaimanapun, pendaftaran ketua isi rumah termiskin tidak termasuk kawasan bandar dan kawasan estet.

Tuan Yang di-Pertua, jenis-jenis bantuan yang diberikan kepada kumpulan sasaran termiskin adalah seperti berikut:

- (i) bantuan makanan melalui Program Makanan Tambahan Keluarga Termiskin;
- (ii) bantuan membina dan membaiki rumah melalui Program Pemulihan Rumah;
- (iii) bantuan peningkatan ekonomi dan pendapatan keluarga melalui Program Peningkatan Ekonomi Kampung dan Program PPRT Pertanian;
- (iv) Program Bina Insan melalui Program Pemulihan Sikap Keluarga Termiskin;
- (v) penyediaan bangunan taman asuhan kanak-kanak melalui Program Taman Asuhan Kanak-kanak;
- (vi) pembangunan kawasan secara menyeluruh iaitu melalui pembangunan infrastruktur asas, pembangunan insan dan peningkatan ekonomi melalui Program Pembangunan Masyarakat Setempat; dan
- (vii) pembangunan insan dan peningkatan ekonomi masyarakat miskin di bandar melalui Program Pembasmian Kemiskinan Di Bandar.

Terima kasih.

Tuan M. Ratnam: Terima kasih. Soalan tambahan saya, tadi Yang Berhormat telah memberitahu, salah satu bantuan ialah untuk membina ataupun

membaiki rumah. Soalan saya, berapa ramaikah orang termiskin yang telah mendapat bantuan kerajaan membaiki rumah ataupun mendirikan rumah di bawah rancangan kerajaan PPRT dan daripada jumlah itu berapa ramai orang keturunan India yang telah mendapat bantuan kerajaan?

Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Tuan Yang di-Pertua, mengenai Program Pemulihan Rumah di bawah Program PPRT, saya ingin membaca sedikit statistik iaitu bagi tahun 2001 yang terkini, statistiknya adalah menyeluruh dan saya tidak ada statistik mengikut pecahan kaum. Statistiknya ada dua – satu bina baru, satu baik pulih. Jadi, dia agak banyak tetapi jumlahnya mengikut negeri. Bagi negeri Johor, rumah....

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payah...Yang Berhormat, tidak payah.

Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Tak payah? Okay. Secara keseluruhan, bagi tahun 2001 bagi semua negeri iaitu yang dibina baru 2,185 buah rumah; baik pulih 1,131 buah rumah, memberi jumlah 3,316 rumah di bawah Program Pembinaan Rumah. Terima kasih.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Suri rumah adalah tenaga sumber. Soalan tambahan saya, tidakkah pihak kementerian berusaha merancang untuk mengadakan industri kecil seperti *packaging* yang dapat dilakukan oleh suri rumah bagi mengatasi masalah kemiskinan mereka. Terima kasih.

Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih, Yang Berhormat. Tadi saya telah memberitahu bahawa ada bermacam-macam program yang telah dijalankan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Saya baca tadi ada tujuh dan kalau Yang Berhormat teringat tadi ada saya sebut program berbentuk pakej ekonomi iaitu termasuklah yang disebut oleh Yang Berhormat tadi sebab kadang-kadang saya hendak memanjang-lebarkan tetapi bermacam-macam termasuk untuk suri rumah, termasuk ternakan dan kita bergabung juga dengan kementerian-kementerian lain dalam kita menyusun beberapa program di bawah pakej tersebut. Terima kasih.

10. Tuan Abdillah bin Abdul Rahim minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah kerajaan bercadang membuat pemeriksaan ke atas pemuliharaan bangunan-bangunan lama yang bersejarah untuk mengelakkan kerosakan dan kemusnahan berlaku ke atas bangunan-bangunan tersebut seperti kebakaran, penceroboh dan *vandalisme*.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk M. Kayveas]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat beberapa pihak yang terlibat dengan pemuliharaan bangunan-bangunan lama dan yang bersejarah seperti Persatuan Sejarah, Badan Warisan Negara, Muzium Negara Malaysia dan lain-lain untuk bekerjasama dengan pihak berkuasa bagi memastikan bangunan-bangunan tersebut berada dalam keadaan baik.

Walau bagaimanapun, pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sendiri juga mengambil berat tentang perkara ini dan kini sedang melihat beberapa pendekatan untuk memastikan penjagaan bangunan lama yang bersejarah berada dalam keadaan baik.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan sedang mengkaji undang-undang yang sedia ada yang didapati sesuai untuk dikuatkuasakan agar masalah ini dapat diatasi.

Sekian, terima kasih.

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana memberi jawapan yang memuaskan. Soalan tambahan saya ialah, walaupun tindakan-tindakan ataupun langkah-langkah telah pun diambil seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, tetapi saya ingin tahu sama ada pihak kementerian bekerjasama dengan pihak-pihak yang lain, menentukan ataupun memeriksa litar elektrik dalam bangunan-bangunan lama yang bersejarah kerana kita takut kalaulah litar elektrik itu tidak diperiksa, kemungkinan kebakaran ke atas bangunan itu akan berlaku.

Sekian, terima kasih.

Datuk M. Kayveas: Terima kasih Yang Berhormat. Berkenaan dengan litar elektrik, ini adalah satu perkara, dengan izin, *maintenance of building*, ini akan dibuat oleh pihak-pihak yang berkenaan, kalau di negeri-negeri adalah pihak-pihak berkuasa tempatan di mana bangunan lama itu berada.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan saya, mungkin sedikit terkeluar daripada soalan asalnya, tetapi oleh kerana ia termasuk dalam bangunan-bangunan lama yang bersejarah, saya hendak bertanya dengan pihak kerajaan, bagaimanakah caranya sesuatu kerajaan tempatan dapat membuat sesuatu perancangan dari segi *strategic planning* ke atas bandar-bandar lama? Mungkinkah ia terbiar begitu sahaja ataupun dirancangkan supaya

bandar lama ini menjadi sebuah bandar yang dapat difikirkan untuk membawa masuk orang-orang luar melawat ke dalam negara kita? Apakah *strategic planning* yang dibuat oleh kerajaan pada waktu sekarang?

Datuk M. Kayveas: Terima kasih, Yang Berhormat kawan saya Senator Dato' Hamzah. Saya tahu kenapa dia tanya soalan ini.

Yang Berhormat, berkenaan dengan bangunan-bangunan heritage ini, - dengan izin, Tuan Yang di-Pertua - pada masa ini kita ada satu Rang Undang-undang Pemulihan Warisan. Setakat ini jabatan kerajaan tempatan sedang meneliti secara terperinci draf yang terbaru dalam bentuk satu model bill yang didraf oleh pihak kementerian kita dan menurut draf ini perlu digunapakai oleh pihak berkuasa negeri, berikutan kegunaan Perlembagaan dan perbincangan lanjut bagi menghalusi lagi draf ini akan diadakan oleh jabatan kerajaan tempatan dalam tempoh yang terdekat.

Terima kasih.

11. Tuan Haji Rosli bin Mat Hasan minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan jenis-jenis skim, jumlah perbelanjaan dan pelatih profesional dalam program promosi aktiviti sains dan teknologi yang telah dilaksanakan.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Zainal bin Dahalan]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, promosi aktiviti sains di bawah Program Penggalakan Sains dan Teknologi (PPST) di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar adalah bertujuan untuk pertama, memupuk dan meningkatkan kesedaran, kefahaman dan penghayatan sains dan teknologi di kalangan masyarakat awam.

Kedua, mengiktiraf dan menghargai pencapaian serta sumbangan para saintis, penyelidik, tenaga pengajar, wartawan, kakitangan sokongan sains dan teknologi, badan-badan bukan kerajaan dan sektor swasta kepada pembangunan sains teknologi dan pembangunan dan penyelidikan.

Ketiga, menggalakkan dan mendorong lebih ramai pelajar meneruskan pendidikan dan memilih kerjaya dalam bidang sains dan teknologi.

Program PPST ini juga merupakan program penting bagi mewujudkan sebuah masyarakat saintifik dan berinovasi yang mana membolehkan negara berdaya saing dalam global *competitiveness*, dengan izin, dan secara umumnya

aktiviti promosi sains di bawah PPST terbahagi kepada tiga peringkat iaitu peringkat kebangsaan, peringkat negeri dan sekolah-sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun 2000 sejumlah RM1.76 juta telah diagihkan untuk membiayai aktiviti-aktiviti penggalakan sains dan teknologi, manakala bagi tahun 2001 pula peruntukan sejumlah RM2.5 juta telah diperuntukkan dan akan dilaksanakan. Secara keseluruhannya sejumlah RM7.5 juta telah dibelanjakan bagi membiayai pelaksanaan penggalakan sains dan teknologi untuk sepanjang Rancangan Malaysia Ketujuh.

Suka juga saya memaklumkan bahawa aktiviti promosi sains di bawah kementerian melibatkan penyertaan para saintis dan penyelidik sains dan teknologi melalui penganjuran aktiviti secara bersama oleh kementerian, agensi kerajaan, institusi penyelidikan dan pengajian tinggi tempatan, badan-badan bukan kerajaan dan persatuan-persatuan sains dan teknologi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di peringkat kebangsaan, aktiviti yang dilaksanakan meliputi ekspo ataupun pameran reka cipta dan hasil penyelidikan, anugerah-anugerah sains seperti Anugerah Sains Negara, Anugerah Pencipta Negara, Anugerah Saintis Muda Negara, Anugerah Juruteknologi Negara, Anugerah Majlis Penyelidikan dan Kemajuan Sains Negara iaitu meliputi bidang pendidikan matematik dan anugerah bagi mengekalkan kefahaman awam mengenai sains dan teknologi, dan anugerah bagi institusi penyelidikan dan pembangunan kerajaan.

Selain daripada itu, diadakan juga Anugerah Kewartawanan Sains dan Teknologi, hadiah kementerian bagi acara-acara media seperti bengkel kewartawanan sains dan teknologi, pertandingan pesta robot, kem kemajuan IT di desa, ceramah dan talk show di televisyen atau di radio, bantuan kewangan kepada persatuan sains dan teknologi dan badan-badan NGO dan penerbitan, prosiding dan pengeluaran khas sains dan teknologi dalam akhbar.

Manakala di peringkat negeri pula, pameran dan demonstrasi sains dan teknologi, seminar dan bengkel kesedaran sains dan teknologi, kuiz dan ceramah sains teknologi di radio, anugerah-anugerah sains dan aktiviti-aktiviti lain yang difikirkan sesuai oleh kerajaan-kerajaan negeri seperti lawatan ke kilang-kilang, perkhemahan sains dan teknologi, forum, pertandingan inovasi, penjelajahan dan "geraya wara" sains teknologi, khutbah Jumaat, dan pertandingan sains dan teknologi dan yang lainnya.

Selaras dengan matlamat untuk meningkatkan minat pelajar terhadap sains dan teknologi, aktiviti-aktiviti yang melibatkan pelajar-pelajar, guru-guru dan para pendidik juga diadakan di seluruh negara. Aktiviti-aktiviti di peringkat ini dikelolakan oleh bahagian sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia, bersama-sama dengan persatuan-persatuan sains, institusi-institusi pendidikan, universiti-universiti dan sektor swasta yang lain.

Aktiviti-aktiviti ini meliputi kuiz sains alam semula jadi, penulisan Asiathon, perkhemahan sains dan alam sekitar, kuiz sains nasional, puisidera sains kebangsaan, pertandingan cereka sains, peraduan essei perhutanan, pertandingan komputer, kem penyelidikan sains rakan penyelidik, kem kecemerlangan sains dan matematik.

Terima kasih.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi memberi jawapan yang cukup lengkap tentang program-program promosi dan sebagainya.

Yang saya ingin mengetahui ialah dalam semua usaha baik kerajaan itu, berapakah jumlah perbelanjaan yang telah dibelanjakan dan adakah pihak kementerian mempunyai cara dan kaedah mengukur kejayaan ini? Sejauh mana hasil kejayaan segala program-program ini? Dan di samping itu adakah pihak kementerian mewujudkan satu kaedah mendapat maklum balas daripada kumpulan sasaran dan juga masyarakat umumnya dari segi program-program yang begitu baik dan banyak diadakan. Jadi, kalau ada maklum balas, di antaranya boleh kita baiki lagi di masa depan?

Terima kasih.

Dato' Zainal bin Dahalan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Ghazi. Dari segi peruntukan seperti yang telah saya sebutkan di awal tadi, sepanjang Rancangan Malaysia Ketujuh, sebanyak RM7.53 juta telah diperuntukkan. Untuk tahun 2001 sahaja sebanyak RM2.5 juta diperuntukkan dan peruntukan ini akan ditambah lagi dalam Rancangan Malaysia Kelapan.

Saya ingin memaklumkan di sini bahawa dari segi kaedah-kaedah pengukuran ataupun maklum balas memang ada dibuat, tinggal lagi secara terperinci mungkin saya tidak dapat maklumkan di sini, tetapi di dalam laporan-laporan tahunan yang disediakan oleh jabatan-jabatan di bawah kementerian ada

menunjukkan tentang pencapaian-pencapaian dan juga dari segi bilangan ataupun dari segi jumlah program yang telah diadakan, yang dapat kita maklumkan. Walau bagaimanapun, mungkin pendekatan atau kaedah yang ada hari ini belum lagi mencukupi dan kita bersedia untuk menerima pandangan-pandangan bagaimanakah cara-cara untuk memberikan makluman balas yang lebih berkesan untuk mempertingkatkan matlamat dan tujuan seperti yang dihasratkan oleh kerajaan dan juga pihak kementerian sendiri bagi mencapai matlamat yang kita harapkan untuk memberi kesedaran dan penggalakan serta penghayatan dari segi sains dan teknologi kepada seluruh masyarakat dalam negara kita.

Datuk Nor Azah binti Awin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan saya, setakat manakah pereka cipta atau ciptaan dari institusi-institusi R&D, dengan izin, yang telah diiktirafkan dan dipatenkan di negara ini dan dari kumpulan-kumpulan invention atau ciptaan tersebut, telah dikomersialkan? Dan juga dari segi hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita untuk mencapai Nobel Prize dalam tahun 2020, setakat manakah pihak kementerian menyediakan support ataupun program sokongan ataupun pengkhususan terhadap wawasan tersebut?

Terima kasih.

Dato' Zainal bin Dahalan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan terima kasih Yang Berhormat Datuk Nor Azah.

Dari segi peranan dan support yang dimainkan ataupun peranan yang diberikan kepada kementerian, adalah melalui penggalakan-penggalakan dan juga peruntukan yang disediakan di bawah pelbagai program bantuan dan sokongan yang diberikan kepada golongan penyelidik dan mereka yang berminat untuk mereka cipta sesuatu perkara yang difikirkan se suai. Dalam pada masa yang sama, penglibatan daripada beberapa pihak NGO juga ada dilaksanakan bersama-sama dengan kerjasama pihak kementerian seperti yang sedang dilaksanakan pada masa ini.

Bagaimanapun untuk menjawab soalan yang awal tadi, saya mohon notis daripada Yang Berhormat kerana bilangan itu mungkin tidak dapat saya nyatakan secara langsung pada masa ini dan saya akan mendapat maklumat tersebut dan saya sampaikan secara bertulis kepada Ahli Yang Berhormat.

Terima kasih.

12. **Tuan K.R.A. Naidu** minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah Malaysia Airlines (MAS) bercadang untuk menambahkan perkhidmatannya dari destinasi-destinasi di dalam dan luar negara seperti Kota Bharu dan Medan ke Ipoh untuk membantu perkembangan ekonomi negeri Perak.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, penerbangan Malaysia MAS pada ketika ini mengadakan sebanyak 14 penerbangan seminggu di antara Kuala Lumpur dan Ipoh di samping menyediakan perkhidmatan sambungan dari dan ke Ipoh untuk semua rangkaian perkhidmatan domestik dan antarabangsa yang melalui lapangan terbang Kuala Lumpur (KLIA). Berdasarkan kepada kedudukan permintaan trafik yang sedia ada, pihak MAS tidak ada rancangan dalam jangka masa yang terdekat menambahkan perkhidmatan domestik ataupun antarabangsa semasanya ke Ipoh. Walau bagaimanapun, MAS sentiasa memantau akan permintaan penumpang bagi kesemua laluan dari masa ke semasa dan dalam hal ini, kekerapan penerbangan dari dan ke Ipoh untuk perkhidmatan domestik dan antarabangsa akan ditambah sekiranya perlu berdasarkan kepada pertumbuhan permintaan penumpang.

Tuan K.R.A. Naidu: Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan yang diberi oleh dan telah diberikan oleh penerbangan MAS pada satu ketika adalah sangat memuaskan, setanding dengan syarikat penerbangan yang besar seperti British Airways dan sebagainya, tetapi akhir-akhir ini kita menerima terlalu banyak rungutan dan aduan daripada pengguna-pengguna MAS, melalui surat khabar dan saya sendiri boleh merasakannya bahawa ianya adalah benar. Apakah sebab-sebabnya dan apakah langkah-langkah yang diambil supaya perkhidmatan nasional ini terus menjadi satu perkhidmatan yang digunakan oleh semua orang di dunia.

Sekian, terima kasih.

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat atas cadangan dan juga pandangan Ahli Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian selalu menjalankan program supaya KLIA sebagai hub penerbangan serantau, satu jawatankuasa pemandu telah ditubuhkan untuk melaksanakan pelan strategik supaya kita boleh menyelamatkan perkhidmatan kita. Antara aspek-aspek ialah menetapkan piawaian perkhidmatan untuk tujuan mencapai mutu perkhidmatan cemerlang peringkat antarabangsa dan juga memperluaskan rangkaian perkhidmatan dan kekerapan penerbangan di antara KLIA dengan destinasi-destinasi penerbangan antarabangsa yang utama dan juga kita sentiasa mengadakan kempen pemasaran dan promosi yang bersepadu di antara KLIA, MAS dan juga Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (TDC).

Datuk Christina Tibok-Vanhouten: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan: Adakah *Malaysia Airlines* mempunyai perancangan untuk menukar atau memperbaharui pakaian seragam anak-anak kapal wanita yang ada pada masa ini? Saya bertanya demikian kerana pakaian seragam peragawati sekarang banyak ditiru khususnya oleh pelayan-pelayan di restoran. Lagi pun pakaian seragam sudah lama dan yang baru saya pasti akan membawa *a breath of fresh air*, dengan izin, kepada *Malaysia Airlines*.

Terima kasih.

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, cadangan Ahli Yang Berhormat memanglah kita akan sampaikan pandangan ini kepada pihak MAS supaya mereka selepas penukaran pengurusan, pakaian uniform pun boleh ditukar.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa bagi Soal Jawab Lisan sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1 dan 13 hingga 41 adalah dijilid dalam buku yang berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN) (NO.2) 2001

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." **[13 Ogos 2001]**

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat Tuan Haji Rosli menyambungkan ucapannya.

11.19 pagi.

Tuan Haji Rosli bin Mohd. Hassan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sekitar sepuluh minit petang semalam, saya telah bersama-sama dengan Yang Berhormat Peguam Negara telah membincangkan perkara berkaitan dengan satu pindaan Akta Perlembagaan (NO. 2) 2001 sebagaimana dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri di sebelah petang semalam.

Tuan Yang di-Pertua, daripada perkara-perkara yang telah dicadangkan dalam pindaan Perlembagaan kali ini, ianya telah sesuai dengan keadaan dan perkara semasa dan kita amat menyanjung tinggi usaha-usaha yang dicadangkan oleh kerajaan untuk sama-sama kita luluskan pada sebaik-baiknya sebelum makan tengah hari pada hari ini, dan saya telah diberi notis oleh beberapa rakan supaya jangan bercakap panjang sangat. Insya-Allah saya tidak akan bercakap panjang sangat.

Tuan Yang di-Pertua, semalam saya ada menyentuh masalah status Dewan Negara dan juga status Dewan Rakyat yang mana dari segi perundangan dan protokolnya memang Dewan Negara melebihi dari segi statusnya berbanding dengan Dewan Rakyat, tetapi pendekatan-pendekatan yang dilaksanakan oleh kerajaan memang tidak sama sebagaimana status yang telah sedia ada. Dengan ini saya sekali lagi ingin mengulangi supaya kedudukan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua kalau tidak lebih pun biarlah sama dengan keadaan protokol dan juga anugerah-anugerah bintang dan sebagainya biarlah ianya agak saksama di antara Dewan Negara dan juga Dewan Rakyat.

Ianya bukan anugerah kepada peribadi tetapi kepada institusi 'ke Yang di-Pertuaan' itu supaya ianya sesuai dengan protokol dan kaedah-kaedah yang sama-sama kita hendak jayakan dalam menjaga imej kedua-dua Dewan iaitu Dewan Negara dan Dewan Rakyat ini.

Keduanya juga berkenaan dengan hak wanita yang telah disentuh oleh ramai Ahli-ahli Yang Berhormat semalam dan memang kita sokong.

Yang ketiganya ialah berkenaan dengan kajian perlembagaan secara menyeluruh yang harus dilaksanakan secara bersungguh-sungguh oleh kerajaan kerana kita dapati mutakhir ini ada seolah-olah mental konflik dengan izin pertentangan minda dan pemikiran oleh kerana banyak keadaan-keadaan yang sedang berlaku di negara kita dan mungkin ianya ada kebenaran dan mungkin ianya merupakan tohmahan dan juga fitnah dari masa ke semasa.

Ianya lahir daripada perebutan kita sesama kita dan beberapa ahli politik dan juga beberapa komponen parti-parti yang memerintah negara dan juga yang membangkang. Jadi, saya menyentuh semalam berkenaan ketidakwibawaan beberapa Ahli Yang Berhormat di Dewan rakyat seminggu dua minggu yang lalu, kerana terlampau keras kepala untuk menegakkan kedudukan parti masing-masing

tanpa menjadi penyumbang besar kepada Akta yang kita bincang ataupun perkara-perkara yang boleh dimanfaatkan kepada pembinaan negara kita.

Jadi, saya mencadangkan kepada Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua, supaya rakyat kita di semua peringkat dapat menghayati sesuai dengan bulan merdeka yang akan sama kita sambut pada 30 malam di semua peringkat sama ada di peringkat kebangsaan atau juga di peringkat negeri ataupun daerah mengikut aturcara yang diusahakan oleh pemimpin-pemimpin setempat.

Tuan Yang di-Pertua, yang keempatnya ialah berkenaan perkara-perkara yang berkaitan dengan bahasa iaitu mendaulatkan bahasa Melayu dan juga yang menjadi bahasa kebangsaan kita. Sekarang ini kita nampak walaupun ada pejuang-pejuang bahasa tetapi kita yakin dengan gerakan yang kita lalui hampir 44 tahun kita merdeka, gerakan bahasa Melayu ini selain daripada melalui institusi pendidikan tetapi ianya selari dengan pembangunan bangsa dan ketamadunan bangsa itu sendiri. Sesuaiilah dengan kata pepatah bahasa itu jiwa bangsa, kalau bangsa kita runtuh, bangsa kita akan menjadi gagal maka bahasa yang kita menjiwai itu pun akan gagal.

Tuan Yang di-Pertua, sesuai dengan perkara ini saya rasa sudah sampai masanya supaya di semua peringkat bukan sahaja di peringkat bahasa di peringkat perlembagaan tetapi juga di peringkat perkara-perkara yang berkaitan dengan sama ada di peringkat kerajaan ataupun di peringkat urusan rasmi di peringkat swasta dan juga di peringkat perniagaan dan perdagangan. Kita masih nampak di premis-premis perniagaan di seluruh negara masih ada beberapa campuran bahasa, bukan kita tidak menghormati bahasa-bahasa yang daripada rakan-rakan kita yang daripada keturunan Cina, India ataupun yang untuk memahami seperti bahasa Inggeris, tetapi salah satu daripada strategi jangka panjang nya. Serupalah juga dengan ucapan Perdana Menteri selaku Presiden UMNO baru-baru ini yang meletakkan bahawa kita semua ini melalui..

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Saya sedang bercakap masalah bahasa Tuan Yang di-Pertua. Jadi, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Presiden UMNO baru-baru ini ada menyatakan iaitu kita agak terkejut dengan tuntutan-tuntutan pelbagai pihak terutama sekali ada daripada NGO, tuntutan Suqiu umpamanya dan sebagainya. Jadi, kita telah mendapat sepintas lalu bahawa sistem pendidikan di negara kita yang meletakkan kepercayaan kita ke arah perpaduan bangsa dan rakyat terutama

sekali dengan menyediakan sekolah jenis kebangsaan. Saya memerhatikan bahawa kita terlampau liberal di dalam meletakkan pembinaan institusi pendidikan ini yang berkaitan dengan bahasa. Saya tidak tahulah Yang Berhormat Menteri Pendidikan bersetuju ataupun tetapi kita agak longgar dan tidak ada satu tindakan *affirmative* dengan izin bahawa sekolah kebangsaan, jenis kebangsaan sepatutnya dinilai semula oleh kita semua.

Bukan kita hendak menidakkan bahasa ibunda beberapa kaum di negara kita tetapi saya rasa dari segi jangka panjangnya untuk mewujudkan solidarity dengan izin perpaduan sebagai matlamat kita harus dinilai semula sama ada sekolah jenis kebangsaan ini patut diteruskan ataupun tidak, kerana di Singapura selepas merdeka sekolah-sekolah jenis kebangsaan akan dihakiskan mengikut masa yang tertentu dan sekarang ini tidak ada sekolah-sekolah jenis kebangsaan lagi di Singapura. Jadi, saya rasa ini adalah satu kelemahan dan tindakan yang tidak dapat dilaksanakan oleh kerajaan. Saya yakin dan percaya sekiranya kaum-kaum yang melihat untuk membentuk satu bangsa Malaysia yang merdeka ini harus menilai ini dalam bentuk yang tidak emosi.

Jadi, di samping kita bersetuju dengan bahasa Melayu ini akan menjadi bahasa undang-undang secara mutlak dan kita berharap semua ini akan dapat diterjemahkan di peringkat pelaksanaan terutama sekali di peringkat hakim dan juga majistret serta peguam yang menjadi penterjemah di peringkat pelaksanaan dengan menggunakan bahasa Melayu secara mutlak dan secara total.

Tuan Yang di-Pertua, selepas kita menentang Malayan Union dahulu adalah kerana berasaskan kepada beberapa perkara. Perkara yang paling penting sekali ialah kerana kita hendak mempertahankan Raja-raja Melayu dan daripada keyakinan kita bahawa Raja-raja Melayu ini akan menjadi tunggak kepada pemerintah kita dan juga dia akan meletakkan tanggungjawab beragama khususnya Islam di bawah tanggungjawab Raja-raja Melayu ketika itu dan sekarang ini perkembangan dakwah Islamiah dan gerakan bukan sahaja di peringkat dakwah dari segi fardu ain tetapi juga banyak penterjemahan-penterjemahan dasar dan pelaksanaan untuk rakyat di semua peringkat telah dapat dilaksanakan.

Semalam saya ada menyentuh bahawa mutakhir ini banyak meletakkan ketidakpercayaan mereka kepada sistem Islamisasi untuk negara yang mana sebab itulah dengan menghormati rakan-rakan daripada PAS untuk meletakkan

perjuangan PAS ini sebagai sebuah negara Islam. Jadi mengikut perkiraan aritmetik biasa kita akan dapati bahawa apabila kita melihat PAS mahu mewujudkan sebuah negara Islam bererti PAS tidak mengiktiraf sekarang sebuah negara Islam. Saya meminta kerajaan khususnya Majlis-majlis Raja-raja juga Majlis Fatwa dan mana-mana badan yang berkaitan supaya memberi kata putus berkenaan dengan perkara ini. Kalau perkara ini menjadi akidah kepada rakyat Malaysia yang beragama Islam ianya akan menjadi padah bukan sahaja kepada umat Islam tetapi akan menjadi padah kepada jangka panjang perjuangan kita untuk mewujudkan sebuah negara yang maju di masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, kita banyak bercakap masalah konsep ulama, pemerintahan secara ulama dan kita pula bercakap masalah pemerintahan Ahli-ahli politik ataupun dari segi autoritinya kita mendefinisikan ataupun menceritakan secara umum perkataan-perkataan seperti umarak. Jadi umarak dan ulama harus digabungkan. Saya ingin penjelasan kerajaan siapa sebenarnya ulama yang diiktiraf di dalam negara kita. Ianya harus ada satu bentuk piawai, ianya harus ada satu bentuk pengiktirafan dari mana-mana badan-badan yang sesuai. Kalau tidak kita dapati banyak di antara golongan-golongan yang menggunakan perkataan ulama ini di tempat yang tidak sesuai. Sebagai contohnya dengan menghormati rakan-rakan daripada PAS. Di dalam PAS mereka menggelarkan sebahagian daripada mereka ulama, apakah mereka sebenarnya ulama? Apakah konsep ulama sebenarnya? Apakah ciri-ciri seseorang itu layak digelar atau dipanggil ulama di dalam negara kita ini.

Saya amat menghormati ulama-ulama ini tetapi ulama yang meletakkan diri mereka sebagai ahli politik sepatutnya kepentingan 'keulamakan' mereka digugurkan. Sebagai contohnya sekiranya saya seorang jurutera, saya mungkin jurutera pada peringkat awalnya tetapi bila saya terlibat dalam politik maka walaupun saya mempunyai pengetahuan di dalam bidang kejuruteraan sepatutnya profesionalisme secara jurutera itu harus digugurkan dan harus dipanggil saya Yang Berhormat ataupun wakil rakyat ataupun ahli politik dari sudut profesionnya.

Jadi, saya ingin penjelasan kepada badan yang layak mengiktiraf perkara-perkara yang berkaitan dengan definisi ulama ini dan umarak ini supaya ia tidak disalahgunakan oleh beberapa pemimpin yang dangkal di dalam PAS. Tidak semua pemimpin PAS tidak berpengetahuan tetapi ada pemimpin-pemimpin besar PAS yang dilihat agak dangkal dalam perkara ini hanya menggunakan kepentingan politik

chauvinist masing-masing semata-mata untuk menegakkan perjuangan. Kita amat melihat perkembangan pembangkang semenjak kita merdeka, kita pun tahu PAS banyak berubah dan tidak *consistent* dalam perjuangannya tetapi kita masih menerima sebagai sebuah kerajaan yang demokratik, pandangan-pandangan yang diberikan oleh pemimpin-pemimpin PAS.

Sekarang ini kita berdepan dengan satu budaya yang agak mengecewakan sebenarnya. Kita bukan sebuah bangsa yang telah melalui proses tamadun yang tinggi lagi, kita hanya melalui satu proses baru di dalam ketamadunan bangsa kita. Kita hanya baru mungkin tidak sampai pun 50 tahun lagi perkembangan kita. Banyak di antara bangsa besar sebelum ini runtuh kerana perpecahan umat dan perpecahan sesama kita. Jadi, saya merayu kepada pemimpin-pemimpin PAS supaya menilai semula pelawaan pemimpin-pemimpin UMNO supaya kita dapat berunding dengan mengepikan kepentingan-kepentingan parti kita kerana kita tahu tanpa perpaduan umat Islam secara total di negara kita, kita akan menemui kehancuran yang amat hebat di masa-masa yang akan datang.

Ini berkemungkinan jawapan saya pada hari ini tidak mungkin akan membawa pemimpin-pemimpin PAS untuk menyokong UMNO. Itu bukan permasalahannya dan tidak mungkin juga pemimpin-pemimpin UMNO yang tulen seperti saya ini akan masuk PAS walaupun bagaimana hebat pidato-pidato ataupun kempen yang akan digerakkan oleh PAS tetapi kita harus meletakkan perkara ini di pinggir sementara kita melihat tuduh-menuduh di antara kita ini, apakah ianya harus dilanjutkan. Tuduh-menuduh di antara yang dilaksanakan oleh kerajaan sehingga boleh mencemarkan agama, maruah bangsa kita, boleh meletakkan kedudukan ketidastabilan bangsa kita sendiri di dalam pemerintahan kita. Mungkin sebagaimana semalam saya katakan beberapa pemimpin akan rugi sedikit tetapi percayalah yang rugi besar ialah bangsa kita.

Tuan Yang di-Pertua, marilah sama-sama kita menggerakkan semula kedudukan Rukun Negara kita. Kalau hari ini kita bercakap masalah pindaan perlembagaan, apakah kedaulatan undang-undang kita dan keluhuran perlembagaan kita dapat dihayati oleh masyarakat kita. Sebagai contohnya kalau kita hendak persoalkan perkara remeh temeh, banyak sangat kita harus persoalkan. Beberapa bulan lalu, gerakan oleh parti pembangkang untuk membatalkan ISA, menentang ketidakadilan katanya dakwaan berkenaan ISA dengan memaparkan satu simbol baru di lengan "Penentang ISA" dan sebagainya tetapi ISA ini telah

diluluskan oleh kedua-dua Dewan. Kalau PAS tidak berupaya ataupun DAP tidak berupaya apatah lagi sebuah parti baru yang baru lahir seperti KeADILan yang melihat ISA ini tidak adil, maka saya rasa ianya harus dibincangkan dalam bentuk forum yang lebih formal kerana kita harus mendaulatkan undang-undang dan keluhuran perlembagaan. Kita tidak boleh menentang keluhuran perlembagaan dan kedaulatan undang-undang kita semata-mata undang-undang itu tidak memihak kepada kita.

Jadi serupalah juga dengan perkara-perkara yang diumumkan seperti gerakan untuk melihat umpamanya profesional seperti guru. Kebetulan Dato' Aziz tidak ada di sini, dalam pandangan gerakan supaya kakitangan kerajaan seperti guru hari ini ditentang oleh presiden persatuan guru-Guru. Saya tidak ingat nama persatuan itu, pagi tadi saya baca surat khabar. Jadi saya rasa kepada guru-guru yang tidak bersalah, kepada guru-guru yang melihat guru sebagai satu bentuk profesion sebagai satu bentuk profesion secara profesional maka saya rasa tidak salah untuk mematuhi apa juga aturan dan peraturan yang dikehendaki oleh sebuah kerajaan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mintalah kakitangan kerajaan supaya kita tahu dalam pilihan raya yang lalu ada sebahagian kecil kakitangan kerajaan sebenarnya tidak memihak kepada Barisan Nasional dan UMNO. Kita tidak marah tetapi yang pentingnya apakah kita sebagai kakitangan kerajaan, apakah adil kepada diri kita dengan kita sebagai penterjemah dasar oleh sebuah parti kemudian kita menentang parti itu. Saya berharap pendekatan-pendekatan baru yang akan dilaksanakan oleh kerajaan supaya meletakkan kakitangan-kakitangan sebagai penterjemah dasar harus setia kepada kerajaan yang sedang memerintah. Sebab itulah di Terengganu Tuan Yang di-Pertua, banyak di antara kakitangan kerajaan di peringkat negeri sekarang ini merasa agak kecewa kerana ada sebahagian daripada mereka memang menyokong PAS dalam pilihan raya yang lalu tetapi sekarang ini apakah mereka ini akan terus berada di dalam satu bentuk ulikan untuk menjanjikan sesuatu kerana saya yakin PAS Terengganu walaupun ianya baru mungkin Yang Berhormat Haji Hassan ataupun rakan-rakan daripada Terengganu akan melihat dalam bentuk politik tetapi saya melihat dalam bentuk upaya diri sebagai sebuah kerajaan yang memerintah.

Daripada 113 janji-janji dalam manifesto PAS, pada tahun 1999 berapakah sebenarnya janji-janji PAS di Terengganu telah dapat dilaksanakan ataupun yang

sedang dilaksanakan. Kita tahu Menteri Besar Yang Amat Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi Haji Awang dalam empat atau lima hari yang lalu di Kota Bharu masih menidakkan Malaysia ini sebagai sebuah negara yang mencukupi syarat sebagai sebuah negara Islam sekiranya hukum-hukum tidak dilaksanakan.

Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kita pun sedang memerhatikan apa yang sedang dilaksanakan. Undang-undang dan enakmen yang dibentangkan masih di peringkat negeri, masih tidak dapat atau tidak digubalkan ataupun tidak dipinda oleh kerajaan PAS malah banyak perkara berkemungkinan ini dijadikan isu politik tetapi saya merayu kepada Kerajaan PAS Terengganu supaya walaupun apa jua masalah, kita harus terus bersabar sama ada PAS ataupun Barisan Nasional yang akan menang di Terengganu tetapi janganlah menjadikan rakyat sebagai mangsa kerana menegakkan perjuangan masing-masing.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengingatkan juga apabila seorang Timbalan Presiden PAS menidakkan Malaysia bukan sebagai sebuah negara Islam kerana PAS ingin menegakkan sebuah negara Islam dan selepas kita merdeka, PAS juga melaungkan bahawa Barisan Nasional ataupun Perikatan ketika itu dapat memerintah negara dalam keadaan tidak masak dan PAS juga menentang Perikatan pada peringkat awalan dahulu adalah kerana dikatakan kita bersubahat dengan bukan Islam seperti MIC dan MCA. Mutakhir ini kita nampak satu gabungan baru yang diusahakan oleh PAS. Apakah DAP itu lebih elok, lebih setia, lebih bagus untuk PAS dalam menegakkan sebuah negara Islam berbanding dengan UMNO? Apakah DAP itu yang menjadi sebuah parti chauvinist Cina satu ketika dahulu yang mempunyai rakan seperjuangan dengan PAP Singapura ini lebih baik ataupun lebih munasabah dijadikan rakan kongsi di dalam politik gabungan PAS ini.

Saya juga ingin mengingatkan kepada raja-raja Melayu bahawa satu ketika dahulu penentang kepada perkara-perkara ini adalah tergolong daripada beberapa pemimpin PAS. Saya ada ucapan-ucapan pemimpin PAS dengan saya dan saya mengingatkan raja-raja Melayu bahawa UMNO sahajalah melalui Barisan Nasional yang akan mendaulatkan kedudukan raja-raja Melayu dan sekiranya PAS ingin menegakkan negara Islam, maka sebenarnya PAS menidakkan kewujudan raja-raja Melayu di negara kita ini. Jadi saya dengan sembah takzim saya mengingatkan kepada raja-raja Melayu supaya kita tidak terperangkap dalam perkara-perkara seperti ini semata-mata kerana kedangkalan kita terhadap suasana politik semasa kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh satu perkara sahaja lagi iaitu berkenaan dengan masalah Majlis Fatwa ini. Jadi apa yang sedang berlaku sekarang ini seolah-olah Majlis Fatwa ini seolah-olah tidak berfungsi untuk menjadi sebuah majlis yang boleh diberi pendekatan ataupun yang layak diberi penghormatan ataupun akan difahami oleh segenap lapisan umat Islam di negara kita ini.

Saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya Majlis Fatwa kita lebih bertindak secara proaktif supaya perkara-perkara yang menjadi perpecahan umat kerana tuduhan ataupun sama ada ianya perkara benar atau tidak benar harus diputuskan dari semasa ke semasa. Sebagai contohnya, apabila kita bercakap masalah perpecahan umat lebih daripada 15 tahun di Kelantan dan Terengganu tetapi Majlis Fatwa masih tidak meletakkan satu bentuk fatwa yang kemas, teratur dan meyakinkan.

Jadi saya berharap dengan pengkajian kita berkenaan dengan pindaan perlembagaan pada hari ini dapat sekiranya perkara-perkara yang berkaitan dengan Majlis Fatwa ini dapat dilihat dengan lebih teratur dan sistematik supaya kita tidak akan terjebak dengan perpecahan kerana pendapat-pendapat yang agak berbeza di kalangan beberapa pemimpin politik di negara kita ini.

Jadi saya hanya lebih kurang setengah jam, saya sudah janji dengan Datuk Ghazi tadi, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kerana peluang yang diberikan oleh Tuan Yang di-Pertua. Semoga pandangan saya ini, kalau ianya baik, ianya adalah untuk kepentingan perjuangan kita. Sesuai dengan bulan merdeka, saya ucapkan merdeka kepada seluruh Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Datuk Ghazi hendak mula dahulu yang disebutnya tadi.

Tuan Rosli bin Mat Hassan: Ya, ya, minum teh lepas ini ya.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Ya. ya.

11.46 pagi.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Sebenarnya Datuk Ghazi sudah tunggu dari semalam.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Betul, betul, terima kasih Timbalan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Tuan Rosli kerana ingat permintaan saya secara bertulis.

Saya turut menyokong rang undang-undang meminda Perlembagaan Persekutuan ini yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Datuk Seri dan sekaligus mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas segala peruntukan dalam rang undang-undang ini yang secepat lalu menunjukkan kemajuan dan keprihatinan kerajaan. Saya sungguh tertarik dengan pindaan perlembagaan ini lebih-lebih lagi bila baru-baru ini membaca dalam akhbar mengatakan – Yang Berhormat Menteri yang berkenaan juga menyebut bahawa pelajaran Perlembagaan Persekutuan patut dimasukkan dalam mata pelajaran persekolahan. Saya agak beruntung dan mengucapkan syukur kepada Tuhan Rabbul Alamin kerana bila saya bercakap tajuk ini Yang Berhormat Menteri Pendidikan juga ada di sini. Jadi saya ingin memberi sokongan yang kuat kepada cadangan, saranan Yang Berhormat Menteri, Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim mengenai cadangan untuk memasukkan pelajaran Perlembagaan Persekutuan dalam persekolahan malah saya lanjutkan lagi bukan setakat hanya di peringkat sekolah yang patut kita dedahkan ilmu ini malah di peringkat kolej dan juga universiti ataupun institut pengajian tinggi awam dan swasta patut juga dimasukkan di sini.

Saya memandangkan ini kerana memandangkan perkara ini sebagai tepat dan amat relevan kerana memang umum tidak begitu mengetahui. Saya sendiri dahulu pun kalau ingat pengalaman saya sendiri beberapa tahun yang lalu memang saya agak buta maklumat tentang proses pilihan raya, proses mewujudkan parlimen, membubarkan parlimen, melantik Kabinet, jemaah menteri, bagaimana rang undang-undang ini diluluskan di Dewan Rakyat dan seterusnya dibahaskan di Dewan Negara dan seterusnya.

Perkara-perkara ini aspek pendidikan, agama, sosial, kebudayaan dan sebagainya kita hendak tekankan kepada rakyat jelata khususnya dari muda lagi bahawa kita memberi peluang mengikut amalan demokrasi perbahasan yang maksimum di dalam Dewan ini. Undang-undang yang kita hendak wujudkan, kita pertimbangkan halusi, begitu juga dengan denda-denda dan sekatan, penalti dan galakan cukai dan sebagainya semuanya dibincangkan dalam Parlimen.

Oleh kerana itu perkara pokok satu yang saya hendak cadangkan tentang hal ini dengan memberi sokongan yang begitu kuat. Saya hanya ada empat benda

untuk meringkaskan masa. Saya tahu ramai lagi kawan-kawan saya hendak bercakap, ini yang pertama. Saya lebih tertarik dengan tajuk ini untuk makluman Dewan yang mulia ini kerana dalam Persatuan Ahli-ahli Parlimen Komanwel juga kita memberi penekanan kepada pengwujudan *Youth Parliament* atau Parlimen untuk orang-orang muda malah dalam Persatuan Komanwel Parlimen di cawangan Malaysia, kita ingin mewujudkan satu cawangan sekretariat khas rantau Malaysia dan di antara yang kita beri penekanan ialah untuk menggalakkan pendedahan maklumat pendidikan mengenai proses demokrasi berparlimen dan sebagainya seperti mana yang telah saya cadangkan tadi. Oleh kerana itu, dalam usaha untuk menubuhkan Sekretariat Rantau *South East Asia* ini di antara tajuk yang diberi penekanan ialah untuk menggalakkan orang-orang muda berminat tentang soal-soal yang berkaitan dengan Parlimen, Perlembagaan Persekutuan dan sebagainya dan menggalakkan mereka mengetahui proses. Oleh kerana itulah saya harap Yang Berhormat Datuk Menteri yang berkenaan, bila Persatuan Ahli Komanwel Malaysia ataupun rantau *South East Asia* ini pun mengadakan program-program ini yang memberi tumpuan, sasaran kepada peringkat kolej dan universiti, kita akan mendapat sokongan daripada Yang Berhormat Menteri dan Jabatan Perdana Menteri sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang saya hendak bangkitkan ialah apa yang dibangkitkan oleh rakan saya, Yang Berhormat Dato' Lee Pit Chern semalam. Saya amat menyokong kerana beliau nampak sebagai seorang wanita, amat gender sensitive dan saya pun memang turut menyokong dan konsisten dalam perkara ini. Beliau membangkitkan soal kes pencen suami bila suami atau isteri mati, tax return dengan izin dan sebagainya. Cuma semalam, ada satu soalan lisan yang dijawab oleh Yang Berhormat Dato' Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, yang ingin saya bangkitkan di sini untuk Yang Berhormat Dato' Menteri.

Soalan oleh rakan saya, Tuan Zainal bin Rampak bercakap tentang elaun cuti kebapaan, paternity leave. Soalannya ialah bila isteri bersalin, bapa dapat cuti, bolehkah tidak beri sampai seminggu? Yang saya tidak sempat bertanya, mungkin dapat dipertimbangkan oleh Yang Berhormat Menteri, bagaimana kalau seorang itu, soalan ini saya tidak ada kepentingan sendiri. Soalannya ialah, kalau seorang itu ada dua, tiga atau empat isteri, bagaimana? Ertinya kalau seorang isteri, allocation satu minggu cuti. Bagaimana pula kalau sampai dua, tiga, empat isteri? Adakah ini dilanjutkan semua sekali? Ini soalan sampingan kepada Yang Berhormat Menteri

bila dalam menggubal rang undang-undang yang akan datang bila pihak kementerian yang akan datang membangkitkan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini sebenarnya, banyak lagi yang patut diberi perhatian dan pindaan oleh pihak kerajaan dalam soal gender sensitive ini dengan izin iaitu, Akta Pengajaran Kanak-kanak 1991, Akta Pembahagian Harta Pusaka 1958, Akta Pekerjaan 1955, Akta Cukai Pendapatan, Akta Keselamatan Sosial Pekerja, Ordinan Imigresen dan sebagainya. Yang saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri ialah, adakah diadakan satu perancangan yang rapi, yang strategik, memberi keutamaan kepada rang undang-undang yang mana dahulu kerana kita tidak ingin perselisihan di antara kementerian yang memulakan kajian mengenai sesuatu rang undang-undang dan kemudian tersekat di tengah jalan mengatakan bahawa "*Oh, ini tidak on track*" Sebenarnya, adalah bidang kuasa kementerian lain dan sebagainya. Jadi, saya harap, saya minta kepada Yang Berhormat Dato' Menteri untuk memberi sedikit penerangan tentang kaedah pindaan-pindaan yang dilaksanakan supaya dapat diselaraskan supaya apa yang baru-baru ini timbul tidak berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga yang saya ingin bangkitkan ialah mengenai Fasal 5 dan Fasal 6. Saya sepertimana rakan-rakan saya sebelum ini, turut mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan berterima kasih kepada kerajaan, juga tahniah kepada pihak yang berkenaan, iaitu Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Dewan Negara kerana sudah mendapat jawatan sepenuh masa dengan pembahagian elaun yang agak memuaskan. Saya ucap setinggi-tinggi tahniah. Sahabat saya Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman semalam, bercakap tentang cadangan mewujudkan ada sistem *committee*, yang dilihat di Jepun. Dia kata, ada sistem *committee*. Tadi di luar, saya kata "Dato' pasal you sudah *cover* semua, saya tidak boleh hendak sebut yang lain". Dia kata tidak apa. Dia sebut sipi-sipi. "You tolong bagi yang dalam-dalam sikit." Oleh kerana *understanding* begitu, saya kata ok.

Saya hendak bagi contoh. Pertama sekali saya cadang dan saya sokong kuat tentang pengwujudan sistem *committee* ini kerana dalam lawatan saya ke Parlimen Australia baru-baru ini, yang berpusat di Canberra, yang sebenarnya, menjadi model banyak Parlimen di Singapura pun, sebenarnya bermodelkan kepada sistem Parlimen di Canberra, Australia. Sistem *committee* ini berjalan dengan begitu amat baik sekali, ditentukan beberapa bidang-bidang khusus mengikut keutamaan.

Lebih-lebih lagi saya tertarik ialah ada *main committee* yang memang membahaskan usul-usul yang terlalu amat mustahak, kepentingan awam dan memberi peluang kepada rakyat jelata sekalian untuk datang memberi pendapat masing-masing. Saya rasa sistem ini yang ada *main committee* yang merupakan satu *public inquiry*, merupakan peluang untuk rakyat jelata datang memberi pendapat masing-masing dalam proses menggubal undang-undang. Pada saya adalah selaras dengan apa yang saya katakan awal tadi, untuk mewujudkan *Youth Parliament*.

Jadi, kalau untuk anak-anak muda, kita mendedahkan tentang pelajaran Perlembagaan Persekutuan dengan proses demokrasi berparlimen dan sebagainya, jadi bagi orang dewasa pula, mereka boleh mengambil bahagian dalam memberi pandangan-pandangan mereka atas tajuk-tajuk tertentu yang dipilih oleh pihak kerajaan, yang menghendaki maklum balas daripada pihak rakyat jelata sekalian. Saya rasa pendekatan ini, adalah selaras dengan senario masyarakat berilmu kerana masyarakat berilmu menuntut untuk kita membaca, mencari maklumat melalui Internet dan sebagainya. Mencari maklumat melalui kawan, rakan jaringan dan sebagainya. Oleh kerana itu, kita boleh membantu untuk meningkatkan tahap pengamalan sistem demokrasi berparlimen yang sama-sama telah kita alami itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik sepintas lalu menyebut di sini, walaupun boleh dibincang dengan lebih lanjut tentang amalan transparency yang begitu telus oleh Parlimen di Australia sebagai contoh, segala *Hansard* mereka, ucapan-ucapan di Parlimen semuanya masuk dalam *Internet on line* yang boleh diakses pada bila-bila masa. Malah, pada peringkat atasnya, ada *live web castingnya*. Bila saya balik, saya terus *check* tengok, betulkah cerita mereka ini, kadang-kadang dia cerita kata ada, tetapi sistemnya *down* bila kita hendak lihat. Alhamdulillah, di pusat cyber yang ada di Parlimen ini, bila kita melihat, saya menentukan yang saya *check* dahulu, sebelum saya hendak sebut di sini, memang ada live dan saya melihat live persidangan di Parlimen Australia sekarang ini berlaku dan kita boleh mengikutinya.

Dengan jalan ini, rakyat merasakan bahawa pihak kerajaan memberi peluang untuk rakyat jelata mengikuti apa Ahli-ahli Parlimen mereka buat. Dengan jalan ini, ia memberi kebaikan, check and balance kepada rakyat jelata sendiri yang melantik atau memilih wakil-wakil rakyat itu, mereka boleh melihat sendiri prestasi mereka dan boleh menggunakan akal fikiran untuk membuat keputusan, membuat pertimbangan dan dengan cara ini, segala maklumat songsang yang terpesong, akan boleh

diminimizekan dengan izin dengan cara ini. Walaupun saya tahu, kaedah ini juga akan merupakan dengan izin, 'a to edge sort', boleh juga memakan diri, seperti juga Internet. Internet ini baik, tetapi boleh memakan diri. Begitu juga dengan karaoke, saya bercakap, boleh juga memakan diri. Tetapi, kita melihat pada aspek positifnya. Kalau aspek positif itu se nantiasa ditekan, diulang dan diamalkan daripada peringkat umur muda lagi sehingga pada peringkat remaja, dewasa dan sebagainya. Pada saya consistency ini yang secara berterusan akan menghasilkan sesuatu yang positif.

Tuan Yang di-Pertua, perkara keempat secara ringkas yang saya hendak sebut ialah Fasal 12. Fasal 12 ini bercakap tentang perkara baru 160B. Sepertimana rakan-rakan saya terutama sekali Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Aziz semalam, begitu bersemangat memberi tahniah kepada pihak kerajaan tentang penggunaan bahasa Melayu dan bila pindaan ini katanya, bahasa Kebangsaan itu akan mengatasi teks bahasa Inggeris. Saya turut ucap tahniah. Cuma, yang saya hendak timbulkan ialah tentang kesangsian saya, yang saya percaya Yang Berhormat Dato' Menteri akan dapat menerangkan dengan jelas ialah Perkara 160B ini menyebut, saya petik. "Jika Perlembagaan ini telah diterjemahkan dalam bahasa Kebangsaan, maka, barulah benda itu wujud." Sebab jika ini, saya hendak tanya sikit, bila ada perkataan "jika Perlembagaan ini telah diterjemahkan dalam bahasa Kebangsaan" dalam senario kita hendak memperkasakan bahasa Kebangsaan, bahasa Melayu ini, saya ingin bertanya kepada pihak Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, adakah tidak perancangan tertentu yang khusus untuk menterjemahkan semua undang-undang ini dalam bahasa Kebangsaan ataupun adakah sudah diambil keputusan supaya semua rang undang-undang pindaan masa depan bermula Oktober 2001 umpamanya, semuanya hendaklah dalam bahasa Kebangsaan. Barulah pindaan Perlembagaan fasal ini akan menjadi relevan. Saya rasa barulah semangat bahasa Melayu, bahasa Kebangsaan dan sebagainya akan betul-betul dilihat oleh rakyat sebagai kerajaan bersungguh-sungguh.

Saya tekankan ini kerana saya juga menyokong kuat pandangan kerajaan untuk mempromosikan penggunaan bahasa Inggeris dengan lebih hebat, sebab bahasa ini juga bahasa ilmu selain daripada bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Tetapi bahasa Melayu, kita kena ingat, agak terhad. Kita cuba hendak melibatkan, mempeingkatkan dan kaedah menukar fasal ini adalah tepat. Jadi, pada saya, inilah yang saya hendak tentukan yang perkara ini ditangani dengan baik.

Lebih lanjut lagi saya hendak tanya, adakah atau tidak, saya ingin bertanya pihak kerajaan, pakar-pakar yang mempunyai kemahiran lengkap untuk membuat terjemahan ini kerana umumnya kita mengetahui umpamanya, Institut Terjemahan Malaysia umpamanya, yang sudah beberapa tahun diwujudkan, pun tidak begitu cemerlang prestasi mereka daripada segi penterjemahan, daripada segi bilangannya. Saya tidak bercakap mutunya sahaja, hanya daripada segi bilangan. Mutu soal lain. Ini pun saya hendak tekankan kerana secara kebetulan, Yang Berhormat Dato, saya ada dalam tangan saya ini, satu buku yang bertajuk "*Bahasa Melayu Dalam Cabaran*" [*Menunjukkan Buku Bahasa Melayu Dalam Cabaran*] Ini secara kebetulan saya pegang untuk tujuan yang lain sebenarnya dan agak relevan untuk saya bangkitkan di sini. Penerbitan Persatuan Linguistik Malaysia tahun 1997, Kumpulan Syarahan Raja Ali Haji 1991/1997. Yang paling *relevan*, saya amat tertarik ialah tentang kebolehan penterjemah ini. Saya hendak bagi contoh, dalam Penyata Razak 1956, telah dicadangkan supaya diwujudkan *language institute*. Saya percaya Yang Berhormat Datuk Seri Utama Dr. Rais pun tahu. Tujuannya baik untuk buat kaji bahasa, pengkajiannya dan sebagainya.

Kemudian bila bertukar di Johor Bharu, dia guna Maktab Bahasa, sudah lain sedikit, institut sudah jadi maktab. Bila berpindah ke Kuala Lumpur, ini cerita dalam buku ini. Saya pun terbayang-bayang balik bab ini, sebab itu agak relevan. Diterjemahkan lagi Maktab Perguruan Bahasa. Maka niat asal Penyata Razak 1956 sudah terpesong. Kajian mengenai bahasa dan sebagainya sudah terpesong daripada niat asal kerana sudah menjadi Maktab Perguruan Bahasa. Maktab Perguruan Bahasa melengkapkan diri para pelajar tentang ilmu-ilmu pengajaran khusus kepada bahasa. Lebih teruk lagi, mengikut sejarah sudah terpesong. Lain daripada bahasa, sudah masuk pelajaran-pelajaran lain.

Ini sebagai contoh untuk menentukan bahawa penterjemahan ini amat penting dan bagaimanakah kerajaan bercadang untuk menentukan bahawa terjemahan itu mengikut niat yang asal? Adakah umpamanya, akan dibuat kurungan dalam bahasa Inggeris tentang beberapa perkataan lain ataupun *direferencekan* kepada teks asal bahasa Inggeris kalau ada timbul kekeliruan sebagai contoh. Saya tidak tahu, saya bukan mahir dalam ilmu undang-undang tetapi, sekadar melihat daripada perspektif praktikal daripada segi penterjemahan bahasa dan sebagainya, saya rasa amat relevan.

Tuan Yang di-Pertua, setelah membuat beberapa pandangan yang telah saya sampaikan tadi, saya rasa keseluruhannya Pindaan Perlembagaan Persekutuan ini amat baik dan amat tepat sekali asalkan sekali lalu kita hendaklah memberi fokus untuk memartabatkan lagi bahasa kerana "*bahasa jiwa bangsa*". Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Datuk Christina Tibok Vanhouten: *[Bangun]*

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: *[Bangun]*

Puan Jamilah binti Ibrahim: *[Bangun]*

Datuk William Lau Kung Hui: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, ramai nampaknya yang hendak berucap. Saya minta kalau dapat dipendekkan, cuma yang penting sahaja disentuh. Dengan ini, saya jemput Yang Berhormat Datuk Nor Azah tadi. Sila.

12.05 tgh.

Datuk Nor Azah binti Awin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun juga untuk menyokong rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan 2001 seperti yang dicadangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat mengalu-alukan sebagai seorang wanita, Fasal 2, Perkara 4 yang melarang diskriminasi atas isu jantina atau perkataan yang saya rasa lebih sedap didengar iaitu isu gender. Kenyataan Yang Berhormat Menteri kelmarin yang menyatakan kedudukan kaum wanita di negara ini sudah lama setanding dengan kaum lelaki adalah lebih daripada benar. Juga dinyatakan bahawa sejak negara kita mencapai kemerdekaan selama 43 tahun, telah dilakukan 36 pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan. Saya mohon penjelasan daripada pihak kerajaan iaitu daripada jumlah 36 pindaan tersebut, berapakah yang ditujukan kepada pengurangan atau penghapusan diskriminasi terhadap wanita ataupun usaha untuk mencapai perseimbangan dalam aspek hak asasi wanita. Jika kenyataan bahawa wanita sudah lama setanding, kenapakah kerajaan mengambil masa yang panjang iaitu sehingga hari ini untuk melarang diskriminasi tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengimbas kembali kepada tahun 1995 di mana negara kita telah pun menandatangani satu konvensyen antarabangsa iaitu dengan izin, *Convention on the Elimination of all forms of Discrimination Against Woman* (CEDAW). Dengan itu terbukti bahawa negara kita beriltizam dan mengambil berat tentang hak asasi wanita. Adalah sangat dihargai sekiranya

mendapat penjelasan, setakat manakah pelaksanaan resolusi-resolusi yang telah ditandatangani setakat masa kini.

Juga pada tahun 1994 negara kita telah meluluskan akta bagi mencegah keganasan terhadap wanita bernama dengan izin, *Domestic Violence Act 1994* dan akta ini adalah satu-satunya kebanggaan dalam sejarah perundangan kita. Dengan tindakan positif ini akta tersebut telah dicontohi oleh beberapa negara lain seperti Turki, Kanada dan Brunei. Ini bermakna negara kita sudah terbukti sebagai ulung dalam isu perjuangan wanita dan sentiasa dicontohi. Saya ingin mengucapkan syabas.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi aspek yang masih diperjuangkan oleh kaum wanita adalah undang-undang syariah dan wanita Islam. Pernah saya syorkan di Dewan yang mulia ini agar pihak kerajaan peka terhadap melindungi hak-hak wanita Islam agar dipertanggungjawabkan kepada mahkamah-mahkamah syariah di seluruh negara. Sering kita dengar wanita-wanita Islam terpaksa bertentangan dengan anggota mahkamah syariah untuk menuntut hak dan untuk mendapatkan layanan yang adil sahaja. Persoalan-persoalan seperti nafkah, seperti penceraian, saraan, penjagaan anak-anak, pembahagian harta warisan semuanya belum lagi dapat ditangani dengan berkesan. Juga kelewatan penyelesaian beratus-ratus malahan beribu-ribu kes menyebabkan ramai wanita terutama ibu tunggal menderita dan mengalami kesusahan.

Saya merayu supaya mahkamah syariah agar dapat segera diseragamkan dan hendaklah lebih mesra wanita. Isu ini bukanlah isu yang baru telah lama diperkatakan telah banyak usaha yang dilaksanakan dan saya percaya dengan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan terutama Fasal 2, Perkara 8 ini masalah-masalah tersebut dapat diberikan perhatian yang teliti dan dapat diselesaikan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kami wanita merayu, dalam kami wanita meminta agar diberi hak dan persamaan, kami wanita-wanita di negara ini ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah menubuhkan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga pada 17 Januari 2001. Pengiktirafan terhadap sumbangan dan perjuangan wanita kepada pembangunan negara selama ini telah dirakamkan. Langkah itu tepat sekali kerana wanita mewakili 49.3% daripada jumlah penduduk negara sementara kadar penyertaan tenaga buruh wanita ialah 44.5%.

Juga harus dimaklumkan bahawa nisbah penuntut-penuntut perempuan adalah melebihi daripada penuntut-penuntut lelaki yang cemerlang. Ini bermakna tidak akan menjadi mustahil sekiranya pada masa hadapan malahan dengan izin, near future kaum wanita akan mengisi jawatan-jawatan yang penting. Sekarang kita sudah pun menyaksikan Gabenor Bank Negara, Peguam Negara dengan izin, solicitor general, KSU, TKSU dan ramai tokoh masyarakat daripada kalangan wanita. Mungkin inilah juga salah satu daripada lonjakan paradigma atau dengan izin paradigm shift yang selalu kita sebut akan berlaku dalam alaf ke 21 ini.

Kita juga lihat presiden-presiden di negara ASEAN daripada kalangan wanita seperti Gloria Macapagal Arroyo dan Megawati Sukarnoputri. Satu fenomena yang mungkin bukan sahaja kalangan lelaki malahan wanita juga, kita rasakan sebagai mustahil tidak berapa lama dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekarang ini menyentuh tentang sumbangan wanita kepada pembangunan negara. Sementara Perlembagaan kita sebelum ini membezakan daripada segi jantina iaitu antara wanita dan lelaki adalah mendukacitakan bahawa angka-angka dan statistik-statistik dari segi petanda ekonomi atau dengan izin, *economic indicators tidak* dibentangkan mengikut jantina atau dengan izin, *sex desegregated data*. Maka itu *advocacy* kita dalam memperjuangkan hak wanita tidak dapat keberkesanan selagi tidak disokong dengan data-data yang tepat dan terkini. Saya percaya dengan adanya Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, persoalan itu dapat diselesaikan dan diberi peruntukan yang cukup.

Dalam aspek ini wanita-wanita di seluruh dunia terutama di negara maju telah dan masih mempertikaikan sumbangan wanita daripada segi kerjaya mereka sebagai suri rumah tangga. Adakah kita menerima hakikat bahawa mereka tidak memberi apa-apa sumbangan kepada negara. Fikirkan sekiranya seorang isteri yang bekerja tentu sekali memerlukan pembantu rumah. Soalan yang kita ketengahkan ialah, adakah pembantu rumah itu merupakan seorang yang berkemampuan untuk mengambil alih ke semua tugas rumah tangga seperti menjaga anak, memasak dan sebagainya.

Saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini dapat menilai sumbangan seorang isteri yang mungkin tidak dapat dinilai dengan wang ringgit. Saya dengan ini ingin mengesyorkan agar segala usaha-usaha yang dijalankan oleh tiap-tiap suri rumah tangga dinilai, diiktirafkan sebagai salah satu daripada jumlah

productivity dengan izin, atau pengeluaran negara. Saya percaya inilah satu yang radikal tetapi kami wanita-wanita di platform antarabangsa masih mempertikaikan isu ini. Dengan ini barulah diskriminasi ke atas wanita dihapuskan sepenuhnya dan wanita akan dianggap sebagai satu sumber penjana pertumbuhan juga walaupun secara pasif iaitu sebagai rakan kongsi kepada kaum bapa.

Tuan Yang di-Pertua, saya tahu masa tidak mengizinkan. Banyak lagi isu-isu yang patut dikemukakan di samping apa yang telah dikemukakan oleh rakan-rakan saya di Dewan ini tetapi memadamkan setakat ini. Dengan kehadiran Yang Berhormat Menteri undang-undang hari ini ingin kami wanita-wanita Parlimen telah menubuhkan satu caucus politik wanita Malaysia yang mana masih dalam proses penubuhan iaitu satu pertubuhan yang terdiri daripada Ahli-ahli Parlimen wanita, Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat dan juga ahli-ahli wanita dari Dewan Undangan Negeri-negeri. Ini tidak mengecualikan ahli-ahli dari parti pembangkang.

Penubuhan ini adalah di atas kesedaran bahawa perlunya satu proses untuk memperjuangkan hak wanita secara efektif di mana *caucus* tersebut menjadi *conduit* dengan izin, atau orang tengah di antara pelbagai pertubuhan wanita dengan pihak pembuat undang-undang atau *law maker*. Kami merayu kepada Yang Berhormat Menteri agar rang undang-undang yang melibatkan wanita atau gender dapat melibatkan pihak *caucus* daripada tahap *drafting* dengan izin, atau penggubalan agar input kami didengar dan diberi perhatian terutama dengan pindaan yang dibuat pada hari ini, kami percaya banyak lagi undang-undang lain yang akan dipinda agar mendapat penyelarasan daripada segi gender.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana saya lihat sudah pun lapan orang Ahli Yang Berhormat yang berucap dan saya rasa oleh kerana kita kesuntukan masa, dengan ini saya dengan segala hormatnya menjemput Yang Berhormat Datuk Menteri, Datuk Seri Rais Yatim untuk menjawab semua soalan-soalan.

12.15 tgh.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim]: Bismillahi-rahmannir-rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Timbalan Yang di-Pertua: Waa laikummusalam.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih serta penghargaan setinggi-tingginya kepada setiap anggota

Dewan Negara yang telah mengambil bahagian membincangkan, membahaskan rang undang-undang bagi meminda Perlembagaan Persekutuan (No.2) tahun 2001.

Tuan Yang di-Pertua, daripada lapan orang yang telah disebut sebentar tadi jelaslah bahawa tumpuan atau fokus terhadap Perlembagaan Negara merupakan tumpuan yang penting dan mendapat priority dengan izin, atau keutamaan dalam pemikiran para legislator yang berada di Dewan tertinggi negara ini.

Sebelum saya khusus menjawab beberapa persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, sukacita saya menyatakan bahawa bagaimana bijak atau cerdik pun seseorang itu dalam undang-undang tidak dapat beliau itu merumuskan bagi pihak kerajaan tentang keperluan daripada segi Perlembagaan Negara. Malah pernah diakui oleh ramai para juris dunia khususnya yang berada di negara-negara Komanwel ataupun yang berada di *continent* Amerika Syarikat, sekalipun di negara-negara Timur Tengah bahawa sesuatu perlembagaan itu hanya akan tahu kelemahan atau butir-butir yang menguatkannya setelah dipakai.

Justeru ramai pihak yang berkata, walaupun seseorang itu mahir berundang-undang tetapi bicara kalah kadangkala. Dalam hal yang sedemikian memadai bagi saya Tuan Yang di-Pertua menyatakan, pindaan kepada peruntukan-peruntukan yang diperbuat oleh kerajaan pada perenggan ini adalah yang boleh dikategorikan sebagai tidak kontroversial. Sekiranya kontroversial, tentu hal-hal yang dibangkitkan lebih hangat dan hujah-hujahnya pun mungkin lebih tajam. Kita melihat kepada perkembangan di negara, oleh kerana tradisi orang Melayu khususnya dan masyarakat Malaysia amnya melihat kepada perkembangan sekitar di tanah air memerlukan tindakan-tindakan ubahsuai dari semasa ke semasa. Lantaran itulah dikemukakan pindaan-pindaan tersebut. Orang tua-tua pernah berkata;

*“Pisau raut si bongkok ulu,
bentang tilam tengah halaman,
pasir dan laut menjadi guru,
alam terbentang jadi pedoman.” [Tepuk]*

Jadi, pedoman yang kita ambil ini ialah dari alam sekitar, daripada gelagat perjuangan, daripada masalah-masalah yang ditimbulkan oleh persekitaran perjuangan serta susun dan tata cara kita mengendalikan negara. Setelah menjawab sedemikian, izinkan saya Tuan Yang di-Pertua, menjurus kepada persoalan-persoalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Saya berterima kasih kepada Dato' Abdul Aziz di atas tahniah beliau untuk kerajaan di atas kesedaran yang telah ditimbulkan dengan membawa pindaan ini. Sebagaimana berlaku di Dewan Rakyat di mana hujah-hujah dan perbincangan hangat, di sini pun kebanyakan isi hujah-hujah itu seakan-akan sama yakni menentukan had-had sesuatu kuasa dan mempersoalkan kebijaksanaan yang diduga muncul daripada pindaan-pindaan tersebut.

Dato' Abdul Aziz menyatakan bahawa termasuk istilah jantina dalam pindaan kepada Perkara 8(2) itu kena pada tempatnya dan pandangan sebegini juga adalah dikemukakan oleh hampir ke semua yang mengambil bahagian dalam membahaskan pindaan-pindaan yang dikemukakan.

Sama ada mungkin perlu berlaku satu *class action* sebagaimana beliau menjangkakan mungkin berlaku pada satu ketika, apakah jadi katanya kalau ada sesuatu tindakan *class action* bila ada wanita yang diketepikan oleh pihak-pihak tertentu. Sesungguhnya pindaan ini akan memberi satu platform yang luas kepada wanita. Sekiranya seorang wanita itu mendapati bahawa haknya ataupun sesuatu yang dituntut di bawah undang-undang telah tidak terpakai atau diberi pemakaiannya kepada seseorang wanita, beliau boleh menggunakan sama ada menerusi *class action* atau menerusi tindakan individu menerusi writ di mahkamah atau menerusi petisyen semata-mata untuk menentu dan memastikan agar hak itu diberi kesamatarafan di sisi undang-undang.

Dengan yang demikian, mungkin pihak-pihak selepas ini mengemukakan tuntutan daripada segi layanan di pejabat atau daripada, dengan izin, *sexual harassment* yang dikatakan telah melanda beberapa pihak ataupun tuntutan-tuntutan yang berkaitan dengan pencen terbitan seperti yang disebut oleh beberapa pihak yang berucap sebentar tadi.

Saya juga mengambil pandangan daripada pihak-pihak yang telah mengemukakan hal-hal berkaitan dengan penyelarasan undang-undang lain dan penyelarasan ini adalah usaha yang berterusan. Sekiranya didapati mana-mana peruntukan yang bertentangan dengan Perlembagaan, maka peruntukan itu biasanya dihapuskan dengan meminda peruntukan tersebut. Oleh kerana dalam konsep perundangan di seluruh dunia, Perlembagaan sesebuah negara itu adalah dokumen terpenting dan tertinggi martabatnya. Apa-apa undang-undang yang bercanggah dengannya adalah dengan sendirinya dianggap sebagai tidak terpakai.

Juga dikemukakan ialah cadangan supaya anggota-anggota senat diberi pertimbangan menambah tempoh khidmatnya seperti, sebagai perbandingan ditimbulkan situasi di Filipina dan juga ahli-ahli kongres di negeri yang berkenaan. Pindaan yang dikemukakan ini yang mengaitkan kedudukan seseorang Senator adalah supaya beliau tidak kehilangan dari segi tempoh perkhidmatannya apabila menggantikan tempat seseorang yang perlu digantikan menerusi keadaan alam dan menerusi keadaan melibatkan seseorang itu mati atau meninggal dunia. Sama ada dipertimbangkan oleh kerajaan atau tidak, menambah sesuatu segmen perkhidmatan itu untuk ditokok sedemikian rupa, ini terserahlah kepada dasar dan perlunya pihak kerajaan meneliti dengan mendalam.

Berka itan dengan Panglima Angkatan Tentera dan muslihat mengenai istilah, ini telah panjang lebar dibincangkan oleh kerajaan dan Kementerian Pertahanan berpendapat bahawa istilah Panglima Angkatan Tentera itu adalah sesuatu yang dianggap tepat dan mencerminkan keadaan seluruhnya. Pihak kementerian berkenaan memang mengambil pandangan yang serius terhadap punca-punca kepimpinan yang muncul dari masa ke semasa atas soal, siapakah yang akan menjadi Panglima Angkatan Tentera pada masa-masa akan datang. Tentunya kecerdasan aspek-aspek pimpinan yang tinggi serta kebolehan mengawal situasi dalam ketenteraan menjadi perhitungan utama.

Sama ada seseorang itu muncul dari sektor TUDM atau tentera udara, mahupun dari Bahagian Ketenteraan Darat ataupun dari Ketenteraan Laut ini adalah perhitungan-perhitungan yang boleh dibuat oleh Suruhanjaya Ketenteraan dan semestinya dengan kelulusan menteri serta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri.

Mengenai Perkara 119, suka saya menyatakan di sini iaitu ada dua tujuan khusus. Pertama ialah menjawab soalan bilakah seseorang itu dianggap sebagai pemilih sah atau seseorang yang menjadi pengundi sah? Jawapannya ialah dengan pindaan ini, apabila beliau itu memohon untuk menjadi pemilih tidak lagi tarikh-tarikh lain atau tarikh warta atau tarikh pentadbiran yang dibuat oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR). Yang kedua ialah tarikh seseorang itu memohon untuk berpindah dari satu kawasan pilihan raya ke kawasan pilihan raya yang lain.

Dengan lain perkataan, seseorang itu nanti tidak boleh lagi dipindahkan tanpa pengetahuan dan persetujuan pemilik itu dari satu tempat ke tempat yang lain. Selama ini ada keluhan yang dikemukakan iaitu seseorang pengundi tiba-tiba dialih

tempat mengundinya dan beliau tidak mengetahui perkara tersebut. Kedua, golongan-golongan tertentu tiba-tiba didapati nama mereka tidak ada lagi dalam sesuatu constituency, dengan izin, kawasan pilihan raya. Setelah pindaan ini berlaku, dan setelah pindaan susulan dibuat kepada beberapa akta di bawah jurisdiction atau bidang kuasa pilihan raya yakni Akta Kesalahan Pilihan Raya, Peraturan Perjalanan Pilihan Raya serta Akta Pilihan Raya itu sendiri dipinda, insya-Allah ke arah hujung tahun ini maka kehendak Perlembagaan ini akan diterjemahkan ke dalam sistem pentadbirannya yang lebih kemas.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Timbalan Yang di-Pertua dan juga Yang di-Pertua di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat adalah naskhah Rang Undang-undang (Pindaan) Saraan Ahli-ahli Parlimen dan setelah dilihat nanti, peruntukan-peruntukan itu maka fahamlah kita bahawa pindaan yang dibawa oleh kerajaan pada hari di bawah Perlembagaan sesuai dengan pindaan-pindaan yang bakal dikemukakan kepada Dewan sebentar lagi.

Dengan itu penyelarasan tersebut adalah penyelarasan yang menyeluruh dari segi meletakkan status Timbalan Yang di-Pertua itu kembali sebagai status sepenuh masa. Tidak lagi separuh masa atau sambilan seperti yang berlaku. Kedua, menimbangkan supaya kadar gajinya juga diletakkan di paras yang bersesuaian dengan tanggungjawab dan juga kedudukan seseorang Timbalan Yang di-Pertua. Bukan itu sahaja, Yang di-Pertua juga beroleh lonjakan sedikit daripada segi gajinya dan juga beberapa aspek kepada elaun, kedudukan dan lain-lain perkara.

Ingin saya mengaitkan sedikit dengan teguran Yang Berhormat Senator Tuan Rosli iaitu memohon supaya kedudukan Yang di-Pertua dipertimbangkan agar tidak berada di tahap yang merunsingkan Ahli-ahli Dewan ataupun dengan keadaan di mana kedudukan Yang di-Pertua Dewan Negara tidak setimpal, mungkin daripada segi pandangan pihak-pihak tertentu.

Suka saya menyatakan bahawa kedua-dua Yang di-Pertua Dewan beroleh tempat tertinggi dalam mana-mana kedudukan majlis kerajaan di tanah air. Pertama, Yang di-Pertuan Agong, kedua Perdana Menteri, ketiga Timbalan Perdana Menteri selepas itu ialah Yang di-Pertua Dewan. Daripada segi itu tidak adalah permasalahan protokol. Tinggal lagi barangkali bak kata orang tua-tua juga, "fikiran tidak datang sekali, pandangan tidak sesaujana". Oleh itu, ada barangkali beberapa pangkat atau honor yang belum lagi diberikan kepada sesuatu individu. Insya-Allah sekiranya pihak pentadbiran Parlimen merumuskan pandangan dan menjuruskannya

kepada Jabatan Perdana Menteri, barangkali boleh dibuat sesuatu dari masa ke semasa. Sekarang Speaker Dewan Rakyat sudah tidak bermasalah daripada segi itu. Barangkali Speaker Dewan ini sampailah masanya juga pada ketika yang berkenaan. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh tentang teks sah di bawah 160 dan 160B. Ringkasnya, ingin saya menyatakan jika Ahli-ahli Yang Berhormat melihat kepada Perlembagaan ini, kita mempunyai 183 peruntukan dan 12 jadual. Di jadual terakhir, akan dilihat di situ peruntukan di mana dikatakan dengan izin, saya baca yakni peruntukan Seksyen 46 kepada fasal-fasal am atau Ordinan Penaksiran dan Fasal-Fasal Am 1948.

Seksyen 46 ordinan itu yang dijadikan sebahagian kepada Perlembagaan berbunyi, "Jika ada apa-apa pertelingkahan atau perselisihan antara naskhah bahasa Inggeris sesuatu undang-undang bertulis dengan sesuatu terjemahannya, maka naskhah bahasa Inggeris itu hendaklah dipakai". Kalau kita tidak pinda peruntukan ini, bermakna apa pun kita buat dalam Perlembagaan atau undang-undang, bahasa Inggeris itu tetap menjadi naskhah sah.

Dengan yang demikian, Jabatan Peguam Negara telah berunding dengan pihak Jabatan Perdana Menteri mendapati bahawa harus dipinda perkataan-perkataan atau peruntukan-peruntukan itu dan setelah dipotong, maka sekarang dimuatkan kehendak asas iaitu menjadilah bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi di bawah perkara-perkara tertentu yakni 152 Perlembagaan. Di samping itu bahasa Melayu juga akan menjadi bahasa sah dalam semua undang-undang setelah undang-undang itu diterjemahkan atau setelah diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong.

Suka saya menjawab soalan daripada Yang Berhormat Datuk Ghazi yang bertanya, adakah undang-undang negara diterjemahkan? Jawabnya ada dan semua undang-undang negara telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu termasuk Perlembagaan. Jadi, sekiranya setelah berkuat kuasa pindaan ini, naskhah yang dicetak dalam bahasa Melayu itu nanti bolehlah diperuntukkan terus sebagai naskhah sah.

Bagi menjawab soalan sama ada ini akan menjejaskan *scholarship* atau penyelidikan, jawabnya mudah iaitu setiap rang undang-undang juga diberi versi bahasa Inggeris. Bagi mereka yang ingin menelaah dan bagi mereka untuk berhujah

menggunakan *nexus common law* ataupun *nexus comparative law* dengan izin, bagi tujuan mencari sesuatu nas atau hukum undang-undang itu lebih jelas dan afdal lagi.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Melanie menyentuh tentang soal-soal berkaitan Perkara 6(2). Sebelum saya pergi menjawab, izinkan saya menerangkan iaitu pada masa ini kita sudah sedia ada peruntukan 6 dan peruntukan 6(2) yang ada sekarang perlu saya baca, "Segala jenis kerja paksa adalah dilarang tetapi Parlimen boleh dengan undang-undang, membuat peruntukan bagi perkhidmatan kerahan bagi maksud-maksud negara" Ini luas ertinya.

Justeru, kita mengambil tindakan supaya lebih jelas lagi kedudukan bagi banduan dan dengan keadaan banduan pula, kerja berkaitan dengan menjalankan hukum penjara yang dijatuhkan oleh mahkamah tidak dikira sebagai kerja paksa dalam erti perkara ini. Dengan lain perkataan, sekarang pun peruntukan ini sudah ada bagi banduan menjalankan tugas-tugas yang dikenakan syarat oleh pihak berkuasa awam apabila dikehendaki. Peruntukan yang diminta ini ialah pindaan kepada Perkara 6(3) sebenarnya, adalah untuk membolehkan undang-undang dibuat bagi mewujudkan hukuman alternatif, yakni hukuman sebagai ganti denda atau pemenjaraan.

Jadi, pindaan kepada Perkara 6(3) hanyalah bagi maksud menghapuskan halangan kepada pembuatan undang-undang sedemikian. Tanpa pindaan ini, hukuman seperti perintah mahkamah supaya pesalah bukan banduan mengutip sampah misalnya, akan dikira sebagai kerja paksa yang dilarang di bawah Perkara 6(2). Jadi, dengan pindaan ini bolehlah hakim secara alternatif misalnya tidak menghantar seseorang itu ke penjara sepenuh masa tetapi boleh dihukumkan "Anda dikenakan membuat kerja (a) (b) (c) dan (d) di bawah pengawasan sianu-sianu ataupun jabatan-jabatan berkenaan."

Itulah implikasi sebenarnya dan saya hanya menerangkan agar Ahli-ahli Yang Berhormat jelas benar dalam pemikiran, apakah maksud Perkara 6(2), 6(3) yang disebut sebentar tadi.

Beliau juga menanyakan apakah risiko yang mungkin timbul. Risikonya memang ada beberapa. Pertama, mungkin orang yang dihukum itu cabut lari semasa kerja kalau tidak cukup pengawasannya. Yang kedua, pengawasannya dan corak-corak menentukan bidang tugas pun menjadi masalah. Kerajaan adalah memaklumi keadaan dan kemungkinan-kemungkinan ini. Justeru, beberapa

peraturan yang lebih jelas akan diperbuat sama ada di bawah Akta Penjara ataupun di bawah peruntukan-peruntukan Peraturan Penjara Tahun 2000 yang ada sekarang untuk pindaan menterjemahkan bagaimana sebaik-baiknya urusan ini dilaksanakan.

Mengenai kemungkinan situasi sisuami dan siisteri mempunyai masalah dalam masa menerima layanan yang sama. Insya-Allah, kementerian baru yakni Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga akan dikemukakan dengan persoalan-persoalan ini dari masa ke semasa termasuk persoalan yang dikemukakan terakhir sebentar tadi oleh Yang Berhormat Datuk Nor Azah bukan sahaja berkaitan dengan keputusan CEDAW atau *Convention on Elimination of Discrimination Against Women 1995*, dengan izin, tetapi juga berkaitan dengan nafkah, masalah penyelarasan mahkamah, keputusan-keputusan penghakiman yang bercanggah, *conflict of laws* dengan izin, dan beberapa lagi perkara yang penting yang sentiasa dihadapi oleh kaum wanita. Harus diadakan beberapa jawatankuasa bertindak di perenggan kementerian berkenaan dan bekerjasama dengan Jabatan Perdana Menteri agar dapat kita atasi hal-hal yang disebut sebagai kemungkinan-kemungkinan besar itu.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya pergi kepada persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Puan Jamilah binti Ibrahim. Beliau banyak mengemukakan perbandingan-perbandingan tentang wanita tetapi sebahagian daripada hujah ini telah pun diketahui oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam masa kita membincangkan misalnya, soal wanita-wanita comel yang tidak dibenarkan kerja atau sebahagian daripada wanita yang dikatakan beroleh diskriminasi dalam pembangkang.

Secara am harus dinyatakan setelah diluluskan peruntukan 8(2) ini khususnya maka diskriminasi akan diteropong oleh kerajaan. Dan saya ulangi, sekiranya muncul instansi atau peristiwa-peristiwa di mana wujudnya diskriminasi tersebut, haraplah dikemukakan kepada kementerian yang berkenaan supaya tindakan penyelarasan diambil.

Tentang umur 56 sebagai umur bersara, sesungguhnya perkara ini telah pun dikuatkuasakan oleh kerajaan. Justeru, pindaan bagi peruntukan yang menyentuh tentang Setiausaha Dewan Negara dan Setiausaha Dewan Rakyat adalah berkuat kuasa selaras dengan keputusan kerajaan itu. Dan turutan kepada itu tidaklah perlu lagi kita mengubah Perlembagaan oleh kerana ia akan mengikut apa yang diputuskan oleh kerajaan dari masa ke semasa maka Setiausaha Dewan Rakyat,

Setiausaha Dewan Negara pun akan beroleh pindaan status dan kedudukan angka bersara mereka dari masa ke semasa.

Yang Berhormat Senator Naidu mempersoalkan tentang Perkara 6(3), khidmat pesalah. Saya telah menyentuh sebentar tadi dan saya berharap penjelasan itu memuaskan. Beliau juga mencadangkan supaya, gaji RM1.20 katanya kepada banduan dan mereka yang didapati bersalah atau yang telah dipenjarakan, terlalu kecil, elok diberi amaun yang lebih.

Saya suka me mbetulankan sedikit iaitu banduan tidak ada diberi gaji. Mereka hanya diberi sedikit imbuhan kepada kerja-kerja yang mereka lakukan semasa menjalani hukuman penjara. Sama ada RM1.20 ini berpatutan atau tidak mengikut jangka tempoh yang ditentukan, ini akan ditimbang oleh kerajaan daripada masa ke semasa. Saya bolehlah mengemukakan pandangan ini kepada pihak berkuasa Kementerian Dalam Negeri khususnya kepada Jabatan Penjara untuk ditimbang semula sekiranya perlu dan wajar.

Tuan Yang di-Pertua, ha! bab yang berikut ini agak sensitif yakni pandangan sesetengah pihak kononnya Senate bukanlah satu Dewan yang dapat dipertanggungjawabkan dalam erti kata sebenar, katanya. Soalan ini juga yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Rosli meminta supaya imej rubber stamp katanya kepada Dewan Negara tidak wujud.

Saya pun tidak pernah terbayang dan saya percaya tidak ramai orang yang sekutu dengan Lim Kit Siang dahulu yang menyatakan Dewan ini sedemikian tetapi dalam pada kita menyatakan begitu terserah kepada anggota Dewan untuk menyanggah menerusi input kita semasa berhujah, semasa kita menyampaikan pandangan, cara kita menganalisis sesuatu pindaan, cara kita berinteraksi dengan sistem yang ada di Dewan dan seterusnya cuba memunculkan imej bahawa Dewan ini mempunyai *originality* atau sifat yang asas dan asal dalam menentukan cara kita menjuarakan sesuatu isu.

Kita tidak boleh terima pandangan pembangkang dengan mengatakan bahawa ini adalah Dewan rubber stamp sebab ini memang kerja pembangkang. Dan sebaik-baik dan sesenang-senang tukang ialah tukang caci. Mereka akan sentiasa kata Dewan kita tidak seperti yang dianggapnya. Asalkan kita sendiri tidak berasa sedemikian, itulah yang lebih penting. Walau bagaimanapun, dalam Perlembagaan kita sudah menetapkan bahawa Dewan Negara adalah Dewan tertinggi, *The Upper House of Malaysia* dan ini adalah sama dengan taraf yang ada di Britain di samping

The House of Commons, kita mempunyai di sana *The House of Lords*. Itu adalah satu perbandingan yang setara. Dan saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat akan berpegang teguh kepada prinsip tersebut dan menyerlahkan tindakan serta penyelarasan hujah-hujah kita di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai harapan supaya Timbalan Yang di-Pertua membantu Speaker dan sebagainya. Ini semestinya dilakukan tetapi ingin saya menyarankan iaitu kunci kepada membantu ialah mengetahui Peraturan Mesyuarat.

Saya lihat Peraturan Mesyuarat Dewan Negara sudah diperbaharui dalam buku yang merah. Buku ini tebal juga dan tentulah apa yang berlaku di Dewan Rakyat berlaku juga di sini walaupun tidak mengikut jumlah atau kadar yang tinggi. Namun peruntukan-peruntukan di sini agaknya adalah peruntukan-peruntukan yang asas yang perlu kita semua mengetahui daripada segi kelancaran perjalanan di Dewan yang mulia ini.

Kalau di Dewan Rakyat telah dikemukakan pindaan tempoh hari kepada Perdana Menteri atau peraturan mesyuarat, barangkali juga Dewan Negara mungkin mempertimbangkan beberapa pindaan yang perlu diwujudkan supaya tugas-tugas lebih licin dan kuasa-kuasa atau jurisdiction yang diperlukan dapat diperbaiki.

Pandangan supaya Jabatan Parlimen tidak tertutup dan diberi peluang kepada kakitangan yang tertentu supaya dapat menyusul dengan kenaikan pangkat, ini adalah pandangan yang baik dan oleh kerana soal-soal pentadbiran di Parlimen terserah kepada speaker masing-masing, maka sekiranya kedua-dua speaker mempunyai pandangan yang tertentu terhadap tenaga sokongan dan juga perkhidmatan am di kedua-dua Dewan, saya tidak keberatan untuk membawa perkara ini sekiranya menerima memorandum daripada Jabatan Parlimen dan akan membawa ia ke perenggan yang tertinggi.

Pindaan kepada Perkara 119, ini pun tidak kontroversial. Sekarang dengan tokohnya ahli-ahli SPR itu akan boleh bagi pihak yang berkenaan menimbangankan anggota-anggota lain mungkin bagi menyerapkan kepentingan di Sabah dan Sarawak atau sektor-sektor lain dan juga diharapkan dengan pertambahan anggota SPR ini, maka perjalanan serta khidmat pilihan raya di negara lebih licin. Kita beranggapan badan bebas tersebut akan boleh menyajikan khidmat yang lebih berkesan dan menerima kurang aduan atau petisyen daripada orang ramai.

Yang Berhormat Dato' Lee Pit Chern menyarankan supaya undang-undang yang berdiskriminasi katanya wajar dipinda. Pandangan ini amat baik dan sekiranya

Yang Berhormat mendapati dalam penelitian bahawa kemungkinan ada beberapa aspek diskriminasi yang mungkin muncul, silalah bawa ke perhatian kerajaan kita akan pinda dan diselaraskan. Suka saya menyatakan iaitu Jabatan Peguam Negara telah diberi kelonggaran untuk mengkaji secara mendalam sesuatu pandangan awam, menjawab pandangan awam dengan segera dan cuba meminda undang-undang lapuk atau undang-undang yang tidak lagi sesuai daripada segi perjalanan negara sebagai negara yang berdaulat dan mempunyai misi tertentu untuk kesejahteraan rakyat.

Tetapi mungkin pihak-pihak berpendapat, ini adalah kata-kata sedap belaka tetapi sukar hendak dilaksanakan. Insya-Allah, kita akan laksanakan. Kabinet telah memutuskan misalnya Jabatan Peguam Negara hendaklah dalam tempoh tiga bulan sekali menyenaraikan semua undang-undang yang berada dalam perhitungannya atau kajiannya dan memaklumkan kepada Kabinet perenggan kemajuan sesuatu undang-undang tersebut. Dalam keputusan itu juga bolehlah dimasukkan pandangan jabatan tersebut tentang apa-apa diskriminasi yang berlaku kepada mana-mana pihak di bawah mana-mana undang-undang negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya telah menyebut sedikit tadi tentang pandangan-pandangan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Rosli, saya hanya menambah sedikit lagi tentang penghormatan tadi. Penghormatan ini sesungguhnya akan sendiri muncul apabila anggota Dewan ini memainkan peranan yang lebih semasa di sini ataupun di luar. Mungkin saya boleh cadangkan sedikit iaitu selepas sidang, Kelab Senator pun turun ke padang berceramah membantu kerajaan, mengambil slot pada platform-platform tertentu dan berucap satu-satu topik yang penting. Mana yang Barisan Nasional, membantu sistem Barisan Nasional di kawasan-kawasan tertentu, mana yang dalam parti pembangkang misalnya, juga memainkan peranan yang membawa kepada imej bahawa Dewan ini bukanlah Dewan yang hanya bergerak semasa musim tetapi juga di luar musim.

Ini hanyalah pandangan. Barangkali Ahli-ahli Yang Berhormat bolehlah mempertimbangkan sebab sebahagian daripada yang hadir di sini adalah kenalan lama belaka dan hebat-hebat belaka dalam menyuarakan pandangan-pandangan tertentu.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Datuk Menteri. Saya amat bersetujual dengan cadangan Datuk supaya kita turun ke medan untuk bersama dengan

masyarakat menjelaskan tetapi apa halnya dengan trend yang ada sekarang ini, polis dengan arahan daripada kerajaan tidak memberi permit kepada semua ceramah. Bagaimana keadaan double standard ini berlaku?

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Jadi, masalahnya belum pun habis soalan itu sudah pun dikatakan *double standard*. Jadi, *double standard* tidak ada. Yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Siti Zailah ialah Seksyen 27, Akta Polis di situ kita hanya memohon mengadakan ceramah dan sekiranya dibuat dalam Dewan atau di mana kawalan keselamatan itu terjamin, saya percaya diberi.

Mengikut makluman yang saya terima pagi tadi di Terengganu misalnya, diadakan tujuh ceramah besar-besaran dalam tempoh empat hari yang lalu bermakna tidak ada cegahan daripada polis. Keadaan ini harus diteliti sebagai satu pelawaan di mana polis memberi permitnya bukanlah sesuatu yang dihadang begitu sahaja. Data juga menunjukkan bahawa PAS mempunyai ceramah yang paling banyak di negara dalam tempoh tiga bulan yang lalu. Ini juga bukti bahawa apa yang diduga itu tidaklah setepat yang dihamburkan sebentar tadi.

Walau bagaimanapun, pandangan saya itu adalah pandangan supaya dikaitkan dengan hujah bahawa Dewan mesti cemerlang *performances* dengan izin, atau tindakan-tindakan yang perlu diisi.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa terhad dan saya sentiasa melihat ke kanan agar tidak termakan masa, izinkan saya menumpukan kepada persoalan yang berkaitan dengan UMNO, PAS yang disarankan supaya lebih menumpukan kepada bangsa, agama dan negara.

Saya menyokong pandangan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Rosli ini oleh kerana kita sebagai negara dan negara diisi oleh pelbagai parti, masyarakat, segmen komunitinya yang membawa, menjurus kepada masa depan. Anak orang PAS adalah anak Malaysia, anak DAP anak Malaysia. Anak orang UMNO apatah lagi. Ketiga-tiga ini campur KeADILan bersekolah di institusi yang sama, di universiti yang sama. Pertolongan Kementerian Pendidikan buku teksnya, susunya, makannya, kita semua makan tidak ada yang terkecuali. Di sekolah, kita tidak tanya bapa awak orang UMNO atau orang PAS dahulu tetapi sekarang ditanya, saya ketahui ini di Kelantan dan di Terengganu.

Gambar-gambar pemimpin dipijak dan ditanya, siapakah pemimpin yang ulung. Jika orang itu tidak menjawab bahawa pemimpin ulung si anu-si anu, maka beliau yakni anak tadi diberilah perhitungan yang bukan-bukan. Maafkan saya

sekiranya ini tidak benar tetapi setelah saya teliti keadaan di Kedah, Terengganu, Kelantan khususnya dan beberapa kawasan di Pahang, persoalan-persoalan itu wujud. Apakah tidak boleh sekarang kita lihat roman kita, kita lihat wajah kita sendiri dalam cermin. Aku anak Malaysia, aku besar di sini. Apakah tidak boleh nilai-nilai hidup positif Malaysia kita amalkan bersama. Mana yang tajam kita perhaluskan, mana yang mudarat kita ketepikan. Masanya telah sampai bagi kita berpolitik yang diterima, yang ketinggiannya itu boleh dipertanggungjawabkan buat masa akan datang.

Mungkin sesetengah pihak sekarang akan untung daripada segi sorak dan sorainya tetapi jika kita berpecah sebagai satu negara kita tidak akan mencapai keuntungan tersebut. Begitulah dapat saya ungkapkan sebagai pandangan balas kepada pandangan Yang Berhormat Tuan Haji Rosli yang saya anggap mempunyai beberapa perkara relevan tentang keadaan-keadaan berkaitan dengan politik serta peruntukan-peruntukan pindaan yang dikemukakan.

Saya suka sekarang mengulas sedikit lagi kepada pandangan Datuk Ghazi mengenai Perlembagaan. Saya menyebut bahawa Perlembagaan kita jarang diketahui orang. Bila disebut sahaja Perlembagaan Negara menentukan begini dan ada orang berkata dalam Perlembagaan Negara, Rukun Negara itu adalah tiang segala-galanya. Sebenarnya Rukun Negara tidak masuk dalam Perlembagaan tetapi ada guru-guru menyebut sedemikian. Ini menunjukkan bahawa memanglah sukar hendak dikatakan mereka faham sedikit tentang Perlembagaan kita. Apa kata kalau perkara ini dibuatkan sebagai mata pelajaran yang ringkas dan diketahui pokok-pokoknya sahaja. Dengan itu mungkin berubahlah pandangan serta pemerhatian kita terhadap negara sendiri dan juga kemungkinan Perlembagaan itu diketahui secara mendalam.

Terima kasih kepada Yang Berhormat dan di atas pandangan-pandangan yang lain itu saya percaya kita boleh menguruskannya menerusi pentadbiran dan oleh kerana masa tidak begitu mengizinkan, maka dengan kata-kata penutup tadi itu, saya sudahi dengan mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas komen dan pandangan kepada Perlembagaan yang dipinda. Mohon mencadang.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang dan oleh sebab mengikut peruntukan Perkara 159, Perlembagaan Persekutuan, Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No.2) 2001 ini memerlukan sokongan pada

bacaan kali yang kedua dengan undi sebanyak tidak kurang daripada dua pertiga daripada jumlah bilangan Ahli Majlis Dewan ini. Maka mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 46(1) saya memerintahkan supaya satu belah bahagian diadakan sekarang. Setiausaha, sila bunyikan loceng selama dua minit.

[Loceng dibunyikan]

[Dewan berbelah bahagian]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, penghitung-penghitung undi sila ambil tempat masing-masing.

Pengundian dijalankan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, ini adalah keputusan belah bahagian tadi: yang bersetuju – 53; *[Tepuk]* Yang tidak bersetuju – 0; *[Tepuk]* Yang tidak mengundi – 0. Lebih dua pertiga undi majoriti yang bersetuju.

YANG BERSETUJU:

53

YANG TIDAK BERSETUJU:

Tiada

YANG TIDAK MENGUNDI:

Tiada

[Senara i lengkap Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju akan dimasukkan dalam naskhah bercetak kelak]

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 14 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

Bacaan Kali Yang Ketiga

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Tuan Yang di-Pertua, saya dengan hormatnya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui tanpa pindaan.

Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga sekarang. Dan oleh sebab mengikut peruntukan Perkara 159 Perlembagaan Persekutuan, Rang Undang-undang Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) (No.2) 2001 ini memerlukan sokongan pada bacaan kali yang ketiga dengan undi sebanyak tidak kurang daripada dua pertiga jumlah bilangan Ahli Majlis Dewan ini, maka mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 46(1), saya memerintahkan supaya satu belah bahagian diadakan sekarang. Setiausaha sila bunyikan loceng.

[Loceng dibunyikan]

[Dewan berbelah bahagian]

Tuan Yang di-Pertua: Penghitung-penghitung Undi sila ambil tempat masing-masing.

Pengundian dijalankan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, ini adalah keputusannya. Ahli-ahli yang bersetuju ialah 53 orang, Ahli-ahli yang tidak bersetuju ialah 0. Yang tidak mengundi; Tidak ada. Lebih dua pertiga undi majoriti yang bersetuju. *[Tepuk]* Rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

YANG BERSETUJU:

53

YANG TIDAK BERSETUJU:

Tiada

YANG TIDAK MENGUNDI:

Tiada

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

[Senarai lengkap Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju akan dimasukkan dalam naskhah bercetak kelak]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, majlis ini ditempokkan sehingga pukul 2.30 petang ini.

Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

RANG UNDANG-UNDANG KOPERASI (PINDAAN) 2001

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

14.30 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi

[Dr. Robia binti Dato' Kosai]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan iaitu suatu akta untuk meminda Akta Koperasi 1993 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang Akta Koperasi (Pindaan) 2001 dikemukakan untuk meminda peruntukan Seksyen 83, Akta Koperasi 1993 bagi mencapai sesuatu tujuan tertentu iaitu membuat peruntukan bagi memberikan award yang dibuat oleh tribunal dikuatkuasakan oleh Mahkamah Sesyen dengan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, Tribunal Koperasi Malaysia adalah satu badan yang telah ditubuhkan pada 1 Mei 1998 mengikut Seksyen 83, Akta Koperasi 1993 bagi mendengar dan menentukan apa-apa pertikaian melibatkan isu-isu yang dihadapi oleh koperasi-koperasi seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen 82, Akta Koperasi 1993 yang dirujuk kepada.

Tribunal ini adalah merupakan sebuah badan bebas yang tidak terikat dengan kuasa-kuasa atau arahan-arahan Ketua Pendaftar Koperasi Malaysia. Sebelum perwujudan tribunal, semua kes pertikaian yang dirujuk kepada Jabatan Pembangunan Koperasi diambil tindakan oleh Ketua Pendaftar Koperasi di

bawah Seksyen 82, Akta Koperasi 1993 di mana beliau boleh membuat keputusan seperti berikut:

- (i) memutuskan sendiri pertikaian itu;
- (ii) merujuk kepada seseorang penimbang tara atau penimbang tara-penimbang tara bagi diselesaikan; dan
- (iii) menghendaki pihak-pihak yang berkaitan merujuk pertikaian itu kepada mahkamah.

Sebahagian besar kes adalah mengenai tuntutan yang kena dibayar kepada koperasi yang pada lazim diputuskan oleh Ketua Pendaftar untuk dirujuk kepada mahkamah. Memandangkan kes-kes seumpama ini dan kes-kes lain yang terlalu banyak diterima oleh Ketua Pendaftar pada setiap tahun, pengendaliannya tanpa kepakaran yang diperlukan menjadi sukar dan lambat.

Seksyen 83 akta telah memberi kuasa kepada Menteri atas syor Ketua Pendaftar Koperasi untuk menubuhkan tribunal bagi mempercepat pengendalian dan penyelesaian kes-kes pertikaian tribunal. Dengan yang demikian, Tribunal Koperasi telah ditubuhkan pada 1 Mei 1998 melalui perwujudan Peraturan-peraturan Tribunal Koperasi 1998.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang boleh dirujuk sebagai pertikaian kepada tribunal adalah perkara-perkara yang menyentuh penubuhan undang-undang kecil, pemilihan pegawai-pegawai, perjalanan mesyuarat agung, pengurusan atau perniagaan sesuatu koperasi berdaftar. Di samping itu juga, sesuatu tuntutan oleh koperasi bagi hutang atau tuntutan yang kena dibayar kepadanya oleh anggota, bekas anggota, waris atau wakil adalah juga disifatkan sebagai pertikaian yang boleh dirujuk kepada Tribunal untuk diputuskan.

Sejak Tribunal Koperasi ditubuhkan, lebih 1,500 rujukan pertikaian telah diterima dan lebih 700 kes diselesaikan, sementara 800 kes lagi sedang menunggu giliran untuk diselesaikan. Secara purata, 500 rujukan pertikaian diterima setiap tahun.

Menurut subseksyen 83(6) akta, *award* yang dibuat oleh Tribunal hendaklah dikuatkuasakan oleh Mahkamah Sesyen yang mempunyai bidang kuasa bagi tempat terletaknya pejabat koperasi berdaftar. Walau bagaimanapun, daripada segi pelaksanaan penguatkuasaan *award* tersebut, Akta Koperasi 1993 tidak mempunyai peruntukan berkaitan prosedur, bagaimana *award* tersebut itu boleh dikuatkuasakan.

Akibat ketinggalan ini, apa-apa *award* atas pertikaian yang telah diselesaikan tidak dapat dikuatkuasakan oleh Mahkamah Sesyen sebagaimana dikehendaki oleh akta.

Perkara ini telah menimbulkan masalah di kalangan koperasi kerana adanya pihak yang bertikai, tidak mahu menepati *award* yang telah dibuat. Dalam hal ini, masalah Tribunal Koperasi itu yang membuat *award* tetapi tidak dapat memberi efek kuat kuasa perlu diatasi dan tindakan membetulkan keadaan ini hendaklah dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memberi natijah kepada kehendak dan tujuan penubuhan tribunal ini sendiri, pindaan kepada Seksyen 83(6) dicadangkan bagi membolehkan *award-award* yang dibuat dikuatkuasakan dengan sempurna. Cadangan pindaan yang dimaksudkan ini termasuklah memasukkan peruntukan-peruntukan baru subseksyen 83(6A), 83(6B) dan 83(6C). Tanpa pindaan kepada subseksyen 83(6) masalah penguatkuasaan *award* tribunal akan berterusan. Ia akan mempunyai implikasi serius ke atas gerakan koperasi kerana walaupun cara penyelesaian terhadap kes-kes pertikaian ada diperuntukkan tetapi ianya menjadi tidak efektif kerana *award-award* tribunal tidak dapat dikuatkuasakan dan dilaksanakan.

Subseksyen 83(6) dipinda dengan membuat peruntukan bahawa *award* tribunal adalah mengikat pihak-pihak berkaitan. Pindaan ini melibatkan pengeluaran peruntukan yang tidak efektif dan digantikan dengan peruntukan-peruntukan baru berkaitan penguatkuasaan. Peruntukan baru dicadangkan dimasukkan adalah mengenai penguatkuasaan *award* tribunal di Mahkamah Sesyen dengan membuat peruntukan di subseksyen baru iaitu subseksyen 83(6A) di mana peruntukan mengenai tatacara bagaimana *award* yang telah dibuat tribunal disampaikan kepada Mahkamah Sesyen direkod dan selepas itu dikuatkuasakan sebagai suatu penghakiman yang dibuat oleh Mahkamah Sesyen mengikut apa-apa kaedah mahkamah yang terpakai baginya atau mengikut apa-apa cara yang disifatkan adil dan sesuai untuk Mahkamah Sesyen itu.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan bagi subseksyen 83(6B) perlu dicadangkan sebagai memberi efek kepada peruntukan baru subseksyen 83(6A) dan sebagai langkah yang membolehkan *award* yang dibuat sebelum tarikh berkuat kuasa. Cadangan pindaan ini dikuatkuasakan dalam tempoh 6 tahun dari tarikh kuat kuasa pindaan ini dan bukannya dari tarikh *award* itu dibuat. Ini bermakna *award-award* yang dibuat sebelum pindaan ini dan sebelum adanya peruntukan baru mengenai

penguatkuasaan *award*, masih boleh dikuatkuasakan dan tertakluk kepada tempoh yang dinyatakan dalam kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1980 (PUA 328/80).

Peruntukan baru subseksyen 83(6C) memberi kuasa kepada Mahkamah Sesyen untuk menguatkuasakan apa-apa *award* yang dibuat oleh tribunal dan tidak tertakluk kepada mana-mana undang-undang bertulis lain yang berlawanan. Dalam hal ini, Mahkamah Sesyen mempunyai kuasa mutlak untuk menguatkuasakan *award* tribunal. Pindaan segera terhadap subseksyen 83(B) Akta Koperasi 1993 amat perlu. Jika tidak, *award* tribunal yang telah dibuat sebelum ini mungkin boleh dipertikaikan oleh pihak-pihak tertentu. Kewibawaan tribunal serta *award-award* yang dibuat olehnya perlu dipelihara supaya matlamat penubuhannya tercapai.

Penyelesaian segera kes-kes pertikaian dan keberkesanan *award* yang dibuat adalah amat penting. Adalah tidak munasabah bagi undang-undang membuat peruntukan membolehkan sesuatu jalan penyelesaian diambil tetapi penyelesaiannya tidak dapat pula dikuatkuasakan. Perkara seumpama ini perlulah diatasi dengan segera. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Koperasi 1993 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng..

2.40 ptg.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sejak kelmarin kita telah menunggu rang undang-undang ini dibentangkan dan sekarang baru kita sempat membahaskannya.

Saya bangun menyokong pindaan-pindaan ini oleh kerana saya dapati selepas sesuatu keputusan itu dibuat, tidak bermaknalah kalau daripada segi penguatkuasaannya itu ia tidak dapat dicapai dan cadangan untuk memberi kuasa kepada Mahkamah Sesyen supaya dapat menguatkuasakan apa keputusan yang dibuat oleh Tribunal itu amatlah tepat tetapi dari segi masa yang saya ingin hendak tanya. Memandangkan Tribunal itu mula ditubuhkan pada 1 Mei 1998 dan setakat ini telah mendengar lebih kurang 1,500 kes dan di antaranya lebih kurang 700 kes telah diselesaikan iaitu mungkin bermakna telah didapati keputusan.

Dan daripada kes-kes itu, saya tidak tahulah berapa banyak ada berkenaan dengan award dan sekiranya ada banyak kes yang mula dari tahun 1998, itu bermakna sudah 3 tahun selepas keputusan itu maka award lagi belum diselesaikan dan sekarang kalau kita panjangkan 6 tahun lagi iaitu mula daripada tarikh cadangan ini dikuatkuasakan, maka nampaknya yang paling lama ialah lebih kurang 9 tahun bagi sesuatu award itu dikuatkuasakan dan nampaknya itu satu tempoh yang begitu panjang dan dari segi keadilan, sama ada pihak yang patut diberi award itu kena tunggu begitu lama, adakah itu adil atau tidak.

Saya harap masa yang dicadangkan iaitu dalam masa 6 tahun itu haruslah dikaji sama ada sesuai ataupun kita harus memendekkan masa itu supaya keputusan-keputusan itu dapat diselesaikan dalam satu jangka masa yang lebih pendek memandangkan pihak-pihak berkenaan sudah tunggu lebih kurang 3 tahun sebelum perkara ini sekarang akan dibentangkan untuk keputusan Mahkamah Sesyen.

Dalam cadangan 6A itu ada disebut, kalau tidak ada apa-apa kaedah yang sudah wujud, maka Mahkamah Sesyen itu bolehlah memutuskan mengikut cara seperti yang disifatkan adil atau suaimanfaat oleh Mahkamah Sesyen itu sendiri.

Dari segi itu, adakah ini bermakna Mahkamah Sesyen boleh rujuk balik kes-kes itu kepada tribunal dan kalau Mahkamah Sesyen boleh rujuk balik kes-kes itu untuk diputuskan semula oleh tribunal, maka pada pendapat saya ini juga akan mengambil satu masa yang lebih panjang ataupun dalam 6A itu apa yang dimaksudkan ialah Mahkamah Sesyen boleh membuat keputusan tanpa merujuk balik kepada tribunal ataupun dalam kes-kes yang tertentu, Mahkamah Sesyen harus merujuk balik kepada tribunal untuk menerangkan perkara-perkara tertentu atau untuk meminta tribunal itu mengkaji semula perkara-perkara tertentu.

Kalau Mahkamah Sesyen hanya berhak membuat award sahaja dan tidak dapat mengkaji perkara-perkara lain dan mungkin apa yang saya sebutkan itu tidak timbul, jadi saya minta penjelasan daripada pihak kementerian tentang aspek itu.

Itulah sahaja komen saya, saya menyokong pindaan-pindaan ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Abdullah Ayub.

2.46 ptg.

Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Abdullah bin Ayub: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana telah memberi peluang untuk membolehkan saya membahaskan Rang Undang-undang Koperasi (Pindaan) 2001 yang meminda Akta Koperasi tahun 1993.

Saya menyokong rang undang-undang ini. Dalam perbahasan mengenai Usul meluluskan Rancangan Malaysia Kelapan di Dewan yang mulia ini, dalam bulan Jun yang lepas, saya telah menyatakan bahawa ada beberapa buah koperasi yang besar di negara kita ini sedang menghadapi masalah kewangan yang teruk terutama sekali mengenai aliran tunainya, *cash flow*, dengan izin, semenjak kegawatan ekonomi bermula pada pertengahan tahun 1997.

Masalah ini timbul sebahagian besarnya kerana kejatuhan harga saham di Pasaran Saham Kuala Lumpur, kebanyakan saham-saham ini diperolehi melalui Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan dibiayai dengan pinjaman daripada bank-bank. Apabila harga saham jatuh, pinjaman bank sudah tidak terbayar lagi. Untuk mengatasi masalah ini saya telah mengesyorkan supaya satu dana koperasi ditubuhkan untuk membantu koperasi-koperasi yang bermasalah dengan memberi pinjaman wang jangka panjang supaya mereka dapat menyusun semula pinjaman yang diambil mereka dari bank-bank itu. Harta-harta koperasi boleh dijadikan cagaran dengan nilai kos. Saya berharap kerajaan akan dapat meluluskan dana ini. Kalau syarikat-syarikat besar seperti MAS, UEM dan barangkali juga MRCB dapat ditolong dan berbilion-bilion ringgit, saya percaya koperasi di mana pegawai-pegawai kerajaan ramai menjadi ahli dapat juga ditolong.

Tuan Yang di-Pertua, satu daripada sebab-sebab yang menimbulkan masalah aliran tunai atau *cash flow*, dengan izin, ialah kerana pemberhentian atau *resignation*, dengan izin, ahli-ahli atau penarikan semula yuran ahli-ahli daripada koperasi berkenaan. Pemberhentian atau penarik semula yuran ahli-ahli timbul kerana koperasi sudah merosot dan mereka kawatir wang mereka akan hilang. Tindakan ini boleh menyebabkan *a run on the cooperative*, dengan izin.

Mengikut undang-undang koperasi yang ada sekarang koperasi tidak ada kuasa untuk menahan saham yuran dikeluarkan oleh ahli-ahli. Ini berbeza dengan syarikat-syarikat di mana pemilik saham tidak dapat menarik balik modal mereka. Mereka hanya boleh menjual saham itu kepada orang lain. Kalau syarikat itu rugi, ia turut rugi bersama. Berkenaan dengan pelanggan-pelanggan bank pula, mereka

diberi jaminan oleh kerajaan atau Bank Negara bahawa simpanan mereka di dalam bank-bank itu akan selamat, walaupun apa terjadi atau berlaku kepada bank itu.

Saya berharap peruntukan undang-undang atau amalan seperti yang terdapat dalam undang-undang syarikat dan undang-undang bank dapat dipanjangkan kepada undang-undang koperasi supaya koperasi yang bermasalah seperti yang saya sebutkan itu, dapat dilindungi dan tidak menjadi satu pertikaian atau perbalahan di antara koperasi dengan ahli-ahlinya yang terpaksa diselesaikan oleh tribunal koperasi dan keputusannya sekarang dikuatkuasakan oleh Mahkamah Sesyen. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Jamilah.

2.50 ptg.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian sedikit sahaja mengenai Rang Undang-undang Koperasi (Pindaan) 2001. Pertama, saya ingin tahu berapa banyak koperasi yang telah didaftar dan sedang beroperasi dengan cergas dan proaktif di samping berapa banyak koperasi yang telah pun berdiam diri dan tidak didaftar semula memandangkan kejatuhan ekonomi purata yang dihadapi sekarang.

Di samping itu, tentu sekali koperasi-koperasi yang mempunyai masalah di mana mereka masih menanggung hutang-hutang ahli dan anggotanya, di samping juga berhutang dengan pihak-pihak bank dan sebagainya, mestilah berusaha untuk mencari jalan penyelesaian dengan baik. Oleh itu saya berkeyakinan dengan Rang Undang-undang Koperasi (Pindaan) 2001 ini dan saya yakin pihak tribunal yang telah pun wujud sekian lama, maka koperasi yang didaftarkan dapat dijalankan semula dengan bantuan pihak kerajaan.

Apa salahnya pihak kerajaan mengambil suatu pendekatan untuk membuat suntikan modal bagi membantu permasalahan yang dihadapi oleh koperasi di mana anggotanya yang saya yakin tidak begitu kecil bilangannya bagi menyelesaikan masalah bersama yang dihadapi oleh rakyat berdasarkan kepada koperasi.

Maka saya turut bersama menyokong pindaan Rang Undang-undang Koperasi 2001. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sila menjawab.

2.52 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Koperasi [Dr. Robia Kosai]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya bagi pihak kementerian ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam memberi cadangan, pandangan, komen-komen kepada kementerian kami. Hanya tiga orang Ahli Yang Berhormat yang turut bangun untuk membahaskan rang undang-undang ini.

Saya ingin menyentuh tentang komen yang diberi oleh Yang Berhormat Dato. Dr. Chin Fook Weng tentang isu masa sembilan tahun, masa yang lebih panjang, ini adalah untuk memberi peluang kepada pihak yang mendapat faedah daripada award, menguatkuasakan award itu, melebihi tempoh biasa. Sebelum ini Yang Berhormat, kita tidak ada tribunal, kita hanya ada Pendaftar Koperasi sahaja, jadi hanya dengan penubuhan tribunal pada 28, jadi hanya kita boleh menyelesaikan 700 kes yang kita bincangkan lagi, jadi itu adalah *back dated*, kes-kes yang lama, kita bawa daripada sejak penubuhan itu baru kita menyelesaikan kes itu, tinggal 800 kes yang akan dikendalikan lagilah.

Yang Berhormat Dato' Dr. Chin juga bertanyakan bolehkah Mahkamah Sesyen rujuk semula kepada tribunal jika award tidak *in order*. Ini adalah tidak boleh kerana mahkamah hanya menguatkuasakan sahaja, jadi award atau keputusan tribunal sahaja. Jadi bila tribunal telah mengeluarkan award itu penguatkuasaan oleh Mahkamah Sesyen di daerah koperasi itu berada akan dikuatkuasakan, tidak boleh di tempat-tempat lain dan pihak mahkamah yang akan memutuskan.

Jadi, jika ada pihak-pihak tidak berpuas hati, mereka boleh membuat rayuan terus ke Mahkamah Tinggi di bawah seksyen 83 (7) Akta Koperasi. Terima kasih ya.

Saya ingin menyentuh tentang cadangan yang diberi oleh Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdullah Ayub tentang kejatuhan ada koperasi yang besar-besar, bukan sahaja yang besar sahaja, sebenarnya kita ada 59 buah koperasi yang telah membuat pinjaman dengan institusi kewangan, jadi 59 buah koperasi ini dan sebenarnya analisis JPK pada 30 Jun 1998 telah mengenal pasti 694 buah koperasi yang terlibat dalam pelaburan saham dan daripada itu 59 buah koperasi dikenal pasti membuat pinjaman daripada institusi kewangan untuk membiayai pelaburan.

Sebenarnya, kalau koperasi mahir untuk membuat pinjaman kepada bank atau untuk membeli saham-saham itu, kita ada seksyen 57 Akta Koperasi 1993 yang menetapkan bahawa koperasi hanya boleh membuat pelaburan dengan menggunakan wang berlebihan (*surplus fund*), dengan izin, dengan *surplus fund*

sahaja boleh membeli saham-saham ini dan pelanggaran kehendak seksyen 57 boleh dikenakan kompaun sebenarnya. Kalau hendak beli saham pun setiap koperasi itu mestilah membuat permohonan kepada Jabatan Pembangunan Koperasi (JPK) sendiri, barulah boleh membuat pelaburan ataupun membeli saham-saham ini. Jadi kalau kita dapati 59 buah koperasi yang membuat pinjaman daripada institusi kewangan yang akhirnya tidak dapat dibayar, kita ada tiga kategori, kategori A – 43 koperasi, tetapi ini boleh mampu balik dibayar, ia telah meminjam sebanyak RM15.1 juta dengan institusi kewangan. Kategori B terdiri daripada sepuluh koperasi, masalah kecairan wang tunai dan daripada ini ia telah meminjam daripada institusi kewangan sebanyak RM493.1 juta, itu kategori B. Kategori C yang teruk sekali adalah enam koperasi yang mengalami masalah kewangan yang paling serius, kerugian modal dan sejumlah RM14.65 juta telah dipinjam dengan institusi kewangan.

Jadi, kalau kita lihat, memang tidak boleh nak bayar dah, tetapi antara usaha-usaha yang telah diambil untuk menangani masalah ini, koperasi mengadakan rundingan dengan institusi kewangan untuk *reschedule* balik *payment* dan selepas itu kita adakan penerangan bantuan daripada pembangunan negeri, selepas itu meningkatkan pengawalan dan pengawalseliaan, memberi khidmat nasihat, selepas itu koperasi yang berkemampuan digalakkan mendapatkan khidmat pengurusan dan profesional dan yang sudah teruk, kadang-kadang yang melanggar peraturan kita harus kenakan kompaun.

Jadi, kalau ada koperasi yang hendak meminjam lagi, kita akan teliti, ada pula yang hendak meminjam dengan tabung modal pusingan pun kita tidak galakkan. Jadi, daripada ini Kerajaan Malaysia, Kerajaan Barisan Nasional memang prihatin dengan keadaan ini dan kami di kementerian sentiasa memantau koperasi-koperasi berikutan kejatuhan pasaran saham ini dan perkara ini kementerian telah membuat permohonan kepada Kementerian Kewangan dan masih dalam pertimbangan Kementerian Kewangan. Insyallah kita doakan supaya koperasi-koperasi yang terbesar di Malaysia ini pun, saya rasa Tan Sri pun faham yang mana satu koperasi dan yang terkecil pun ada juga yang terlibat dengan perkara ini, kita akan mengadakan perbincangan dan insyallah, *result* atau keputusannya adalah positif memandangkan reaksi daripada Kementerian Kewangan.

Jadi, kita bersama-samalah membantu semua koperasi kalau seperti Tan Sri kata kita boleh membantu yang lain-lain, kenapa yang ini kita tidak bantu, memang

kita bantu, insya-Allah kita akan memberitahu koperasi-koperasi yang berkenaan, 16 yang teruk itu, terutama enam yang teruk itu dan sepuluh yang teruk jugalah, jadi kita akan bantu secepatnya dalam masa sebulan dua bulan, Tan Sri boleh tahulah koperasi mana yang berkenaan ya. Terima kasih Tan Sri.

Jadi, jawapan untuk Yang Berhormat Senator Hajah Jamilah juga saya harap berkaitan dengan jawapan tadi dan untuk pengetahuan Yang Berhormat, bilangan koperasi pada hari ini adalah 4,155 koperasi dan jumlah anggotanya adalah 4.5 juta. Kita ada 60 buah koperasi 100% wanita. Daripada Lembaga Pengarah sampai ahlinya kesemuanya wanita, itu 60 buah melibatkan 1.2 juta ahli dan untuk koperasi seluruhnya kita ada modal *share* sebanyak RM4.2 bilion, asset RM15.8 bilion. Jadi, apa lagi Yang Berhormat hendak tahu lagi.

Jadi, saya rasa itu sahaja yang ditanyakan dan saya berharap saya dapat menjelaskan apa Yang Berhormat utarakan. Jika ada masalah lain ataupun yang tidak terjawab ataupun yang hendak maklumat yang terperinci, Ahli-ahli Yang Berhormat digalakkan untuk menujukan soalan itu kepada saya, insya-Allah saya akan menjawabnya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Fasal 1 hingga 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang undang-undang.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan, dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KESIHATAN MENTAL 2001

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.05 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S. G. Sothinathan]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu rang undang-undang untuk menyatukan undang-undang berhubung dengan kecelaruan mental dan untuk

mengadakan peruntukan bagi kemasukan, penahanan, penginapan, penjagaan, rawatan, pemulihan, pengawalan dan perlindungan orang-orang yang mengalami kecelaruan mental dan bagi perkara-perkara yang berhubungan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan psikiatri di Malaysia telah wujud semenjak lebih 80 tahun dahulu. Perkhidmatan rawatan psikiatri di peringkat awal sehingga dekad 50-an adalah secara berpusat dengan tumpuan kepada rawatan dalam jagaan di institusi-institusi psikiatri kerajaan sahaja yang terdiri daripada Hospital Bahagia Hulu Kinta, Hospital Permai Johor Bahru dan kemudiannya Hospital Sentosa Sarawak dan Hospital Bukit Padang di Sabah.

Rawatan dalam jagaan di institusi ini mengasingkan pesakit-pesakit psikiatri dari masyarakat dan mewujudkan stigma orang ramai terhadap pesakit psikiatri. Pada masa ini terdapat tiga undang-undang yang mengawal selia rawatan dan penjagaan ke atas pesakit mental iaitu *Mental Disorders Ordinance* 1952 Semenanjung Malaysia, *Lunatic Ordinance* 1951 Sabah dan *Mental Health Ordinance* 1961 Sarawak. Di samping itu terdapat juga peruntukan-peruntukan yang khusus untuk pesakit mental di dalam Bab XXXIII Kanun Acara Jenayah.

Sejak penghujung tahun 60-an, Kementerian Kesihatan telah mula mengemaskinikan program psikiatri dan juga meneliti semula kesemua undang-undang berkenaan kesihatan mental di Malaysia. Didapati adalah perlu digubal satu undang-undang mengenai kesihatan mental yang lebih komprehensif dengan mengambil kira perubahan kepada dasar dan polisi Kementerian Kesihatan, dan undang-undang tersebut mesti boleh diguna pakai di seluruh negara. Konsep dinyah pusat, dengan izin, *decentralisation*, bagi rawatan untuk pesakit mental telah diperkenalkan. Pihak swasta juga telah memperlihatkan minat dan menceburi bidang industri perkhidmatan perubatan dan perkembangan ini juga ada berkaitan dengan perkhidmatan psikiatri secara amnya.

Pada tahun 1998 Dasar Kesihatan Mental Negara telah dilancarkan dan pada tahun seterusnya Kementerian Kesihatan telah memulakan program kesihatan mental dalam komuniti. Pada tahun 2000 tema promosi Kesihatan Mental telah dipilih sebagai tema Kempen Cara Hidup Sihat tahun tersebut. Dalam menggubal Rang undang-undang Kesihatan Mental 2001, Kementerian Kesihatan telah mengambil kira pandangan pakar-pakar psikiatri dari sektor awam dan swasta, agensi-agensi kerajaan yang lain, badan-badan berkanun, badan-badan bukan

kerajaan serta pihak yang berkaitan dengan penjagaan kesihatan mental. Ini telah dilakukan melalui mesyuarat rasmi, pandangan dan laporan dalam media massa, dialog kesihatan yang diadakan setiap tahun dan surat menyurat yang diterima. Pertimbangan yang sewajarnya telah diberikan kepada semua input sepanjang proses penggubalan sehingga terhasilnya Rang Undang-undang Kesihatan Mental 2001.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini kesihatan mental seperti definisi di dalam Dasar Kesihatan Mental Negara adalah kemampuan individu kelompok dan persekitaran, berinteraksi antara satu sama lain bagi mempromosikan kesejahteraan subjektif serta fungsi yang optimum dan penggunaan *cognitive*, *effective* dan perhubungan ke arah pencapaian matlamat individu dan kumpulan yang selari dengan keadilan.

Dengan izin, mental *health is a capacity of the individual, the group and the environment to interact with one another to promote subjective well-being and optimum functioning and the use of cognitive, effective and relational abilities, towards achievement of individual and collective goals consistent with justice.*

Dasar Kesihatan Mental Negara memberikan penekanan terhadap promosi kesihatan mental dan pencegahan masalah-masalah psiko-sosial. Perkhidmatan yang diberi bertujuan memberi peluang kepada seseorang pesakit mental untuk menerima rawatan dan penjagaan dan supaya hak mereka terpelihara. Dasar Kesihatan Mental Negara juga bertujuan memastikan supaya penjagaan kesihatan mental adalah saksama dan adil dari segi *accessibility* dan ekuiti. Ia juga ingin memastikan penjagaan dan perkhidmatan kesihatan mental adalah lengkap dan menyeluruh meliputi aktiviti-aktiviti promosi, pencegahan rawatan dan pemulihan.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan-peruntukan di bawah ketiga-tiga undang-undang yang sedia ada memberi penekanan yang menjurus kepada rawatan penjagaan dalam institusi-institusi kerajaan. Undang-undang yang sedia ada juga memberi lebih penekanan kepada prosedur perundangan dengan tujuan untuk mengisytiharkan sama ada seseorang individu itu mengalami penyakit mental. Pengisytiharan tersebut secara tidak langsung menimbulkan stigma terhadap mereka. Rang Undang-undang Kesihatan Mental 2001 telah digubal agar penekanan kini ditumpukan kepada rawatan dan penjagaan individu yang mengalami kecelaruan mental. Individu yang mengalami kecelaruan mental tidak

memerlukan pengisytiharan terutamanya apabila individu tersebut memohon rawatan secara sukarela.

Undang-undang yang sedia ada juga melarang sektor swasta dan badan bukan kerajaan dari menyediakan kemudahan untuk penjagaan kesihatan mental atau menubuhkan hospital psikiatri swasta. Dengan adanya Rang Undang-undang Kesihatan Mental 2001, sektor swasta boleh diberi kebenaran untuk menubuhkan hospital psikiatri, rumah jagaan kejururawatan psikiatri serta pusat kesihatan mental masyarakat dan seterusnya memasukkan, merawat, menjaga serta menjalankan usaha pemulihan pesakit mental, sama ada kemasukan pesakit adalah secara sukarela ataupun bukan sukarela.

Tuan Yang di-Pertua, dunia kini memperlihatkan anjakan pola penyakit yang ketara di mana penyakit berjangkit menampakkan trend yang menurun manakala penyakit tidak berjangkit seperti penyakit mental semakin meningkat. Penyakit mental merupakan satu penyakit yang disebutkan faktor biologi ataupun kecelaruan kimia dalam otak, faktor sosial seperti keadaan ekonomi dan faktor psikologikal. Tanda-tanda awal penyakit mental termasuk kecelaruan emosi, pemikiran dan tingkah laku. *Benchmark* yang kita gunakan termasuk penilaian pertuturan, kelakuan dan tahap fungsi yang kurang optima dengan ciri penyakit seperti di atas.

Laporan pertubuhan Kesihatan Sedunia melaporkan bahawa sekitar 400 juta penduduk dunia mengalami, dengan izin, *anxiety disorder*. Seramai 60 juta orang pula mengalami keterencatan mental. Laporan ini juga mengatakan golongan pemuda dalam lingkungan umur 20-an adalah kumpulan yang kerap dilanda *schizophrenia* di seluruh dunia. Manakala bagi golongan penduduk berusia 60 tahun pula kemungkinan digugat penyakit *dementia* turut meningkat. Bagi negara-negara membangun masalah tekanan jiwa atau *depression* merupakan beban keempat terbesar kepada negara-negara ini.

Kajian-kajian yang ada setakat ini telah dengan konsisten menunjukkan bahawa lebih kurang 15% daripada populasi mempunyai masalah psikiatri yang boleh didiagnosakan. Tinjauan Kesihatan dan Mobiliti Kebangsaan Kedua pada tahun 1996 mendapati kadar *prevalent* penyakit psikiatri di kalangan orang dewasa adalah 10.7% dan ini tidak berbeza dari negara maju atau membangun yang lain. Tinjauan ini juga menunjukkan tiada perbezaan yang ketara antara kadar *prevalent* penduduk di bandar dan luar bandar. Namun golongan wanita didapati mencatatkan 1.5 kali lebih tinggi kadar *prevalent*nya berbanding golongan lelaki dewasa.

Adalah dijangkakan kadar mobiliti psikiatri bagi penduduk berumur 16 tahun ke atas adalah lebih kurang 11%. Golongan tertentu seperti wanita, orang tua, golongan berpendapatan rendah, janda dan penganggur adalah kumpulan yang berisiko. Negeri Pulau Pinang mencatatkan kadar *prevalent* yang terendah iaitu pada 6.1%. kadar *prevalent* di kalangan kanak-kanak dan remaja kita ialah 13%. Bagi kumpulan penduduk ini kadar *prevalent* di kawasan luar bandar didapati tinggi sedikit daripada kawasan bandar.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga bulan Oktober 2000, terdapat 32 buah hospital di peringkat negeri dan daerah yang mempunyai katil khas untuk disiplin psikiatri iaitu dari 121 hospital atau institusi psikiatri kerajaan di seluruh negara. Setakat tahun 1998 terdapat seramai 24,356 pesakit mental di seluruh hospital Kementerian Kesihatan Malaysia di mana 9,702 pesakit atau bersamaan 40% menerima rawatan di institusi psikiatri dan baki 60% adalah pesakit mental yang telah dirawat di hospital kerajaan yang lain. Daripada 9,702 pesakit 4,686 berada di Hospital Bahagia Hulu Kinta, Perak; 2,312 berada di Hospital Permai, Tampoi, Johor; 1,923 berada di Hospital Jiwa Bukit Padang dan 780 di Hospital Mental Sarawak.

Occupancy rate bagi keempat-empat institusi psikiatri kerajaan kesemuanya kurang daripada 100% dan ini bermakna tidak terdapat masalah kesesakan atau *over crowding*. Daripada 24,356 pesakit mental pula, 16,399 ataupun 67.3% adalah golongan lelaki dan baki 7,957 adalah golongan perempuan. Distribusi pesakit mengikut geografi tempat rawatan ialah Perlis - 1.4%, Pulau Pinang - 8.5%, Perak (termasuk Hospital Bahagia) - 25.4%, Selangor - 22.6%, Wilayah Persekutuan - 8%, Negeri Sembilan - 3.2%, Johor (termasuk Hospital Permai) ialah 14.4% dan Pahang 6%, Terengganu - 3.8%, Kelantan - 5.8%, Sabah - 7.5% dan Sarawak - 3.7%.

Kadar sasaran bilangan pakar psikiatri bagi bilangan penduduk unjuran Pertubuhan Kesihatan Sedunia kita jadikan panduan. Sasaran kita sendiri adalah seorang pakar psikiatri bagi setiap 14,000 penduduk dan seorang pakar psikiatri bagi setiap 4,000-5,000 penduduk pada tahun 2010. Kita mempunyai seramai 69 pakar psikiatri berkhidmat dengan kerajaan dan 31 pakar psikiatri berkhidmat dengan universiti. Kita juga melatih pakar psikiatri dan seramai di antara 15 hingga 20 pakar dapat dikeluarkan setahun. Harus juga ditingkatkan bahawa rawatan pesakit mental boleh diberi oleh pegawai perubatan yang telah dilatih di dalam bidang ini.

Tuan Yang di-Pertua, di peringkat penjagaan primer pula, pusat kesihatan mental masyarakat ialah sebuah pusat di klinik kesihatan bagi rawatan penjagaan

masyarakat yang memberikan perkhidmatan pemeriksaan, membuat diagnosa, pemberian rawatan dan pemulihan. Pusat ini mempunyai pakar perubatan keluarga dan anggota kesihatan yang terlatih selari dengan konsep penjagaan kesihatan primer yang bersepadu. Kini terdapat 572 pusat-pusat kesihatan memberi rawatan susulan kepada pesakit psikiatri dan sebanyak 18 dari pusat tersebut memberi perkhidmatan pemulihan *psycho social*.

Kementerian Kesihatan bercadang untuk membangunkan 10 buah pusat tersebut setiap tahun. Perkhidmatan pemulihan *psychosocial* memberi penekanan kepada pemulihan di dalam komuniti. Pemulihan menitikberatkan peluang untuk pesakit berintegrasi semula di dalam masyarakat. Pendekatan ini memberikan penumpuan kepada rawatan di dalam keluarga, di rumah dan dalam masyarakat. Ia meliputi aspek dengan izin, *crisis intervention*, pemberian ubat, pendidikan dan kaunseling. Dengan pendekatan dan penumpuan di peringkat primer penekanan diberi kepada rawatan awal dan penyaringan. Pendekatan baru ini membolehkan anggota kesihatan melawat dan merawat pesakit di rumah.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan membenarkan pihak swasta menjalankan perkhidmatan ini bertujuan memberi kemudahan pilihan kepada mereka yang mampu. Kemudahan rawatan seperti ubat *Clozapine* dan *Olanzapine* yang dikenali sebagai Second Generation Anti-Psychotic Drugs bukan sahaja digunakan di hospital swasta tetapi juga telah digunakan di hospital kerajaan. Peruntukan ubat baru ini pada tahun 2001 adalah sebanyak RM2.5 juta dan pada tahun 2002 Kementerian Kesihatan bercadang menambah peruntukan sehingga RM5 juta.

Penguatkuasaan Rang Undang-undang Mental 2001 ini adalah berdasarkan kepada peruntukan di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 yang mana terpakai kepada hospital psikiatri yang dibenarkan. Peruntukan yang terdapat di bawah akta ini adalah memadai bagi menguatkuasakan rang undang-undang ini. Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia sedang dalam usaha melengkapkan bilangan anggota penguat kuasa dan memberi latihan sewajarnya. Dari segi penguatkuasaan, kerjasama daripada pihak institusi latihan kehakiman dan perundangan serta pihak Polis Diraja Malaysia telah diperolehi bagi melatih anggota-anggota Kementerian Kesihatan bagi tujuan tersebut.

Pertubuhan-pertubuhan sukarela atau dengan izin, NGOs juga terlibat dalam program kesihatan mental bersama-sama kerajaan. Ianya adalah seperti Majlis Kesihatan Mental yang mempunyai 17 keanggotaan dari seluruh negeri, Malaysian

Psychiatric Association dan kumpulan-kumpulan agama. Mereka terlibat secara langsung dengan mengendalikan program tersebut atau secara tidak langsung dengan memberi pendidikan kesihatan dan golongan terbabit.

Tuan Yang di-Pertua, 'taboo' dan prejudis dalam penerimaan masyarakat terhadap pesakit merupakan satu daripada punca utama rang undang-undang ini mengambil masa yang lama untuk matang dan sebelum boleh dibentangkan di Dewan ini. Kita telah mengadakan banyak kempen dan di antaranya mengisytiharkan tahun 2000 sebagai Promosi Kesihatan Mental di dalam kempen Cara Hidup Sihat. Kemuncak dari kempen kita juga bertepatan dengan pengisytiharan Pertubuhan Kesihatan Sedunia yang telah mengisytiharkan tahun 2001 sebagai Tahun Kesihatan Mental Sedunia. Kami beranggapan bahawa pembentangan rang undang-undang ini adalah tepat pada masanya.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian I dicadangkan untuk memberi tajuk ringkas dan peruntukan kuat kuasa dan untuk memberi tafsiran beberapa perkataan dan ungkapan yang digunakan di dalam rang undang-undang ini. Bahagian ini juga bertujuan mengadakan penetapan hospital psikiatri kerajaan dan swasta melalui pemberitahuan dalam *Warta*, mengadakan perlantikan Pengarah dan Timbalan Pengarah Perubatan sebagai orang yang bertanggungjawab.

Bahagian ini juga bertujuan mengawasi kemudahan dan perkhidmatan hospital psikiatri swasta dengan menghendaki pemegang lesen dan Pengarah Perubatan hospital psikiatri swasta mematuhi peruntukan-peruntukan di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998.

Bahagian II mengandungi peruntukan tentang kemasukan, penahanan, penjagaan, rawatan, pemulihan, kawalan dan perlindungan orang-orang yang mengalami kecelaruan mental dan *discharge* pesakit sukarela dari hospital psikiatri.

Fasal 8 menyatakan berbagai cara di mana seseorang boleh dimasukkan ke dalam hospital psikiatri.

Fasal 9 memperkatakan tentang kemasukan dan *discharge* pesakit sukarela ke dalam dan dari hospital psikiatri dan prosedur-prosedur yang terlibat. Seorang pesakit sukarela boleh juga diberikan kebenaran bercuti dari hospital psikiatri.

Fasal 10 memperkatakan tentang kemasukan pesakit bukan sukarela ke dalam hospital psikiatri atas permohonan saudara orang itu. Fasal itu menyatakan pelbagai pemeriksaan perubatan yang akan dilalui oleh seorang pesakit bukan sukarela dalam tempoh yang berlainan bagi menentukan sama ada kemasukannya

atau penahanannya yang boleh dilanjutkan dari satu bulan kepada tiga bulan adalah wajar atau sebaliknya. Pemeriksaan perubatan itu bertindak sebagai perlindungan kepada pesakit untuk memastikan sama ada sambungan rawatan perubatan sekiranya dia masih mengalami kecelaruan mental atau *didischarge* sekiranya penahanan lanjut adalah tidak diperlukan lagi.

Fasal 11 bertujuan memberikan kuasa kepada mana-mana pegawai polis atau pegawai kebajikan sosial untuk menahan sesiapa yang disyaki mengalami kecelaruan mental dan membawanya untuk pemeriksaan di satu hospital psikiatri kerajaan atau hospital psikiatri swasta yang diwartakan.

Fasal 12 bertujuan untuk memberikan kuasa kepada mahkamah apabila berurusan dengan kesalahan di bawah Bab XVI, Kanun Keseksaan untuk menghantar mangsa jenayah bagi pemeriksaan perubatan di hospital psikiatri kerajaan atau hospital psikiatri swasta yang diwartakan sekiranya mereka disyaki kecelaruan mental dan tidak di bawah jagaan dan kawalan yang sempurna.

Fasal 13 memperkatakan kes-kes layanan kejam atau pengabaian orang yang disyaki mengalami kecelaruan mental. Seorang majistret boleh memerintahkan seseorang yang terikat secara undang-undang untuk menyelenggara orang yang disyaki mengalami kecelaruan mental untuk menerima, menjaga dan seterusnya memberikan rawatan. Dalam ketiadaan orang yang sedemikian, orang yang disyaki mengalami kecelaruan mental boleh dihantar ke hospital psikiatri kerajaan atau hospital psikiatri swasta yang diwartakan.

Fasal berkenaan bertujuan membolehkan Majistret mengawasi keadaan orang yang disyaki mengalami kecelaruan mental yang berada di bawah jagaan orang yang terikat secara undang-undang untuk menjaga orang tersebut. Majistret boleh menghendaki lawatan dibuat kepada orang yang mengalami kecelaruan mental tersebut oleh mana-mana pegawai perubatan atau pengamal perubatan berdaftar, mana-mana pegawai polis berpangkat tidak kurang dari Inspektor ataupun mana-mana pegawai kebajikan sosial.

Fasal 14 memperkatakan kemasukan orang yang disyaki mengalami kecelaruan mental di bawah Fasal 11, 12 atau 13, atau orang yang mengalami kecelaruan mental di bawah Fasal 73, ke dalam hospital psikiatri. Fasal ini bertujuan untuk menetapkan pemeriksaan perubatan yang perlu dilalui oleh orang yang disyaki mengalami kecelaruan mental dalam tempoh kemasukan dan penahanannya dengan tujuan mendapatkan *discharge* atau sambungan penahanan bagi jagaan

atau rawatan bagi tempoh di antara sebulan hingga tiga bulan.

Bahagian III memperkatakan perkara-perkara berkaitan dengan *discharge*, kebenaran bercuti dan pemindahan pesakit bukan sukarela dari hospital psikiatri.

Fasal 15 bertujuan memberikan kuasa ke atas Pengarah Perubatan sebuah hospital psikiatri untuk melepaskan pesakit bukan sukarela yang tidak memerlukan apa-apa penjagaan atau rawatan lanjut.

Di bawah Fasal 16, seorang pesakit bukan sukarela atau saudara-maranya boleh memohon untuk *discharge* seseorang yang tidak berpuas hati dengan keengganan Pengarah Perubatan untuk men*discharge*nya boleh merayu kepada Lembaga Pelawat dan seterusnya kepada Ketua Pengarah, Kementerian Kesihatan.

Fasal 17 bertujuan untuk memberikan kuasa kepada seorang Pengarah Perubatan untuk memberikan kepada pesakit bukan sukarela kebenaran bercuti dan melanjutkannya tidak melebihi satu bulan atau boleh menarik balik kebenaran dan menghendaki pesakit untuk menamatkan cuti.

Fasal 18 bertujuan untuk memperuntukkan bagi penahanan se seorang pesakit bukan sukarela yang bercuti dari hospital psikiatri tanpa kebenaran atau yang kebenaran bercuti telah ditarik balik di bawah Fasal 17.

Fasal 19 memperkatakan kuasa Ketua Pengarah untuk mengarahkan sesuatu pemindahan seseorang pesakit bukan sukarela dari satu hospital psikiatri kerajaan ke satu hospital yang lain atau ke satu hospital psikiatri swasta yang diwartakan atau dari sebuah hospital psikiatri swasta yang diwartakan ke sebuah hospital psikiatri swasta yang lain atau ke satu hospital psikiatri kerajaan.

Di bawah Fasal 20, seorang Pengarah Perubatan hendaklah menjalankan penilaian sekurang-kurangnya sekali seminggu terhadap pesakit bukan sukarela di bawah jagaannya bagi menentukan setiap keperluan penahanan dan rawatan berterusan.

Fasal 21 bertujuan menghendaki Pengarah Perubatan untuk memaklumkan kepada mahkamah mengenai *discharge* seorang pesakit bukan sukarela yang telah dimasukkan ke dalam hospital psikiatri di bawah subfasal 55 (l) ataupun Fasal 73.

Bahagian IV memperkatakan peruntukan-peruntukan berkaitan kemasukan, penahanan, penilaian semula dan *discharge* orang-orang yang ditahan di dalam hospital psikiatri di bawah Kanun Tatacara Jenayah.

Di bawah Fasal 22, seseorang yang telah diperintahkan ditahan di bawah seksyen 342, 344 atau 348, Kanun Tatacara Jenayah atau peruntukan-peruntukan

bersamaan di dalam mana-mana undang-undang bertulis yang lain, hendaklah dimasukkan ke satu hospital psikiatri kerajaan yang diwartakan dan yang telah diluluskan bagi tujuan tersebut oleh Menteri.

Fasal 23 menghendaki Pengarah Perubatan untuk menjalankan penilaian semula setiap bulan ke atas orang-orang yang ditahan di bawah seksyen 344 ataupun 348, Kanun Tatacara Jenayah bagi menentukan sama ada penahanan berterusan mereka adalah perlu atau tidak.

Sekiranya Pengarah Perubatan berpendapat bahawa seseorang yang ditahan di bawah seksyen 348, Kanun Tatacara Jenayah, boleh *didischarge* dengan selamat dari hospital psikiatri, dia hendaklah membawa orang tersebut untuk diperiksa secara peribadi oleh pelawat di bawah Fasal 24 bagi tujuan tersebut.

Fasal 25 memperkatakan pemeriksaan peribadi seseorang yang ditahan di bawah seksyen 344 atau 348, Kanun Tatacara Jenayah oleh Pengarah Perubatan atau Pelawat kepada hospital psikiatri atas permohonan seseorang saudara-mara atau kawan orang yang ditahan tersebut bagi *didischarge* dan untuk membolehkan saudara-mara atau kawan tersebut memelihara orang tersebut.

Bahagian V mengandungi peruntukan berkaitan kemasukan penginapan, penjagaan kejururawatan dan pemulihan orang-orang yang mengalami kecelaruan mental dalam rumah penjagaan kejururawatan psikiatri.

Fasal 26 menerangkan apakah dia satu rumah penjagaan kejururawatan psikiatri.

Fasal 27 dan 28 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pewartaan rumah penjagaan kejururawatan psikiatri kerajaan dan rumah penjagaan kejururawatan swasta.

Fasal 29 mengadakan perlantikan pegawai perubatan atau jururawat terlatih kerajaan yang akan menjadi orang yang bertanggungjawab dalam satu rumah penjagaan kejururawatan psikiatri kerajaan.

Melalui Fasal 30, pemegang lesen dan orang yang menjalankan satu rumah penjagaan kejururawatan psikiatri swasta termasuk yang diwartakan hendaklah mematuhi kehendak-kehendak Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998.

Fasal 31 memperuntukkan cara di mana seseorang boleh dimasukkan ke dalam satu rumah penjagaan kejururawatan psikiatri dan *mendischarge* dirinya dari tempat itu. Seorang pegawai perubatan atau pengamal perubatan berdaftar boleh

mengesyorkan atau seorang saudara-maranya boleh memohon bagi seseorang di dalam rumah jagaan kejururawatan psikiatri yang keadaan mentalnya telah merosot dan memerlukan jagaan dan rawatan lanjutan untuk dimasukkan ke dalam satu hospital psikiatri.

Bahagian VI mengandungi peruntukan-peruntukan berkaitan penerimaan, penjagaan, rawatan dan pemulihan orang yang mengalami kecelaruan mental ke pusat kesihatan mental masyarakat.

Untuk memastikan segala standard dan kehendak rang undang-undang tersebut dapat diawasi dan dikawal dengan lebih efektif, peruntukan penguatkuasaan yang lebih menyeluruh dicadangkan selaras dengan peruntukan-peruntukan yang terdapat di dalam Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998.

Peruntukan di dalam rang undang-undang ini juga akan memastikan bahawa kualiti, kemudahan dan perkhidmatan penjagaan mental adalah terpelihara. Kesemua kemudahan penjagaan mental dikehendaki mempunyai Program Kepastian Kualiti atau *Quality Assurance* mereka sendiri dan perlu memberikan maklumat mengenai aktiviti-aktiviti yang dijalankan kepada Ketua Pengarah Kesihatan apabila diminta.

Terdapat juga peruntukan mengenai penilaian kematian psikiatri yang diselaraskan dengan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 yang menghendaki pembentukan satu jawatankuasa untuk menyiasat kes-kes kematian. Ke semua peruntukan ini juga adalah selaras dengan peruntukan-peruntukan yang terdapat di dalam Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998.

Di bawah Fasal 32 menerangkan apakah dia satu pusat kesihatan mental masyarakat.

Fasal 33 dan 34 bertujuan untuk memperuntukkan pewartaan pusat kesihatan mental masyarakat kerajaan dan pusat kesihatan mental masyarakat swasta.

Di bawah Fasal 35, seorang pegawai perubatan yang dilatih dan mempunyai pengalaman dalam psikiatri hendaklah menjadi orang yang bertanggungjawab bagi sebuah pusat kesihatan mental masyarakat kerajaan.

Bagi fasal 36 menghendaki pemegang lesen dan orang yang menjalankan satu pusat kesihatan mental masyarakat swasta termasuk pusat yang diwartakan

untuk mematuhi kehendak Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998.

Di bawah Fasal 37, seorang pesakit bukan sukarela yang telah *didischarge* atau dalam kebenaran bercuti di bawah Fasal 17 boleh dikehendaki untuk menjalani rawatan jagaan masyarakat di satu pusat kesihatan mental masyarakat kerajaan atau swasta yang diwartakan.

Bahagian VII memperkatakan peruntukan berkaitan dengan perlantikan sebuah Lembaga Pelawat bagi setiap hospital psikiatri dan rumah penjagaan kejururawatan psikiatri, terma dan syarat perlantikan ahli Lembaga, tugas Pelawat, kewajipan Pelawat, mesyuarat Lembaga dan elaun yang boleh dibayar kepada ahli Lembaga itu.

Rang undang-undang ini turut mencadangkan perubahan terhadap komposisi peranan serta meluaskan bidang kuasa Lembaga Pelawat dan turut memastikan supaya setiap hospital psikiatri atau rumah jagaan kejururawatan psikiatri dikehendaki untuk menubuhkan Lembaga Pelawatnya sendiri.

Peranan Lembaga tersebut telah diselaraskan untuk memberikan penekanan terhadap kebajikan serta kesihatan pesakit yang ditahan atau dimasukkan ke hospital atau rumah jagaan kejururawatan psikiatri untuk memastikan terdapat kemudahan dan peluang untuk pesakit mengamalkan tuntutan agama pesakit dan mana-mana perkara yang dirasakan perlu oleh Lembaga Pelawat tersebut seperti buku pendaftaran, arahan ataupun apa-apa dokumen berkaitan kemasukan dan *discharge* pesakit. Lembaga Pelawat juga diberi kuasa untuk menilai semula ke semua pesakit yang dimasukkan sama ada secara sukarela atau bukan dan untuk memastikan bahawa pesakit mental tersebut boleh *didischarge* atau tidak.

Ini akan seterusnya membantu untuk memastikan bahawa pesakit yang mengalami penyakit mental yang kronik tidak diabaikan serta berpeluang untuk *didischarge* setelah dinilai semula. Lembaga Pelawat boleh memutuskan untuk melanjutkan penahanan seseorang pesakit mental jika perlu sehingga satu waktu yang telah ditentukan oleh Pengarah Perubatan dan Lembaga Pelawat itu sendiri.

Di bawah Fasal 44, 45 dan 46, Pelawat hendaklah berkaitan dengan hospital psikiatri atau rumah jagaan kejururawatan psikiatri yang mana mereka telah dilantik, melawat dan menyiasat kesihatan dan kebajikan orang yang mengalami kecelaruan mental yang ditahan di dalam hospital atau rumah, memeriksa mereka dan membuat siasatan berkaitan dengan kemasukan dan penahanan.

Seterusnya terdapat juga peruntukan untuk menjalankan kajian atau ulasan pada beberapa tempoh penahanan mereka di dalam hospital atau rumah bagi menentukan sama ada orang yang mengalami kecelaruan mental boleh didischarge atau harus ditahan bagi penjagaan dan rawatan lanjut bagi tempoh yang dilanjutkan.

Pelawat adalah diberikan kuasa oleh Fasal 44 untuk mengarahkan seseorang yang mengalami kecelaruan mental ditahan bagi tempoh tidak melebihi 6 bulan.

Di bawah Fasal 45, mereka boleh mengarahkan penahanan lanjut bagi tempoh tidak melebihi 12 bulan.

Bahagian VIII, Fasal 48 bertujuan untuk menggunakan Bahagian XII Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 kepada hospital psikiatri, rumah jagaan kejururawatan psikiatri dan pusat kesihatan mental masyarakat supaya Jawatankuasa Penilaian Kematian Psikiatri di peringkat Kebangsaan dan di peringkat kemudahan jagaan kesihatan swasta akan ditubuhkan.

Fungsi-fungsi jawatankuasa dan prosedur-prosedur penyiasatan ke dalam kes-kes kematian boleh dinilai oleh jawatankuasa, juga diperuntukkan dalam Bahagian XII

Bahagian IX memperkatakan tentang kualiti, kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan psikiatri.

Bahagian X mengandungi peruntukan-peruntukan dalam penyiasatan kehakiman mengenai status seseorang yang dikatakan mengalami kecelaruan mental sama ada penubuhan "jawatankuasa kepada orang itu" atau satu "jawatankuasa estet orang itu" ataupun kedua-duanya diperlukan. Bahagian ini tidak memperkatakan isu-isu penjagaan kesihatan mental tetapi lebih mengutamakan isu-isu hak pesakit ke atas diri dan hartanya.

Di bawah Fasal 55, Mahkamah boleh menghantar orang-orang yang dikatakan mengalami kecelaruan mental untuk pemerhatian dalam satu hospital psikiatri kerajaan atau hospital psikiatri swasta yang diwartakan bagi pengesahan oleh Pengarah Perubatan mengenai status mental orang itu.

Fasal ini juga menyatakan faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan oleh seorang pakar psikiatri apabila memeriksa orang itu bagi memutuskan keupayaannya untuk mentadbirkan estet kepunyaannya.

Fasal 59, 60 dan 63 hingga 70 melindungi kepentingan orang yang mengalami kecelaruan mental dengan memastikan pengurusan estet kepunyaannya oleh satu jawatankuasa estet berkenaan, jika dilantik, tertakluk kepada perintah-

perintah dan arahan -arahan Mahkamah Tinggi.

Sekiranya Mahkamah mendapati ketidakupayaan orang yang mengalami kecelaruan mental untuk menguruskan diri atau hal ehwalnya adalah bersifat sementara atau ianya adalah lebih bermanfaat bagi estet kepunyaannya diperolehi secara langsung bagi penyelenggaraan atau keluarganya, Mahkamah boleh di bawah Fasal 71 dan 72 melantik seorang sebagai ganti dari satu jawatankuasaestet tersebut untuk memegang wang orang yang mengalami kecelaruan mental bagi tujuan itu.

Fasal 74 bertujuan untuk memperuntukkan pembatalan prosiding di bawah Fasal 52, jika setelah siasatan didapati orang yang mengalami kecelaruan mental telah menjadi baik.

Bahagian XI, Fasal 76 bertujuan untuk menggunakan dengan ubahsuaian Bahagian XVI Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 yang memperkatakan kuasa penguatkuasaan bagi akta ini.

Bahagian XII mengandungi peruntukan-peruntukan am.

Fasal 77 memperkatakan hal keadaan dan syarat-syarat di mana keizinan bagi pembedahan, terapi *elektrokonusulsi* atau kajian klinikal berkaitan dengan seseorang yang mengalami kecelaruan mental boleh diberikan sama ada oleh orang itu sendiri atau penjaganya yang sah atau saudara mara atau oleh dua orang pakar psikiatri dan salah seorang daripadanya hendaklah pakar psikiatri yang menjaga pesakit tersebut.

Fasal 78 menghendaki Pengarah Perubatan memastikan setiap pesakit dalam sebuah hospital psikiatri dan saudara maranya dimaklumkan mengenai sebab penahanan orang itu dan haknya untuk *discharge*.

Fasal 81 membenarkan pindaan dibuat kepada mana-mana sijil perubatan, perintah atau lain -lain dokumen yang salah mengenai kemasukan seseorang pesakit bukan sukarela dalam sebuah hospital psikiatri.

Di bawah Fasal 82, apa-apa bayaran, pencen, ganjaran atau elaun boleh dibayar oleh kerajaan kepada orang yang telah mengalami kecelaruan mental, boleh dibayar kepada orang yang bertanggungjawab ke atasnya dan mana-mana lebihan akan dibayar kepada tanggungan orang yang mengalami kecelaruan mental.

Fasal 86, 87 dan 88 memperuntukkan bagi kesalahan-kesalahan tertentu berkaitan dengan orang-orang mengalami kecelaruan mental dengan penalti-penalti tertentu yang telah ditetapkan.

Fasal 89 memperkatakan tentang pendakwaan kesalahan-kesalahan di bawah akta yang dicadangkan.

Fasal 92 memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan-peraturan.

Pemansuhan dan kecualian adalah diperuntukkan dalam Fasal 93.

Adalah didapati perlu untuk mengadakan undang-undang yang dapat menjaga keselamatan, keselesaan, kesejahteraan dan juga hak pesakit mental khususnya, di samping mengambil kira kepentingan masyarakat dan kakitangan kesihatan. Rang undang-undang ini adalah perlu untuk memastikan perkhidmatan kesihatan *comprehensive* dan berkualiti diberi kepada pesakit mental dan pada masa yang sama etika profesion perubatan dapat dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama "Suatu Akta untuk menyatukan undang-undang yang berhubungan dengan kecelaruan mental dan mengadakan peruntukan bagi kemasukan, penahanan, penginapan, jagaan, rawatan, pemulihan, pengawalan dan perlindungan orang-orang bercelaru mental dan bagi perkara-perkara yang berhubungan dengannya" dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz.

3.43 ptg.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian menyokong Rang Undang-undang Kesihatan Mental 2001. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak kerajaan kerana memang tepat sekalilah pada masanya Rang Undang-undang Kesihatan Mental ini digubal dan digunapakai. Dan daripada apa yang kita dapat daripada hari ini, seperti yang dijelaskan dengan begitu komprehensif oleh pihak kementerian, akta yang mempunyai 12 bahagian, 94 fasal dan 2 jadual ini dan 76 muka teks bahasa Melayu, 68 muka teks bahasa Inggeris merupakan satu undang-undang kesihatan mental yang komprehensif. Mudah-mudahan mereka yang mempunyai kaitan dengan kecelaruan mental dapat diperhatikan dengan sebaik mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, sejarah penyakit mental ini memang lama bermula di negara kita ini dan saya telah pun berbincang dengan sahabat saya yang memang mempunyai tanggungjawab secara direct berkenaan dengan isu-isu sakit mental ini dan baru sahaja dianugerahkan Tan Sri, iaitu Tan Sri Dato' Seri Dr. Mahadevan. Dia juga umur sudah 68 tahun dan masih lagi main polo, maknanya kuat dan masih lagi bachelor.

Tuan Yang di-Pertua: Mahadevan.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Mahadevan. Jadi, dia sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, begitu komited kepada mereka yang sakit mental ini sehinggakan dia mengambil dua tiga orang, menjaga mereka ini di rumah dia sendiri. Inilah commitment. Pada waktu itu, masa Tan Sri Majid sebagai Ketua Pengarah Kesihatan dan Tan Sri Lee Siok Yew, mendiangnya, sebagai Menteri Kesihatan banyak percubaan untuk hendak menggubal dasar sakit mental ini secara menyeluruh dan saya berpendapat elok sangat kita di Dewan yang mulia ini memperingati jasa-jasa mereka yang lalu untuk menentukan orang yang sakit mental pun diberi perhatian khusus oleh mereka ini.

Dalam satu upacara pembukaan Hari Terbuka Hospital Bahagia, Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Allahyarham, bekas Perdana Menteri Malaysia pada 3 Mac 1977, di dalam kata-kata aluannya pada Hari Terbuka di Pusat Pertolongan (Help Centre), Hospital Bahagia, tajuknya amat menarik, Tuan Yang di-Pertua, "Siapa Gila?", . Saya hendak quote, hendak petik satu ayat, Tuanku punya tulisan ini, "Kerana pada mereka" - (pada orang gila ini) – "agak mereka itulah yang sihat akal fikiran. Orang yang lain itu adalah gila". Itulah sebabnya mereka duduk di hospital selamat dan terpelihara mereka daripada orang-orang yang berlainan daripada mereka."

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kepada orang-orang gila, mengikut apa yang Tunku suggest ini, orang yang gila-gila duduk di Hospital Bahagia, pada dia, dia tidak gila pasal dia selamat dan terkawal. Ada dengan jagaan psikiatrisnya, ada yang dijaga oleh jururawat, tetapi orang yang di luar itu, yang datang melawat dia itu mungkin orang itu yang gila. [Ketawa] Jadi, ini satu pandangan yang amat baik kerana apa yang mereka buat, apa yang kerajaan telah buat, menyediakan hospital yang kita beri nama Bahagia, sungguhpun *connotation*, mohon izin Tuan Yang di-Pertua, apabila kita sebut Tanjung Rambutan, ha ini orang yang *skru loose*, tetapi sebenarnya nama yang kerajaan beri Taman Bahagia, Tanjung Rambutan, Taman

Permai di Tampoi tetapi kita sebut Tanjung Rambutan atau sebut Tampoi, ha dia orang tahu dari segi *connotation* ianya negatif. Ha, ini tempat orang yang gila-gila.

Tetapi sebenarnya kita cuba mengasingkan mereka ini bagi memberikan rawatan yang rapi kerana kita tahu, Tuan Yang di-Pertua, penyakit ini bukannya kita hendak sendiri. Dan saya amat terperanjat kerana pihak kerajaan tidak menghuraikan sebab-sebabnya secara detail mengapa lapisan masyarakat peringkat sekolah, peringkat remaja, peringkat dewasa, peringkat tua, peringkat wanita dan peringkat lelaki mengalami penyakit *mental disorder* ini ataupun kecelaruan mental. Kita kena buat kajian kerana setiap negara yang membangun dari segi fizikalnya, mentalnya juga membangun, tetapi dengan tekanan-tekanan harian daripada desakan-desakan penghidupan dengan nilai-nilai baru, bukannya semua manusia mempunyai kapasiti untuk hendak absorb atau menerima desakan-desakan yang berleluasa ini.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Ada yang kalah. Apabila dia kalah, pemikiran dia pun kusut. Apabila kusut, kalau tidak dijaga dan dibelai dengan baik, mungkin dia bercelaru pemikirannya, maka itulah sebabnya kita perlu sangat setiap negara yang maju sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, dia punya ratio (nisbah) orang yang mempunyai kecelaruan mental lebih tinggi tetapi jumlah psikiatrisnya pun tinggi. Sebab itu saya hendak tanya pihak kerajaan, adakah kita mempunyai satu perancangan di mana ada matlamat setelah kita membangun, kalau sebelum kegawatan itu 8% tiap-tiap tahun negara membangun.

Ada ratio di mana apabila kita membangun, orang sakit mental pun lagi tinggi naik meningkat dan berapakah jumlah psikiatris yang sepatutnya diwujudkan oleh pihak kerajaan, *counsellors* di peringkat sekolah, di peringkat organisasi-organisasi swasta, syarikat-syarikat besar, industri-industri dan juga di peringkat universiti. Adakah ratio (nisbah) kaunselor atau psikiatris kepada mereka yang wujud di tempat-tempat itu berpatutan atau tidak? Kerana dalam satu makalah yang saya baca, Tuan Yang di-Pertua, saya amat terperanjat sekali dengan apa yang dia kata. Ini saya hendak *quote*: "Di Australia, setiap 9,300 mereka yang boleh dikatakan bermasalah dari segi mental, ada seorang psikiatris." Penduduk Australia lebih kurang dekat 22 ribu macam kita juga, Tuan Yang di-Pertua tetapi di Malaysia...

Timbalan Yang di-Pertua: 22 juta.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Ha, 25 juta. Di Malaysia mengikut kajian yang dibuat ini, hanya seorang psikiatris sahaja daripada setiap 346,000 orang. Jadi, ini jauh beza dengan 9,300. Jepun, setiap seorang psikiatris, 12,600 orang. South Korea, setiap seorang psikiatri, 31,000 orang.

Jadi, Malaysia agaknya terlalu tinggi bezanya dengan negara-negara lain. Di India sendiri - saya amat terperanjat - yang mempunyai penduduk hampir satu bilion lebih, tiap-tiap 250,00 seorang psikiatris. Di India ramai sangat psikiatris, seluruh tempat ada psikiatri. Selepas itu di negara Filipina pun seorang setiap 212,000; dan Thailand seorang setiap 224,000.

Jadi, kita kalau ikut dalam senarai ini nombor tiga corotnya. Indonesia lebih tinggi daripada kita, tiap-tiap seorang 562,000. itu Mungkin dia lebih besar nisbahnya daripada kita, tetapi dia ramai. Penduduk dia hampir 240 juta saya tidak tahu berapa ramai sekarang, 250 juta. Laos setiap seorang 5.5 juta. Laos ini jauh kebelakangan daripada segi ekonomi dan sebagainya.

Jadi, kita mesti ada satu target. Kalau kita ada satu matlamat berapa ramai doktor dengan berapa ramai pesakit di Malaysia ataupun berapa ramai daripada segi nisbah kependudukan kita, kita juga mesti mewujudkan satu nisbah antara berapa orang psikiatris dengan penduduk kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya pun amat terperanjat kenapa wanita yang kita baru sahaja lulus Perlembagaan tadi di mana mereka tidak akan didiskriminasi dalam apa-apa segi tetapi penyakit ini mendiskriminasikan mereka, penyakit mental ini. Sakit kecelaruan mental mendiskriminasi kerana wanita lebih tinggi daripada segi incidence. Saya tengok dalam satu senarai ini wanita dikatakan antara 8% ke 20% menghidap penyakit kecelaruan mental.

Jadi, tekanan jiwa kepada wanita ini amatlah tinggi termasuklah mereka yang ditinggalkan oleh suami secara mati atau secara bercerai-berai, tanggungan dan desakan mereka. Ibu tunggal misalnya amat tinggi. Mungkin tidak semuanya penyakit mental tetapi saya bimbang sangat kalau kita tidak mengawasi. Sebab itu kita tubuhkan kementerian khusus untuk wanita. Saya ucapkan tahniah kepada kerajaan semata-mata hendak menjaga kepentingan wanita yang kita amat sayang sehinggakan hari ini kita luluskan gender tidak memainkan peranan dalam dunia di Malaysia, semuanya sama daripada segi pendekatan penghidupan kita. Jadi, wanita antara 8% ke 20%, lelaki 4% ke 8%. Ini bezanya, macam mana penyakit kecelaruan

mental membezakan jantina dengan tingginya *incidence* penyakit ini di kalangan wanita jikalau dibandingkan dengan lelaki.

Tuan Yang di-Pertua,...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato', kasihan wanita dek angkara lelaki maka jadi begitu.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Inilah yang susahnyanya. Jadi, kita patut lebih bersimpati. Sebab itulah kes-kes di Mahkamah Syariah saya selalu mengatakan perlunya....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae: Minta laluan, Dato' Aziz. Kalau sungguhlah begitu sayang kepada wanita dengan meluluskan akta dan sebagainya, bolehkah tidak wanita merayu supaya jangan dan kuranglah diperduakan. Jadi, kuranglah wan ita gila. *[Ketawa]*

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, ini mendua, mentiga dan mengempat ini, sebenarnya mengurangkan lagi tekanan jiwa kepada mereka yang belum kahwin.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada hikmahnya itu.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Ada hikmahnya. Jadi, saya pernah berucap di Dewan yang mulia ini bagaimana kita kasihan kepada mereka yang berilmu tinggi. Sekarang ini kita tengok di universiti 60% lebih wanita. Jadi, cuba bayangkan kelulusan wanita keluar ke pasaran pekerja, semuanya jadi boss belaka pasal semuanya graduates, lebih ramai. Kita hanya 40%. Jadi, kemungkinan yang ramai ini dia lebih memikirkan cara macam mana hendak hidup secara selesa sebagai suami-isteri. Jadi, di situlah letaknya peluang kepada mereka yang kasihan kepada keadaan untuk mengambil bahagian untuk mencari nombor satu, nombor dua, nombor tiga dan nombor empat.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae: Minta laluan. *[Ketawa]* Yang Berhormat Dato', tadi kita dimaklumkan oleh Setiausaha Parlimen dalam penjelasan bahawa di antara wanita yang terlibat atau *prone*, dengan izin, kepada mental kecelaruan ini ialah janda. Ini saya tengok silapnya daripada lelaki.

Timbalan Yang di-Pertua: Ramai sakit mental ini janda.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Itulah kita tidak hendak janda ramai, sebab itu kita patut mengahwinkan mereka. *[Ketawa]* Ini serius, memang inilah

pendekatan saya, Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa sebab itu semasa perang-perang ramai janda zaman dahulu, maka perkara ini timbul.

Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun: Minta laluan, Datuk Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, mungkin sedikit hari lagi Tuan Yang di-Pertua dapat "Datuk".

Dato' Aziz, mungkin dari perspektif Dato' itu yang mengahwini lebih daripada satu akan menyelesaikan masalah wanita-wanita yang tidak bersuami. Saya hendak tanya adakah kaum lelaki cuma mempertikaikan, memperisterikan lebih daripada satu ataupun juga mengambil hakikat tentang apa dia lain kaedah-kaedah yang perlu dilaksanakan? Itu saya rasa adalah asas kepada masalah kepada wanita yang dimadukan.

Terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Salah satu kaedah sahaja yang saya sebut. Banyak kaedah lain. Tuan Yang di-Pertua, jangan pula mengatakan bila salah seorang lelaki kahwin lebih daripada satu kebanyakannya tergolong di dalam mental disorder tadi 4% ke 8%, kerana hendak membahagi sama rata antara nombor satu, nombor dua, nombor tiga dan nombor empat bukan perkara yang mudah. Jadi, kemungkinan yang termasuk dalam golongan ini termasuk juga dalam golongan 4% ke 8% kecelaruan mental.

Timbalan Yang di-Pertua: Dengan itu angkara wanita pula. *[Ketawa]*

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, jadi ini berkemungkinan. Sebab itulah kita memerlukan kajian kalau dapat pihak kerajaan mengkaji.

Sebab kita tengok murid-murid sekolah. Tahukah, Tuan Yang di-Pertua, bagaimana ramainya murid-murid umur 6, 7, 8, 9 tahun di Jepun membunuh diri kerana desakan daripada segi pressure, desakan ibu bapa untuk memberi tuisyen. Saya ingat semasa saya bersekolah pada tahun 50an, 60an - sungguhpun saya nampak masih muda tetapi sudah berumur - semasa itu kita pergi ke sekolah darjah satu sampai darjah enam, habis sekolah mungkin kita pergi ke sekolah agama, selepas itu kita free. Sekarang ini tuntutan muzik, tuntutan ballet, tuntutan belajar matematik lebih, bahasa Inggeris lebih. Berbagai-bagainya lebih, seolah-olah tidak cukup apa yang dipelajari di sekolah-sekolah. Ini *pressure*, tekanan, selepas itu mesti dapat A semua, maka ramai yang membunuh diri kerana tidak ada *safety valve*, tidak ada penyelamat kepada mereka.

Begitu juga di peringkat universiti pun kita tahu. Di peringkat universiti pun ada juga. Yang terdesak tidak sampai ke tahap pencapaian yang cemerlang pun ada yang bunuh diri. Jadi, tekanan-tekanan jiwa yang amat menyedihkan. Jadi perbanyakkanlah kaunselor di peringkat-peringkat sekolah. Di peringkat ibu bapa pun kena. Saya rasa PIBG sepatutnya memikirkan kaunseling kepada ibu bapa, jangan kepada anak murid sahaja. Ibu bapa menekan sangat murid kecil supaya dapat cemerlang.

Selepas itu di antara ibu bapa ada saingan (*competition*). Oh, berapa A anak dia, ke universiti mana dia pergi dan sebagainya. Saingan yang kurang sihat yang menyebabkan tekanan itu menular kepada anak-anak yang remaja ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Dato' ada yang minta laluan. Jemput.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa pandangan saya ini mungkin keluar sikit daripada tajuk awal tetapi peringatn untuk kita mengambil manfaat bersama.

Berpandukan kepada lembaran Al-Quran, banyak peranan yang didedahkan bahawa peranan bapa dalam peringkat-peringkat kritikal di mana peringkat anak remaja belasan tahun, peranan Nabi Yakub mendidik Nabi Yusuf, peranan Luqmanul Hakim mendidik anaknya. Jadi, saya minta pengiktibaran ini patut di educate oleh pendidikan bahawa kebersamaan, persyarikatan rumah tangga, bapa itulah yang kena memainkan peranan yang lebih kerana ibu hanya dalam pangkuan waktu-waktu tertentu waktu remaja. Janganlah kaum bapa hanya menyalahkan, segala-galanya blame ataupun menyalah, gagal pun salah, tidak boleh baca jawi salah emak, tidak boleh membaca Quran salah emak, anak liar salah emak, semuanya salah emak. Itu di antara faktor ibu yang tertekan dan penyakit mental banyak, mungkin boleh setuju dengan saya.

Terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Saya tidak pernah tidak setuju dalam hal ini. [*Ketawa*] Sebab itu saya katakan tadi kaunseling untuk ibu bapa. Persatuan Ibu Bapa (PIBG) ini mesti diberi peluang untuk menemui canselor-canselor yang boleh memberikan mereka pendekatan supaya tidak mendesak sangat anak-anak remaja yang masih lagi muda, pemikiran belum lagi matang sebegitu rupa tetapi ditekan sebegitu rupa sehinggakan dia tidak ada ruang untuk berfikir cara lain hanya berfikir tentang sains, matematik, Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia sahaja. Ini pun satu hal yang kita patut jaga elok-elok.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengetahui daripada pihak kerajaan kalau sekiranya ada sukarelawan-sukarelawan yang ingin mendaftarkan diri untuk hendak mengambil, menganakangkatkan orang-orang yang kurang bernasib baik ini seperti yang termaktub di dalam akta ini, kerajaan akan bukan sahaja memihak kepada pihak swasta yang berdaftar untuk mengambil bahagian, menjaga dan memberikan layanan kepada mereka, tetapi komuniti dari segi masyarakat. Saya sekarang sudah tahu ada yang mengambil anak angkat di kalangan mereka yang mempunyai tekanan jiwa ini untuk membelai mereka ini, memberikan satu nilai hidup baru supaya membentuk jiwa mereka dengan penuh kesayangan dan kemesraan.

Jadi, bagaimanakah cara pengolahan yang dibuat oleh pihak kementerian untuk meramaikan lagi mereka ini mengambil bahagian? Saya tahu benar Tuan Yang di-Pertua, kepada mereka yang terencat akal, cara hendak membaik pulih secara memberikan keyakinan diri salah satunya ialah menunggang kuda. *There is now riding for the disabled, disabled* dari segi fizikal dan mental. Ini betul berlaku. Ia mengimbangkan, ada *balancing act*.

Tuan Yang di-Pertua, rupanya naik kuda ini ada satu pendekatan, satu kenyataan benar iaitu dipanggil *hypo-therapy*. *Hypo-therapy*, Tuan Yang di-Pertua, ialah pada masa yang sama bila kita menunggang kuda kita naik badan kita ke atas, ke bawah, ke kiri, ke kanan, ke depan, ke belakang serentak. Jadi, mungkin kerana perbuatan semacam itu *hypo-therapy*, sebab itu nabi pun mengatakan menunggang kuda, memanah dan berenang dan ketiga-tiga itu sebenarnya mempunyai konsentrasi dari segi fizikal dan mental. Naik kuda, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tidak beri konsentrasi berdempum kita jatuh.

Jadi, gerak-geri kuda itu bersama dengan *muscle* kita iaitu di tepi-tepi peha ini mengapit kuda, pegang dia, perhati ke depan, cara *balance*, cara *trot*, cara *canter*, dengan *balancing act* itu rupanya menguatkan lagi mental kita. Sebab itu saya cuba naik kuda kerana hendak menguatkan mental dan fizikal kedua-dua sekali. Ini penting. Jadi kalau boleh, kita buat satu pendekatan baru di mana mereka ini diberi peluang. Sebab itu zaman dahulu, Tuan Yang di-Pertua, di Tanjung Rambutan itu ramai pesakit daripada Tanjung Rambutan diberi peluang bekerja di tempat *stud farm*. Memang betul di Tanjung Rambutan ada *stud farm* di mana pesakit-pesakit ini diberi dan didedahkan menjaga kuda. Sayang kepada *animal* ini, kuda ini, ini penting.

Jadi, pendekatan-pendekatan baru semacam ini saya minta supaya diperluaskan dan kelab-kelab yang mempunyai kuda macam Selangor Polo Club, di Kiara, di Ipoh Polo Club, di Pulau Pinang dan juga di Sungai Besi equestrian dan juga *racing stud board*, Kita beri mereka peluang, jadualkan waktu-waktu tertentu kepada mereka daripada hospital-hospital dan juga hospital-hospital swasta, hospital psikiatri swasta, supaya mereka diberi peluang untuk keluar dari masa ke semasa untuk menunggang kuda.

Tuan Yang di-Pertua, saya pun hairan kenapa peratusan pengambilan ubat anti-depression maknanya melawan kecelaruan jiwa ini begitu kecil di Malaysia ini dibandingkan dengan negara-negara lain sungguhpun kita pun ramai mereka yang mungkin diagnosisnya sakit kecelaruan mental. Saya difahamkan kalau mengikut senarai ini, Amerika yang paling tinggi sekalilah. Itu kita tidak boleh mempertikaikannya. 6.5% daripada seluruh dunia ubat pil dimakan, diambil oleh orang-orang Amerika dengan perbelanjaan lebih kurang RM8.5 bilion. Ha, banyak tetapi kalau ditengok pada bawah sekali iaitu daripada Asia, kebanyakan negara-negara Asia hanya mengambil 0.7% sahaja. Tidak banyak. Malaysia salah sebuah negara yang paling kecil daripada seluruh Asia 0.6%. Daripada seluruh Asia tadi Malaysia adalah yang terkecil sekali.

Jadi, bererti berkemungkinan kita tidak membuat diagnosis kepada mereka yang mungkin sakit kepala ataupun sakit telinga tetapi sebenarnya sakit otak. Ini ada bezanya: Sakit kepala dan sakit otak. Jadi, kita tidak membuat diagnosis dia sakit otak, maka dia perlukan *anti-depression*, bukannya perlukan kepada

Timbalan Yang di-Pertua: Panadol.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:panadol. Doktor mungkin dia beri panadol sahaja senang. Panadol, panadol, panadol. Berkemungkinan dia hendakkan ubat anti-depression.

Jadi, ini pun satu hal sebab itu kita kena banyak psikiatris ini supaya GP kita, doktor-doktor swasta dapat memikirkan lebih daripada sakit kepala, lebih daripada kurang tidur. Maknanya, diagnosisnya berkemungkinan menuju ke arah sakit kecelaruan mental dan bukan panadol yang diperlukan tetapi *anti-depression*. Sebab itu kita tidak ramai orang menggunakan anti-depression kerana mereka tidak diberikan diagnosis serupa itu yang kemungkinannya mereka memerlukannya.

Jadi, saya mintalah Jabatan Kesihatan, Kementerian Kesihatan mengkaji cara mana doktor-doktor swasta, doktor-doktor kerajaan menilai semula pendekatan

untuk meninjau atau mengdiagnosis sakit-sakit yang ada complain oleh mereka yang datang ini lebih daripada sakit kepala sahaja atau sakit kurang tidur sahaja tetapi berkemungkinan itu diakibatkan oleh sebenarnya kecelaruan mental yang memerlukan bukan panadol tetapi anti-depression. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, satu pendekatan yang lebih mendalam sepatutnya dibuat oleh pihak kerajaan.

Saya juga ingin memberitahu dan menanya pihak kerajaan berasaskan kepada 20,000 lebih yang dikenal pasti dan terpaksa diletakkan di hospital-hospital bahagia, hospital permai dan sebagainya di Sabah, Sarawak. Berapakah sebenarnya jumlah produktiviti kita dihakiskan oleh mereka yang selalu complain sakit ini, sakit itu yang sebenarnya sakit kecelaruan mental. Ada kaitannya antara produktiviti negara dengan pembangunan pertumbuhan ekonomi dengan mereka yang terdesak dan didesak oleh tekanan-tekanan jiwa sehinggakan mereka ini tidak ada langsung produktiviti, pergi kerja dok tengok dinding sahaja. Sekali sekala ditegur dia buat taip dan sebagainya. Sebenarnya dia ini dihidap oleh penyakit kecelaruan mental.

Jadi, mungkin produktiviti di negara kita ini dapat kita tingkatkan lagi kalau sekiranya kita mengenal pasti - inilah kita hendakkan industrial counsellors ini dan corporate counsellors - kerana CEOnya kadang-kadang memerlukan juga psikiatris. Kadang-kadang dia malu hendak beritahu kepada psikiatris yang dia sendiri memerlukan treatment psychiatric ini. Dia ada stigma, betul kata pihak kementerian. Ada stigma, Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah zaman-zaman dahulu Tuan Yang di-Pertua, kalau ingat di kampung-kampung - dan saya terperanjat mengapa orang luar bandar lebih ramai menghidap penyakit kecelaruan mental daripada orang di bandar. Ini saya hendak tanya pihak kerajaan - kalau dahulu di kampung-kampung kita tengok keluarganya malu hendak beritahu orang ramai anak dia itu kurang sihat dari segi mentalnya. Apa dia buat? Dia buatkan penjara sendiri, dia masukkan anak dia ke dalam lokap dia sendiri, lepas itu dia panggil "pasong". Kenapa balai polis dipanggil "rumah pasong" (penjara)? Pasong - diikatnya, ditaruhnya kayu berapit pada tangan dan pada kaki sehinggakan orang itu tidak boleh bergerak dan makan dihulur menerusi kayu-kayu yang menghalang dia keluar-masuk ke celah-celah itu.

Kalau kita tengok wayang cerita "Salmah". Saya baru tengok ceritanya, saya teringat bagaimana seorang ahli politik berjuang - kalau ikut dalam cerita Salmah itu - berjuang dengan gaya-gayanya UMNO atau PAS saya tidak tahu, apa parti dia tidak sebut parti apa. Dia berjuang, berjuang, lepas itu dia ketinggalan, orang lain

semua menang jadi dia ditakrif sebagai orang gila. Dia itu dimasukkan ke dalam rumah pasong itu diberi makan, lepas itu harta dia habis dikautkan oleh adiknya yang lebih sihat mentalnya daripada abangnya. Abangnya dijeniskan orang gila.

Orang politik ini kena jaga-jaga sedikit kerana banyak tekanan jiwa daripada pelbagai pihak. Dalam Dewan Rakyat, Dewan Negara pun banyak tekanan jiwa macam itu. Kadangkala orang ini menekan orang ini, jadi kita pun bercelaru. Mujurlah kita banyak minum teh tarik dekat luar, kalau tidak kita pun rasa bimbang bagaimana kita sendiri boleh ditekan oleh keadaan semasa. Sebab itu dalam Dewan Rakyat, saya pun hairan bagaimana orang boleh mengatakan sampai 30% orang yang sakit jiwa ini, *mental disorder*.

Secara kebetulan pula 30% daripada Ahli-ahli Dewan Rakyat adalah parti pembangkang. Jadi, kata pula parti pembangkang yang kurang daripada ini, ini tidak betul saya rasa. Saya tidak setuju, maknanya 30% ini mungkin secara total, secara menyeluruh. Jadi, saya tidak mahu mengatakan sahabat-sahabat saya ini mempunyai akal yang bercelaru, tidak, kerana hujah-hujah yang dikeluarkan semuanya hujah yang bukan sahaja siuman tetapi amat positif dari segi membangunkan masyarakat dan negara.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita mahulah kalau boleh pihak kerajaan mempunyai perancangannya sendiri bagaimana hendak menentukan bukan sahaja kita sihat dari segi fizikal tetapi sihat juga dari segi mental dan ianya bermula di bangku sekolah. Janganlah di peringkat tadika lagi sudah kita hendak sebut masuk politik. Ha ini minta benar semua pihak jangan kita mempolitikkan anak-anak kecilan sehinggakan mereka tidak mampu untuk hendak menerima kepolitikan orang-orang dewasa, dia pula jadi kecelaruan mentalnya. Ini pun susah juga kita memikirkan.

Di peringkat-peringkat tadika, peringkat sekolah rendah, hal-hal yang besar macam politik ini jangan masukkan. Bila dia sudah dewasa, sudah boleh mengundi, masuk politik biar ikut dialah. Dia hendak bertanding parti apapun ikut dia tetapi di peringkat-peringkat kecilan hingga universiti, jangan kita bebaskan lebih daripada apa yang dituntut oleh kurikulum itu sendiri. Sebab itulah AUKU dan sebagainya, Tuan Yang di-Pertua, dibuat oleh pihak kerajaan semata-mata hendak menentukan mereka ini diberi peluang untuk mencari ilmu, ilmu dunia, ilmu akhirat sebagai fardu ain dan fardu kifayah. Dan sebab itu saya hendak tunjukkan, Tuan Yang di-Pertua, jangan kita sekali-kali membebaskan anak-anak kita dengan apa yang terkeluar daripada kerangka kurikulum yang diwujudkan oleh pihak kerajaan semata-mata

hendak melahirkan anak bangsa yang berguna kepada negara, bangsa dan agama. Ini penting yang kita hendak mendapat

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: *[Bangun]*

Puan Jamilah binti Ibrahim: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman, sudah berderet menunggu ini. *[Ketawa]* Dijemput.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Datuk. Apabila sebut masalah mempolitikkan pelajar, saya hendak tahu penjelasan daripada Yang Berhormat bagaimana tentang fenomena yang ada pada hari ini iaitu satu suasana di mana Puteri UMNO cuba menyeludup masuk di dalam Puteri Islam di sekolah-sekolah.

Jadi, perkara ini ada bukti dan saya boleh bawa bukti. Apakah ini satu perkara yang tidak mempolitikkan pelajar? Saya ingin penjelasan.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Saya ada satu celahan atau dua celahan? *[Ketawa]*

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan ayat Dato' tadi. "Bila dia besar dia belajar ikut dialah" Kan itu kenyataan Dato' dengan ayat-ayat yang pendek? "Ikut dia".

Jadi, saya rasa bila ikut dia janganlah pihak Kementerian Pendidikan marah kepada pelajar-pelajar di IPTA, IPTS ikut dia memilih jalan dan politik dia. Maksudnya, bebaskan mereka, jangan dok seranglah. "Ikut dia" dengan ayat itulah. Terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: "Ikut dia" maknanya lepas daripada universiti lah itu. Saya kata tadi dalam rangka kurikulum mesti ikut, lepas daripada universiti entah apa dia hendak buat ikut dialah. Dia hendak pergi ke hilir, ke hulu, ke darat, ke baruh, ke utara, ke selatan, ikut dia kerana dia bebas berfikir, Tuan Yang di-Pertua. Kita kerajaan beri ilmu secukup mungkin kepada setiap individu yang mempunyai tahap pencapaian yang sesuai. Ada yang sampai ke STP, ada yang sampai SPM, ada yang sampai universiti, ada sampai Ph.D dan sebagainya.

Jadi, selepas itu terpulang, terserah. Kalau dia berterima kasih, kalau dia bersyukur kepada Allah S.W.T. dan berterima kasih kepada mereka yang merangka dan merancang program itu, dia pun teruslah undi Kerajaan Barisan Nasional kerana mereka yang memberikan persediaan yang secukup-cukupnya. Kalau tidak berterima kasih, ikut dialah, itu terserah kepada individu.

Jadi, berkenaan dengan puteri-puteri ini saya kurang arif dan saya tidak ada bukti. Kalau ada bukti sa mpaikanlah kepada pihak-pihak tertentu, kalau Puteri Islam diresapi oleh puteri luar pada tempat lain, itu terserah. Perkara macam ini berkemungkinan, sebab itu saya merasakan kita persucikanlah pendekatan untuk kita melahir dan menzahirkan anak-anak yang berilmu dan bertakwa dengan sepenuhnya supaya kita dapat menyempurnakan tanggungjawab kita menzahirkan orang-orang yang mental kapasitinya begitu luas, mendalam dan berjiwa bersandar kepada negaranya sendiri.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, memang banyak lagi. Saya memang berbahagi-bahagi dengan sahabat-sahabat saya angle-angle yang perlu diambil. Saya menyokong rang undang-undang yang amat komprehensif ini dan mengharapkan supaya ianya dapat dilaksanakan secepat mungkin sehinggakan ramai yang memerlukan perhatian dapat menerima dengan secara baik daripada pihak kerajaan, swasta dan badan-badan bukan kerajaan. Saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' T. Marimuthu.

4.15 ptg.

Dato' Dr. T. Marimuthu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pun ingin berbahas atas Rang Undang-undang Kesihatan Mental 2001 dan saya mengambil peluang ini untuk menyokong cadangan-cadangan yang telah diberi oleh rakan saya iaitu Dato' Aziz.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kesihatan yang begitu sedar dan peka mengenai satu masalah yang dihadapi oleh negara kita dan rang undang-undang ini adalah sebenar-benarnya satu rang undang-undang, walaupun panjang tetapi lebih komprehensif dan *caring*. Sebenarnya rang undang-undang ini boleh dikatakan satu rang undang-undang penyayang. Tujuan rang undang-undang ini ialah untuk menyatu-padukan beberapa rang undang-undang yang sedia ada mengenai orang bercelaru mental dan saya harap penguatkuasaan rang undang-undang ini akan mencapai satu masyarakat penyayang.

Dalam rang undang-undang ini, Bahagian II ialah satu bahagian yang penting iaitu ini adalah peruntukan untuk kemasukan, penahanan, jagaan, rawatan, pemulihan, kawalan dan perlindungan orang-orang bercelaru mental (*mentally disordered*) dan pelepasan pesakit sukarela dari hospital psychiatric.

Tuan Yang di-Pertua, bahagian ini adalah penting oleh kerana pelepasan pesakit sukarela selepas mereka telah mendapat rawatan dan telah dipulih tetapi masyarakat kita masih mempunyai sikap yang negatif kepada orang-orang bercelaru mental walaupun mereka telah dipulih. Jika seseorang masuk dalam psychiatric hospital ataupun Tanjong Rambutan yang telah dikatakan oleh rakan saya, beliau telah di label sebagai orang gila dan stigma ini tidak boleh diubah dalam masyarakat kita dan keluarga pun tidak mahu menerima mereka.

Soalan saya ialah bagaimanakah kita hendak mengubah sikap negatif ini terhadap golongan yang perlukan pertolongan kita? Saya harap supaya peruntukan yang sedia ada di bawah Bahagian II iaitu Fasal 15, 16 dan 17 akan memberi tanggungjawab yang lebih kepada ahli-ahli keluarga, tetapi apa yang penting di sini ialah bagaimanakah kita mengubah sikap masyarakat, sikap famili, sikap ahli-ahli rakyat terhadap orang-orang yang bercelaru mental. Saya harap kementerian harus mengambil langkah-langkah mendidik rakyat kita mengenai pesakit mental.

Dalam rang undang-undang ini, adalah tafsiran mengenai pesakit mental. Saya hendak tanya adakah tafsiran ini merangkumi pengamok, orang-orang yang terkena *mass hysteria*, *vagrants* dan sebagainya dan juga adakah ini merangkumi orang-orang yang kena depression ataupun tekanan *stress-related problems* yang telah disebut oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Dari satu makalah siapakah yang depressed, dengan izin, *depressed people may feel persistently sad, have problems with sleep, have thoughts of death, be anxious and irritable, lose their appetite and weight, have poor concentration*. Ini adalah ciri-ciri orang yang mengalami tekanan ataupun depression. Jika kita mengikut tafsiran ini, saya berpendapat bahawa sebahagian besar di Dewan yang mulia ini adalah *prone to mental disorder* dan saya tidak tahu definisi ataupun tafsiran ini adakah tepat, tetapi ini adalah mengenai golongan yang *depressed*.

Fasal 11 juga memberi kuasa kepada pihak berkuasa untuk mengambil tindakan khususnya kepada pegawai polis atau pegawai kebajikan masyarakat untuk menangkap mana-mana orang yang disyaki bercelaru mental dan menyerahkannya untuk pemeriksaan di hospital psychiatry kerajaan atau hospital psychiatry swasta yang diwartakan. Ini adalah penting oleh kerana rakan saya pun bersetuju dengan saya. Kita selalu tengok atau lihat di jalan-jalan bandar Kuala Lumpur dan beberapa bandar, ada orang jalan-jalan dan mereka bercakap sendiri. Saya harap fasal ini

memberi kuasa kepada pihak yang berkuasa untuk, bukan menangkap mereka tetapi mereka harus diberi rawatan ataupun pemeriksaan mengenai psychiatry.

Fasal 13 adalah satu fasal yang dialu-alukan oleh kerana fasal ini pun memberi kuasa dan memperkatakan kes-kes pengabaian atau layanan kejam terhadap seseorang yang disyaki bercelaru mental. Kita dengar dan juga kita baca daripada surat khabar beberapa kes pengabaian dan penganiayaan kepada orang-orang bercelaru mental. Saya harap peruntukan yang diberi dalam fasal ini menyelesaikan masalah ini dan memberi perlindungan kepada orang-orang yang perlukan penjagaan.

Saya ingin tahu daripada pihak kementerian bahawa apabila Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyatakan insiden kecelaruan mental wanita adalah lebih daripada lelaki, tetapi dalam 32 hospital kerajaan lelaki adalah 16,000 dan wanita 7,000 sahaja. Jika kita tengok dalam data-data yang diberi oleh kementerian, ada banyak wanita belum mendapat rawatan dan saya harap kementerian akan mengambil perhatian mengenai data-data ini dan saya harap rawatan akan diberi kepada mereka yang memerlukannya.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian V adalah peruntukan mengenai rumah jagaan kejururawatan psychiatry. Kadang-kadang kita baca dari surat khabar juga mengenai kualiti dan taraf rumah-rumah jagaan seperti ini dan saya harap peruntukan yang diberi dalam Fasal-fasal ini akan mengawal selia dengan ketat rumah-rumah jagaan seperti ini.

Saya juga ingin tahu berapakah rumah jagaan kejururawatan psychiatry yang ada di dalam negara kita, berapakah hospital psychiatry swasta dan pusat kesihatan masyarakat kerajaan. Setiausaha Parlimen telah memberi bilangan hospital kerajaan iaitu 32 dan saya harap semua institusi ini akan memberi perkhidmatan yang berkualiti untuk menyelesaikan satu masalah yang rumit, yang kita hadapi di dalam negara ini.

Saya ingin tahu berapakah bilangan psikiatris. Setiausaha Parlimen telah menyatakan satu bilangan iaitu lebih kurang 100 ahli psychiatry dan saya difahamkan bahawa *discipline psychiatry* tidaklah satu *discipline* yang diminati oleh penuntut-penuntut yang mengambil *medical studies*. Jika mereka tidak berminat mengenai discipline psychiatry, bagaimanakah kita mempertingkatkan bilangan ahli psychiatry di negara kita?

Dato' Abdul Aziz telah menyatakan mengenai *ratio* satu ahli psychiatry kepada penduduk-penduduk iaitu di Malaysia adalah 1 psychiatris kepada 346,000 dibandingkan dengan negara-negara maju, tetapi di Laos, *total population* di Laos adalah 5.5 bilion sahaja tetapi mereka hanya mempunyai 1 *psychiatris*, *so maybe they don't have any psychiatric problem at all*.

Oleh kerana kekurangan ahli psychiatry dan sikap kepada masalah-masalah psychiatry, pesakit-pesakit mencari bomoh untuk mendapat rawatan. Adakah ini berleluasa? Tabiat ini adakah berleluasa atau kurang? Kita hendak tahu bagaimanakah rawatan yang diberi oleh bomoh-bomoh. Saya juga ingin tahu bilangan pesakit mental adakah kurang ataupun meningkat dalam tempoh beberapa tahun yang lalu. Saya minta data-data ini oleh kerana seorang ahli sociology yang terkemuka iaitu Emilda Kheine telah menulis satu buku atas *suicide* di mana beliau mengaitkan pembunuhan diri ataupun masalah bunuh diri kepada persekitaran ekonomi dan sosial.

Apabila sesuatu masyarakat menghadapi *economic depression* ataupun kegawatan ekonomi seperti yang kita telah hadapi semenjak tahun 1997, peratusan pembunuhan diri adalah tinggi. Adakah dalam masa kegawatan ekonomi, peratusan masalah bunuh diri adakah meningkat ataupun tidak? Dan bagaimanakah Kementerian Kesihatan ingin meningkatkan ahli-ahli psychiatry di dalam negara kita?

Dan satu lagi tekanan yang disebut oleh Setiausaha Parlimen juga ialah tekanan yang diberi oleh ibu bapa kepada anak-anak mereka. Ini pun telah disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz tetapi kita di Malaysia telah menjadi satu masyarakat yang menumpukan atas *academic achievements* dan juga memberi *tuition* dan *special classes* dan sebagainya. Dan tekanan yang diberi kepada anak-anak kita untuk mendapat pencapaian terbaik di dalam sekolah adalah membawa kepada beberapa masalah *depression* dan sebagainya dan ini adalah prone kepada mental disorders.

Saya pun memberi sebagai contoh, negara-negara yang menumpukan atas *academic achievements* ialah Britain, Singapura, Malaysia, Japan dan sebagainya dan *hiding from the world ini adalah satu contoh daripada negara Jepun*. *Teenagers the world over lock themselves in their bedrooms, but in Japan the number of youths checking out of society to stay at home is causing concern, a condition called "cheeky comory" or withdra wal is believed to effect as many as one million Japanese children*. Ini menunjukkan betapa pentingnya ibu bapa harus mengurangkan

tekanan mereka kepada anak-anak mereka. Dan ini menunjukkan bahawa kanak-kanak tidak mahu keluar daripada rumah mereka selama enam bulan, mereka tidak mahu menghadiri sekolah oleh kerana tekanan diberi oleh ibu bapa, *bullying in schools* dan imej diri yang rendah.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta Kementerian Kesihatan bawa pekerja-pekerja yang berkhidmat dalam beberapa hospital pusat dan institusi ataupun rumah jagaan orang-orang kecelaruan mental mempunyai kelayakan dan latihan yang profesional, oleh kerana ini memerlukan *professional discipline*. Dan dengan itu saya percaya bahawa penguatkuasaan rang undang-undang ini akan mempertingkatkan kesejahteraan rakyat kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk William.

4.35 ptg.

Datuk William Lau Kung Hui: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, saya turut mengambil kesempatan untuk berucap membahaskan rang undang-undang ini. Saya juga turut menyokong rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mempunyai beberapa komen terhadap rang undang-undang ini. Saya perhatikan bahawa perkataan "*mental disorder*" diterjemahkan sebagai kecelaruan psikiatri yang bermaksud apa-apa penyakit mental atau apa-apa perkembangan fikiran yang terbentuk atau tidak sebenar, kecelaruan psikiatri atau apa-apa ketidakdayaan fikiran lain tidak kira bagaimana sekali pun diperolehi.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap tafsiran ini akan sekali gus menghapuskan stigma yang dikaitkan dengan orang sakit mental sebagai orang yang merbahaya yang boleh merosakkan kehidupan manusia.

Sebenarnya sakit mental adalah sama seperti sakit-sakit lain tetapi oleh kerana terdapat stigma takut, peluang untuk mendapatkan rawatan yang baik terganggu dan sukar bagi mereka pulih dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pihak kerajaan harus menggalakkan dan menghapuskan segala stigma yang tidak baik yang dilemparkan walaupun ia serius termasuklah *schizophrenia, depression and bipolar disorder*, dengan izin. Perasaan malu di kalangan orang-orang mental yang dirujuk oleh sahabat saya, Yang

Berhormat Dato' Abdul Aziz tadi, dengan ini hendaklah dikikis kerana ia bukan lagi satu stigma.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya istilah kecelaruan mental ini merangkumi semua jenis sakit mental, seperti yang dikatakan oleh sahabat saya, Senator Dato' Dr. T. Marimuthu. Adakah tafsiran ini termasuk *mass hysteria*, *sleepless nights* dan *depression* dan lain-lain, dengan izin.

Saya lihat, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada perbezaan di antara kekurangan mental atau *mental deficiency* dengan gila, *insanity*, dengan izin. Mungkin pada satu ketika seseorang itu kecelaruan mental tetapi dia boleh berada dalam keadaan normal atau *pathological* atau *abnormal*, dengan izin. Selanjutnya seorang itu boleh diklasifikasikan pula sebagai mengalami sakit *psychosis of organic origin*, dengan izin, dan mereka yang menderita disebabkan oleh *psychosis of functional or non-physical kind*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, *normal persons* - macam Ahli Yang Berhormat - *normal persons may vary considerably in their dispositions, and even the perfect person is subject to extreme changes in mood*, dengan izin. Seseorang ini boleh pada suatu ketika berada dalam keadaan *extreme exaltation* atau *extreme excitement* atau dalam *extreme depression*, dengan izin. Sebagai contohnya, seorang gila ada masanya dia berlagak sihat semasa *lucid interval*, dengan izin, di mana pada ketika itu dia tidak gila atau berada dalam keadaan normal. Hujahan saya di sini Tuan Yang di-Pertua, ialah terdapat pelbagai jenis pesakit mental yang perlu dibezakan di antara satu dengan yang lain.

Kita, oleh itu, sangatlah perlu membahagikan pesakit-pesakit mental mengikut jenisnya dan kita tidak boleh melonggokkan semua pesakit mental sebagai menderita dari kecelaruan mental ke dalam satu bakul serta diberikan rawatan yang sama. Sehubungan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya pihak kementerian adakah apa-apa penjelasan tentang isu itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat mengalu-alukan kuasa yang diberikan kepada pegawai polis dan kebajikan masyarakat di bawah Fasal 11 di mana mereka boleh menahan sesiapa yang disyaki mengalami kecelaruan mental untuk pemeriksaan di hospital psikiatri kerajaan atau swasta. Memandangkan anggota polis atau pegawai kebajikan masyarakat telah diberikan kuasa sedemikian, saya mencadangkan bahawa kuasa yang diberikan di bawah Fasal ini hendaklah dijalankan dengan berhati-hati.

Pihak yang bertanggungjawab hendaklah cermat apabila menahan orang-orang yang disyaki dan membezakan sama ada mereka hanya merupakan orang-orang yang mempunyai masalah-masalah peribadi yang tidak menjurus ke arah melakukan perbuatan jenayah dan orang-orang yang benar-benar menderita *neurosis* atau *psychopathy*, dengan izin, iaitu mereka yang tidak boleh membezakan di antara yang betul dengan yang salah .

Tuan Yang di-Pertua, adalah tersangat tidak adil, bahkan sesuatu yang amat malang jika seseorang itu tidak pada hakikatnya mengalami sakit mental tetapi ditahan oleh pihak yang berkuasa. Saya merayu, Tuan Yang di-Pertua, agar pegawai-pegawai yang bertanggungjawab menguatkuasakan undang-undang ini hendaklah menjalankannya dengan penuh hemat dan kebijaksanaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengalu-alukan Fasal 23(2) dan Fasal 44 dan Fasal 45 di bawah rang undang-undang ini kerana pihak yang bertanggungjawab akan menimbangkan setelah membuat pemerhatian ke atas seseorang yang disyaki akan menentukan sama ada orang itu mengalami sakit mental yang perlu ditahan dan dirawat di hospital.

Segala fasal-fasal ini pada pandangan saya, dibacakan dengan Fasal 78 mengingatkan pihak bertanggungjawab bahawa pesakit mental juga mempunyai hak asasi yang perlu dihormati oleh semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu, saya ada tiga isu lagi, pertama ialah mengenai kerahsiaan kerana saya tidak terjumpa rang undang-undang ini tentang *confidentiality of mental health information*, dengan izin. Saya tidak nampak apa-apa peruntukan tentang itu. Perkara ini adalah penting kerana maklumat kesihatan seseorang boleh diperolehi dengan mudah pada masa ini jika tidak dilindungi.

Untuk kepentingan keperibadian seseorang dan menggalakkan orang mendapatkan rawatan, *legal framework* yang sewajarnya, dengan izin, adalah diperlukan dalam bidang ini. Saya memang sedar Fasal 46 melarangkan seseorang pelawat mendedahkan apa-apa maklumat yang telah diperolehinya dalam perjalanan kewajipannya di bawah akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan ini fasal ini tidak melibatkan kakitangan yang menjalankan tugasnya di bawah akta ini. Walaupun, Tuan Yang di-Pertua, kerahsiaan pesakit secara amnya tidak begitu diberatkan oleh pihak yang merawat pada ketika ini, namun rekod pesakit mental adalah perlu dilindungi. Ia

tidak boleh dedahkan kesanggupan orang mendapat rawatan dalam beberapa keadaan.

Adalah bersyarat bahawa hal kesihatan mereka dirahsiakan oleh pihak yang memberikan rawatan. Memandangkan Rang undang-undang ini tidak ada apa-apa peruntukan untuk melindungi kerahsiaan maklumat pesakit selain apa yang dirujukkan di bawah Fasal 48 untuk melindungi kerahsiaan, saya ingin mengetahui dari pihak kementerian adakah undang-undang lain yang boleh melindungi kerahsiaan maklumat pesakit mental?

Tuan Yang di-Pertua, untuk menggalakkan penggunaan penuh Fasal 9 tentang kemasukan pesakit sukarela ke dalam hospital psikiatri, saya mencadangkan dibuat satu peruntukan khas dan dimasukkan ke dalam rang undang-undang ini di mana ia merupakan suatu kesalahan jenayah bagi sesiapa pun yang mendedahkan maklumat seseorang pesakit mental tanpa keizinannya atau pihaknya. Jika penyelidikan perubatan perlu dijalankan ke atas seseorang pesakit mental, keizinannya atau dari pihaknya dan kerahsiaannya hendaklah dipastikan. Hanya dengan peruntukan ini kerahsiaan seseorang pesakit akan terjamin dan saya yakin cara ini akan meningkatkan keyakinan orang ramai untuk mendapatkan rawatan secara sukarela.

Tuan Yang di-Pertua, isu kedua ialah berkenaan abuse atau salah gunakan pesakit mental sama ada yang dirawat di hospital psikiatri kerajaan ataupun di hospital psikiatri swasta. *Abuse* yang saya maksudkan ialah gangguan seksual di kalangan pesakit mental yang sering dilaporkan di akhbar-akhbar dari masa ke semasa. Di samping berita yang dilaporkan, saya percaya ada banyak lagi kes-kes yang tidak dilaporkan tentang gangguan seksual dalam mental hospital ini. Saya berpendapat Fasal 86 yang memperuntukkan penganiayaan buruk pesakit adalah tidak mencukupi. Saya ingin tahu dari pihak kementerian, adakah Fasal 86 meliputi kes-kes gangguan seksual secara khusus? Apa yang saya maksudkan ialah penalti yang lebih berat hendaklah dikenakan kepada sesiapa yang mengadakan persetubuhan haram dengan mana-mana pesakit mental sama ada ketika dalam rawatan atau di mana-mana tempat lain. Dan juga adalah menjadi suatu kesalahan serius bagi mana-mana orang yang menyimpan pesakit mental untuk tujuan mengadakan persetubuhan haram.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang ketiga ialah mengenai dengan perlindungan insurans orang sakit mental. Ini memang satu subjek yang rakan saya, Datuk Zainal

Rampak, memang berminat. Walaupun isu ini terkeluar sedikit daripada skop rang undang-undang ini, namun saya berpendapat ia harus diberikan pertimbangan memandangkan *the human brain is as important as any other organ in the body*. Setuju tidak setuju? *Saya propose, human brain is as important as any other organ in the body*, dengan izin.

Timbalan Yang di-Pertua: Setuju, setuju.

Datuk William Lau Kung Hui: Setuju! Pihak Kementerian Kesihatan patut membuat kajian sama ada syarikat insurans patut memberikan perlindungan kepada kesihatan mental sama seperti kes-kes perubatan lain. Begitu juga para majikan hendaklah menginsuranskan kesihatan mental pekerja-pekerja sebagai salah satu faedah pekerjaan. Cadangan ini menjadi penting dalam hubungan dengan Fasal 28 ini di mana rumah-rumah jagaan kejururawatan psikiatri swasta akan ditubuhkan dan kos rawatan akan menjadi lebih mahal. Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata ini saya mohon menyokong Rang Undang-undang Kesihatan Mental 2001. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr. Charlie Chau.

4.50 ptg.

Dr. Charlie Chau Lap Chang: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih oleh kerana mengizinkan saya untuk membahaskan penubuhan Rang undang-undang Kesihatan Mental 2001 ini. Di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kesihatan di atas penubuhan rang undang-undang yang mana pada pendapat saya memang tepat pada masanya dan amat diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, kesihatan mental merangkumi sebahagian besar daripada amalan perubatan dan merupakan salah satu pindaan yang sukar untuk difahami dan dirawat. Penyakit mental tidak hanya merangkumi pesakit-pesakit mental yang mempunyai tanda-tanda yang nyata, tetapi juga pesakit-pesakit yang kurang menunjukkan tanda-tanda misalnya mereka yang mengalami kerisauan (*anxiety*) dengan izin, kemurungan (*depression*) - dengan izin. Hampir separuh daripada penyakit-penyakit yang dihadapi oleh manusia adalah dari segi mental.

Pada pendapat saya sudah sekian lamanya kita di Malaysia tidak memberi perhatian yang sewajar terhadap pengawalan dan rawatan kesihatan mental. Majoriti dari kita apabila sebut sahaja pesakit mental maka terfikirilah kita akan seseorang yang berkelakuan ganjil, ganas dan menakutkan. Tetapi pada hakikatnya

hanya segelintir sahaja pesakit-pesakit mental yang berkelakuan sedemikian. Kebanyakan pesakit-pesakit mental kelihatan tenang dan tidak banyak bercakap dan oleh kerana keadaan mental mereka, kelakuan mereka berlainan sedikit jika dibandingkan dengan seorang yang biasa.

Masyarakat kita haruslah dididik dari awal untuk memahami pesakit-pesakit mental dan menganggap mereka sama seperti pesakit-pesakit lain misalnya pesakit malaria, sakit jantung dan seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan saya menyatakan semua ini adalah kerana rang undang-undang ini membincangkan antara yang lain, hal-hal berkenaan kemasukan dan peranan pesakit mental dan saya tidak ingin Ahli-ahli Yang Berhormat di sini memikirkan bahawa semua pesakit mental haruslah dikurung. Rawatan dan diagnosis penyakit mental tidak begitu mudah disebabkan gejala-gejala penyakit ini yang tidak nyata jika dibandingkan dengan penyakit-penyakit lain, seperti demam, sakit perut ataupun tulang yang patah.

Seterusnya rawatan perubatan bagi penyakit mental dalam kebanyakan kes kurang berkesan. Walaupun ubat-ubat baru sentiasa diperkenalkan dari semasa ke semasa, rawatan pesakit dalam institusi mental masih diperlukan dalam kes-kes yang tertentu. Di sini saya ingin memuji Kementerian Kesihatan di atas kemasukan Bahagian 7 ke dalam rang undang-undang ini iaitu penubuhan Lembaga Pelawat untuk setiap institusi mental sama ada kerajaan dan swasta. Pesakit-pesakit mental bukanlah pesakit-pesakit yang mudah dikendalikan dan staf kejururawatan haruslah bersabar dan bertimbang rasa.

Kita sering membaca di surat khabar mengenai kes-kes kezaliman dan pengorbanan di institusi-institusi mental di kebanyakan negara. Tragedi kebakaran di sebuah hospital mental di India adalah satu contoh yang terkini. Pengendalian Lembaga Pelawat yang efisien dan cekap akan membantu dalam memastikan pesakit-pesakit mental menerima rawatan perubatan dan jagaan yang sewajarnya dan seterusnya menjaga kes-kes penzaliman dan penganiayaan dari berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan haruslah dipuji di atas Akta Kesihatan Mental yang begitu komprehensif dan terperinci. Saya cuma berharap agar Kementerian Kesihatan beri galakan yang lebih banyak lagi kerja penyelidikan untuk kesihatan mental dari segi punca-punca pelbagai jenis penyakit mental dan juga rawatan-rawatannya. Lebih ramai lagi pakar psikiatri jururawat kesihatan mental dan pekerja-pekerja lain haruslah dilatih. Orang ramai juga harus diberi

maklumat yang tepat mengenai kesihatan mental dan penyakit-penyakit mental dan kaum keluarga pesakit-pesakit mental pula haruslah diberi kaunseling dan bantuan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di sini dengan menyatakan sokongan saya terhadap Rang Undang-undang Kesihatan Mental 2001 ini. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Safinah, dijemput.

4.59 ptg.

Puan Safinah binti Jusoh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya mengambil bahagian dalam membahaskan suatu Rang Undang-undang Kesihatan Mental 2001. Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kesihatan kerana dapat menggubal satu Rang Undang-undang Kesihatan Mental yang begitu komprehensif.

Tuan Yang di-Pertua, melihat kepada banyak kes yang tidak diingini berlaku seperti kes amuk, pembunuhan dan sebagainya yang ada di antaranya berpunca daripada perlakuan mereka yang bercelaru mental maka sewajarliah satu peruntukan secara khusus diwujudkan bagi menangani dan menyelesaikan permasalahan tersebut.

Fasal 10 adalah menyentuh tentang kemasukan pesakit tidak sukarela ke dalam hospital psikiatri. Mereka yang boleh membuat pengesyoran dan permohonan untuk memasukkan seseorang yang disyaki bercelaru mental itu ialah saudara orang itu sendiri seperti Fasal 10(1)(a) dan Fasal 10(1)(b) iaitu suatu pengesyoran dalam borang yang ditetapkan oleh seorang pegawai perubatan atau pengamal perubatan berdaftar. Masalahnya ialah bagaimanakah tindakan yang sepatutnya diambil apabila berlaku gangguan ataupun serangan oleh seseorang yang disyaki bercelaru mental ke atas pihak-pihak lain yang bukan daripada saudaranya dan mangsa itu pula tidak mengenali saudara pesakit itu. Apakah mangsa itu berhak membuat permohonan untuk memasukkan pesakit itu ke hospital mental.

Tuan Yang di-Pertua, di tepi-tepi jalan raya baik dalam bandar, di pinggir bandar dan juga di kampung-kampung kita sering terpandang dan melihat aksi-aksi orang yang disyaki bercelaru mental yang boleh mengancam ketenteraman dan keselamatan pengguna jalan raya dan juga penduduk di sekitar kawasan itu. Ia juga menjejaskan imej masyarakat penyayang negara kita. Jadi, di sini saya ingin bertanya setakat manakah kemunasabahan pegawai polis dan pegawai kebajikan

masyarakat iaitu seperti Fasal 11(1) dan bolehkah mana-mana anggota masyarakat membawa mereka ke hospital psikiatri untuk menjalani rawatan.

Tuan Yang di-Pertua, umum mengetahui bahawa seseorang pesakit itu adalah dibenarkan keluar daripada rawatan hospital kerana ia sembuh daripada sesuatu hidapan yang dialami. Tetapi apabila kita melihat Fasal 16(3)(b) dan juga (7)(b) ia membolehkan pihak berkuasa iaitu sama ada Pengarah Perubatan ataupun pelawat melepaskan seseorang itu walaupun masih bercelaru mental. Apakah dengan ini membawa maksud bahawa orang yang masih bercelaru mental ini sungguh-sungguh tidak berulang balik karenah yang mereka timbulkan sebelum itu kerana rawatan yang mereka terima itu menjadikan mereka tidak lagi agresif atau bagaimana? Adakah selamat untuk masyarakat menerimanya kembali.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi ialah saya ingin mendapat satu kepastian daripada pihak kerajaan iaitu apakah benar jika seseorang itu pernah mendapat rawatan mental daripada hospital, peluang bagi mereka untuk memohon perjawatan khususnya di jabatan ataupun sektor kerajaan adalah tipis. Lebih-lebih lagi dengan sekarang ini kita ada telemedicine kerana atas dasar inilah ada sesetengah ibu bapa menyembunyikan penyakit celaru mental anak mereka kepada orang ramai dan apatah lagi untuk menyerahkan anak-anak mereka ini ke pihak hospital untuk mendapat rawatan kerana dibimbangi masa hadapan pekerjaan anak-anak mereka ini akan terjejas. Jadi, dengan itu saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Puan Siti Zailah.

5.03 ptg.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Kesihatan Mental 2001.

Saya mulakan perbahasan ini dengan satu petikan Firman Allah dengan izin, [*Membaca petikan ayat Al-Quran*] yang bermaksud bahawa Allah S.W.T telah menciptakan manusia dengan sebaik-baik kejadian. Manusia telah diberi satu anugerah yang sangat tinggi nilainya iaitu akal. Akal tidak diberi kepada makhluk lain melainkan manusia. Tidak ada erti seorang manusia walaupun mempunyai rupa paras yang cantik jika akalnya rosak. Begitulah tingginya nilai akal bagi seorang manusia yang mana di antara tujuan akal itu ialah untuk membezakan yang benar dengan yang salah, yang baik dengan yang buruk.

Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana telah membuat penyelidikan dan telah membuat satu analisa yang begitu baik dan secara menyeluruh terhadap punca-punca gangguan mental, begitu juga mengikut jumlah negeri, peringkat umur dan taraf pendidikan, begitu juga sosioekonomi. Analisa ini kita rasa begitu amat penting bagi merangka satu tindakan yang sesuai bagi mengawal masalah gangguan mental. Di hari ini kita lihat masalah penyakit mental merupakan satu masalah yang amat serius. Lebih daripada 400 juta penduduk dunia menghadapi masalah mental. Dan di negara kita juga lebih daripada 15% penduduk negara kita menghadapi gangguan mental.

Apa yang saya ingin sentuh di sini Tuan Yang di-Pertua, iaitu tentang ubat-ubat yang diberi kepada pesakit mental yang mana kita dapati ubat-ubat yang diberi itu tidak memberi kesan pemulihan yang sepenuhnya. Kita dapati banyak kejadian amuk, pembunuhan yang berlaku daripada kalangan pesakit mental yang mereka ini baru sahaja keluar daripada wad-wad hospital mental di mana kita dapati mereka ini dapat dikawal apabila mereka menelan ubat daripada yang dibekalkan oleh doktor. Sekiranya ubat ini tidak dimakan, maka penyakit itu akan datang semula. Jadi, kita mengharapkan satu kejadian dan penyelidikan dibuat oleh pihak kementerian supaya dapat menghasilkan satu ubat yang boleh memberi kesan pemulihan yang sempurna kepada pesakit-pesakit mental.

Begitu juga saya ingin menyentuh tentang kesan-kesan sampingan, ubat sampingan yang diberikan kepada pesakit. Kita dapati bagaimana ada pesakit-pesakit mental yang memakan ubat yang dibekalkan di hospital-hospital ini, apabila mereka memakan ubat tersebut, mengalami satu kejangan urat, otot-otot yang kuat dan ada yang di kalangan mereka yang berbuih air liur keluar, kesan sampingan daripada ubat yang dimakan. Maknanya, masalah yang besar juga dihadapi apabila pesakit ini dibawa pulang ke rumah, pesakit-pesakit ini biasanya mereka tidak suka makan ubat. Jadi, kita mencadangkan kalau boleh kementerian mencari satu alternatif ubat yang senang untuk mengawal pesakit-pesakit mengalami gejala yang teruk ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ubat yang mana yang senang?

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua: Ubat macam mana yang senang?

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Macam-macam lah. Contohnya menggunakan injectionkah ataupun macam mana. Kalau telan itu, pengalaman

mengikut ada sahabat, keluarganya yang sakit, memang susah. Dia tidak hendak makan. Jadi, menyebabkan masalah itu berlarutan ataupun mungkin kita menggunakan cara Islam iaitu menggunakan doa dan sebagainya. Air-air yang doa, yang mempunyai kesan juga kepada pesakit-pesakit ini di samping ubat-ubat yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan kepada pihak kementerian supaya membuat kajian terhadap penagih-penagih alkohol yang mana sebagaimana yang kita tahu, penagih-penagih alkohol ini juga menjadi punca kepada berlakunya gangguan mental. Sebab kita lihat kita dapati orang-orang yang menagih alkohol ini, sekali dia meminum arak itu berjuta-juta sel otot dia mati, rosak. Sebab itulah kita lihat hikmahnya kenapa Islam mengharamkan arak kepada orang-orang Islam. Sebab itulah satu kajian perlu dibuat sebab apa yang berlaku hari ini, kita lihat hasil daripada orang yang ketagihan alkohol ini, menjadi punca kepada kemalangan jalan raya dan apabila mereka balik ke rumah, mereka pula memukul isteri dan anak-anak mereka. Ini hasil daripada mabuk, penyalahgunaan alkohol ini.

Begitu juga, saya ingin menyentuh berkenaan dengan cara perubatan yang dibuat di pusat-pusat pemulihan, iaitu saya suka mencadangkan agar pihak kementerian supaya mengadakan pendekatan bimbingan rohani, kaunseling dan motivasi kepada pesakit-pesakit sebab kita lihat bagaimana manusia ini memerlukan ketenangan dan salah satu punca berlakunya gangguan mental, apabila manusia ini kecelaruan fikiran. Mereka tidak ada ketenangan dalam hidup. Sebab itulah satu hikmah yang besar dalam Islam kenapa Allah SWT mewajibkan orang Islam sembahyang, solat, lima kali sehari merupakan satu ruang untuk menenangkan jiwa mereka. Sebagaimana firman Allah dalam Al-Quran [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] yang bermaksud: “*Beruntunglah orang yang mensucikan jiwa dia dan rugilah orang yang mengotori jiwa dia*”.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga saya ingin menyentuh tentang fenomena yang ada pada hari ini, yang mana golongan wanita lebih ramai terlibat dengan masalah gangguan mental berbanding dengan kaum lelaki. Apa yang kita dapati punca berlakunya perkara ini mungkin disebabkan yang pertama, sifat wanita yang lemah lembut dan mudah sensitif. Ini termasuk jugalah wanita-wanita yang baru bersalin. Inilah yang kita mengharapkan kerjasama dan kefahaman daripada suami-suami supaya memberi perhatian yang sewajarnya kepada isteri-isteri yang baru bersalin. Kita tidak mahu kesempatan ini digunakan oleh suami-suami untuk

mencari seorang lagi sebagaimana Dato' Abdul Aziz cerita tadi. Begitu juga kita lihat tekanan di tempat kerja juga menjadi punca kepada berlakunya gangguan mental. Kadang-kadang dengan berebut hendak naik pangkat ataupun bermacam-macam berlaku gangguan. Ini juga menjadi sebab utama selain daripada tekanan pembelajaran dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga mencadangkan dalam mengatasi masalah ini supaya kementerian memperluaskan klinik-klinik mental ini ke seluruh kawasan-kawasan pendalaman dan kampung-kampung sebab kita melihat ramai daripada peratus yang menghidap penyakit mental terdiri daripada kawasan pendalaman. Apa yang ada pada hari ini iaitu tempat-tempat hospital dan wad mental ini kebanyakannya berada di kawasan-kawasan bandar. Di kawasan-kawasan terpencil, tidak ada. Jadi, perlulah kerajaan memberi perhatian yang serius kepada masalah ini dan memperbanyakkan lagi wad-wad di kawasan pendalaman dan perlu menambahkan sebagaimana yang disarankan tadi, menambahkan lagi doktor-doktor pakar dalam bidang ini.

Begitu juga perlu ada satu kaunselor kepada keluarga. Bukan sahaja kepada pesakit mental, tetapi kepada keluarga pesakit. Sebab apa yang berlaku hari ini, keluarga itu kadang-kadang memulau pesakit-pesakit mental dan ada di kalangan mereka yang menggunakan cara yang tidak sesuai seperti memukul, memaki dan sebagainya, mungkin memberi kesan yang lebih buruk kepada pesakit mental. Jadi, satu kaunselor dan motivasi perlu kepada keluarga-keluarga yang ada di kalangan keluarga mereka menghadapi penyakit mental ini.

Saya juga ingin penjelasan daripada pihak kementerian supaya diberikan satu garis panduan yang jelas berkenaan dengan kategori penyakit-penyakit mental ini. Sebab penyakit mental pada dunia yang serba mencabar ini banyak. Kalau ada yang sakit berpunca daripada bersalin, tetapi ada juga orang gila yang bermacam-macam jenis orang, kalau bahasa biasa dipanggil 'gila ini banyak jenis.' Ada yang gila harta, ada yang gila pangkat, ada gila perempuan. Ada macam-macam penyakit gila yang ada. Jadi, maknanya kalau boleh kementerian mengkategorikan dengan jelas orang yang macam manakah yang termasuk dan dimaksudkan dalam rang undang-undang.

Begitu juga saya mengucapkan syabas kepada pihak kementerian yang telah memberi kerjasama dengan pihak polis dan pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam menyelesaikan masalah penyakit-penyakit mental ini dan perkara ini amat

penting terutamanya di dalam menghantarkan pesakit-pesakit mental ini ke hospital. Biasanya pesakit mental ini ganas dan amat susahlah kalau keluarga itu sendiri untuk menghantar ke hospital tanpa bantuan polis dan sebagainya. Begitu juga saya ingin memberi cadangan supaya pihak kementerian supaya mahu mengadakan suatu jaminan perlindungan kepada kakitangan pekerja. Di antara orang penting di dalam membantu memulihkan pesakit-pesakit ialah pekerja-pekerja.

Apa jaminan yang diberi oleh kerajaan pada hari ini kepada pekerja-pekerja sekiranya pesakit itu mengamuk di dalam wad hospital dan sebagainya. Jadi, ini merupakan satu perkara yang kita rasa penting dan begitu juga tentang bayaran hospital bagi pesakit-pesakit yang merayau-rayau di tepi jalan. Siapakah yang akan menjamin sekiranya kita tidak dapat mengesan siapa keluarga mereka? Jadi, saya akhiri dengan itu sahajalah dan saya turut menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dengan ini, saya menjemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen untuk menggulung bagi pihak Menteri.

3.13 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S. G. Sothinathan]:

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz, Yang Berhormat Dato' Dr. T. Marimuthu, Yang Berhormat Datuk William Lau, Yang Berhormat Dr. Charlie Chau, Yang Berhormat Puan Safinah dan Yang Berhormat Puan Siti Zailah yang telah pun memberi pandangan-pandangan mereka dan juga turut menyokong rang undang-undang ini.

Ini adalah satu rang undang-undang yang penting tetapi yang penting adalah kita mesti faham tentang istilah ataupun tafsiran kecelaruan mental. Ini kerana apa yang kita harap untuk menjelaskan di sini ialah kita hendak menghapuskan semua stigma ataupun prejudis yang kita ada sampai ke saat ini, di mana kalau kita katakan kecelaruan mental, bermakna orang gila. Tetapi seperti yang dicadangkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat, khususnya Yang Berhormat Datuk William Lau bahawa ini adalah satu lagi penyakit seperti lain-lain penyakit yang kita hadapi. Jadi, itulah sebenarnya hasrat Kementerian Kesihatan dengan membawa satu pindaan kepada undang-undang ini.

Jadi, dengan kata-kata itu saya juga ingin menjawab beberapa soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz telah mengatakan bahawa Tan Sri Dato' Seri Dr. Mahadevan ada juga

dua atau tiga orang pesakit di rumahnya di mana pesakit-pesakit itu turut membantu beliau di dalam menjaga kuda-kudanya. Ini sebenarnya memang Tan Sri Dato' Seri Dr. Mahadevan adalah seorang pakar psikiatri yang terkenal di negara kita dan apa yang beliau sebenarnya berhasrat untuk berbuat demikian ialah untuk menjadi satu contoh atau satu amalan kepada orang ramai bahawa orang-orang yang berkecelaruan mental ini bukanlah orang-orang bahaya. Kalau kita memberikan perhatian yang serius dan jagaan yang rapi mereka juga boleh berkhidmat ataupun memberi guna tenaga mereka sama seperti orang-orang lain. Jadi, itulah yang kita harus pelajari daripada apa yang ditunjuk oleh Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Dr. Mahadevan. Kerana kalau seorang pakar sendiri sanggup berbuat demikian dan menyimpan mereka di rumah mereka mengadakan dua tiga orang untuk menjaga mereka dan menggaji mereka, saya rasa kita tidak perlu bimbang. Apa yang kita perlu bimbang ialah kita mesti menghapuskan persepsi kita yang salah tentang orang-orang yang berkecelaruan mental.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz juga ada membangkitkan sebab-sebab orang menghadapi kecelaruan mental dan juga sebab-sebabnya ialah sebenarnya kalau kita perhatikan di antara beberapa sebab, sebab-sebabnya yang utama ialah penyalahgunaan dadah terutamanya *cannabis* dan arak. Juga perhubungan keluarga yang renggang atau dari keluarga yang bercerai-berai, juga mengalami banyak kejadian hidup atau *life events* seperti kematian dan sebagainya, juga wanita yang baru melahirkan anak, kanak-kanak kematian ibu bapa sebelum berumur 11 tahun, kecederaan otak akibat kemalangan, *stroke* dan sebagainya, kurang sokongan sosial, juga tiada kawan rapat yang boleh berunding sama, pengangguran dan keadaan rumah yang tidak stabil. Ini adalah antara sebab-sebab yang terutama sekali.

Yang Berhormat juga turut membangkitkan tentang *pressure*, dengan izin, daripada ibu bapa iaitu untuk memastikan bahawa anak-anak mereka mencapai kecemerlangan dalam peperiksaan. Memang saya percaya ini sebenarnya tekanan yang dihadapi oleh ibu bapa di antara satu sama lain untuk menunjukkan anak siapa yang lebih cemerlang. Jadi, memang wujud pada masa ini satu perebutan di antara ibu bapa di kalangan ibu bapa sahaja satu sama lain. Mungkin antara satu keluarga dengan yang lain untuk memastikan bahawa anak mereka lebih cemerlang daripada anak orang lain. Jadi, ini sebenarnya di *translate* kan kepada anak-anak mereka. Jadi, anak-anak mereka memang menghadapi banyak tekanan. Saya rasa ini

adalah satu perkara yang mana saya rasa Kementerian Pendidikan pun boleh mengambil berat. Saya percaya memang mereka pun fasih tentang perkara ini dan mengambil tindakan yang sewajarnya tentang perkara ini.

Satu lagi isu ialah tentang kenapa *prevalent* kecelaruan mental di kalangan wanita itu adalah lebih tinggi. Isu ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz dan juga Yang Berhormat Dato' Dr. Marimuthu. Saya telah menyatakan bahawa kadar *prevalent* di antara wanita dan lelaki ialah 1.5 kepada 1. Kalau kita perhatikan dari segi biological wanita sememangnya lebih cenderung kepada pelbagai penyakit mental seperti lebih emosional. Di samping itu, cara-cara wanita hadapi tekanan seperti lebih banyak menyimpan perasaan, sukar berbincang kerana *emotional* dan juga *prevalent* kecelaruan mental adalah lebih tinggi berbanding dengan lelaki. Kementerian ingin memaklumkan Ahli-ahli Yang Berhormat semua bahawa dari segi biological pesakit lebih kuat dan ganas. Oleh yang demikian, keluarga mereka memasukkan pesakit mental khususnya lelaki ke dalam hospital dan institusi manakala pesakit wanita akan mendapat rawatan dan penjagaan di rumah.

Isu yang turut dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz ialah tentang stigma orang-orang gila ini. Sebenarnya kalau kita perhatikan definisi yang diberikan ini ialah terlalu luas seperti yang telah saya terangkan sebentar tadi definisinya adalah terlalu luas bukan kita perlu memastikan bahawa janganlah mulai dari hari ini janganlah lagi kita katakan sesiapa sahaja yang mendapat rawatan pesakit mental itu orang gila kerana seperti yang saya katakan tadi 15% daripada masyarakat umum menghadapi masalah tekanan jiwa, masalah sakit mental ini. Jadi, kalau kita hendak mengklasifikasikan semua golongan ini sebagai orang gila bermakna 15% daripada masyarakat kita adalah orang gila. Jadi, sebenarnya kalau kita perhatikan kes yang lebih serius itu lebih kurang 1% sahaja. Jadi, untuk membolehkan semua rakyat walaupun mereka menghadapi masalah tekanan, sakit mental ini supaya tampil tanpa was-was dan tidak perlu lagi risau. Apabila kita menerima rawatan untuk sakit mental ini kita akan diklasifikasikan sebagai orang gila. Jadi itulah sebabnya kita telah pun mengadakan satu tafsiran yang luas untuk mengubah tanggapan atau persepsi kita selaras dengan definisi barunya.

Dan satu lagi isu yang dibangkitkan ialah berapa banyak psikiatri dan berapa banyak yang harus diwujudkan dan kaunselor-kaunselor yang diperlukan di sekolah-sekolah. Ada juga Ahli Yang Berhormat Dato' Dr. T. Marimuthu mengatakan bahawa

di Australia terdapat seorang psikiatri bagi 9,300 dan juga telah memberikan angka-angka lain begitu juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Sebenarnya di Malaysia pada masa ini kita mempunyai 69 orang pakar psikiatri di Kementerian Kesihatan, 31 orang lagi di institusi-institusi pengajian dan juga terdapat 40 orang lagi pakar di swasta. Tetapi kita harus perhatikan walaupun kita katakan kita ada cuma lebih kurang 140 orang pakar psikiatri di negara kita ini, pegawai perubatan yang berpengalaman dan terlatih juga turut membantu membuat rawatan. Mereka juga turut boleh membantu untuk merawat pesakit-pesakit. Jadi, sebenarnya nisbah ini tidak menggambarkan sama ada kita boleh berupaya untuk merawat pesakit-pesakit mental ini.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz dan Dr. Marimuthu turut membangkitkan sama tentang langkah-langkah yang telah diambil untuk meningkatkan pakar psikiatri. Sebenarnya apa yang dicadangkan oleh WHO ialah kita adakan seorang pakar psikiatri untuk 14,000 orang penduduk. Buat masa ini dengan angka-angka yang saya telah katakan tadi, jadi memang nampaknya nisbah itu memang tinggi tetapi dengan adanya pegawai-pegawai perubatan memang saya percaya ini bukanlah satu masalah yang serius buat masa ini. Pada masa yang sama kerajaan juga telah menggalakkan lebih banyak lagi pegawai-pegawai perubatan untuk menghadiri kursus-kursus ataupun kepakaran psikiatri. Pada masa ini sebanyak lebih kurang 15 hingga 20 orang pakar psikiatri dapat dikeluarkan. Dan kita berhasrat pada masa-masa akan datang dengan memberi lebih perhatian kepada Akta Kesihatan Mental ini saya percaya kita boleh menggalakkan lebih banyak lagi pegawai perubatan untuk menceburi bidang ini.

Kita juga menjalankan beberapa program menggalakkan untuk penuntut-penuntut perubatan mengambil bidang pengkhususan. Dan di samping itu, kita juga mengambil pakar-pakar dari luar negara untuk sementara waktu ini sebagai satu langkah sementara.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz juga menanya bagaimana untuk menggalakkan lebih ramai untuk membantu orang berkecelaruan mental dan Yang Berhormat telah mencadangkan kuda, berenang dan memanah. Memang ini adalah satu cadangan-cadangan yang baik tetapi yang paling penting ialah kalau kita menunggang kuda janganlah kita jatuh nanti ada banyak lagi masalah yang akan timbul nanti.

Turut dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz ialah kenapa peratusan pengambilan ubat yang *anti-depression* kurang di negara kita.

Sebenarnya kalau kita bandingkan, kalau kita perhatikan seerti yang saya katakan tadi, 15% anggarannya mengalami masalah mental ini tetapi cuma 1% sahaja yang tampil ke hadapan untuk mendapatkan rawatan dan kita juga tidak pasti sama ada kadar *depression* di Malaysia rendah kerana kajian yang dibuat oleh psikiatri mobiliti pada tahun 1996 hanya menunjukkan bahawa 10.7% kadar *prevalent* yang mengalami penyakit mental yang tidak serius seperti *anxiety*, *depression* dan sebagainya. Tetapi yang jelas di Malaysia ialah kita diseimbangkan dengan pembangunan material dengan pembangunan rohani ataupun spiritual.

Jika ikatan kekeluargaan masih kuat, ini penting untuk mendapatkan kasih sayang. Sejak awal tahun 1990-an, rawatan pesakit mental sebenarnya kalau kita perhatikan sebab-sebab mengapa pengambilan ubat *depressant* ini adalah rendah di negara kita dibanding dengan Amerika kerana sejak awal 1990-an rawatan pesakit mental telah disentralisasi di peringkat hospital-hospital daerah dan pada tahun 1998 klinik kesihatan telah memulakan rawatan bagi pesakit mental. Sehingga tahun 2001 iaitu pertengahan tahun ini, 572 klinik kesihatan telah memberi rawatan susulan kepada pesakit mental yang stabil.

Bagi meningkatkan kecekapan mendiagnosis dan memberi rawatan kepada pesakit mental, modul latihan dan garis panduan diagnosis dan pengendalian pesakit-pesakit mental telah dibentuk pada tahun 1998. Kementerian juga telah memperuntukkan sebanyak RM100 ribu setiap tahun untuk memberi latihan kepada doktor dan pakar perubatan keluarga di klinik kesihatan. Dengan latihan ini, pengguna ubat-ubatan oleh doktor-doktor kita akan lebih tepat.

Yang Berhormat Dato' Dr. T. Marimuthu pula menimbulkan tentang tafsiran sama ada ianya meliputi kecelaruan mental ini termasuk juga amuk, *vagrant* dan *depression*. Sebenarnya kalau kita lihat amuk ialah satu sindrom keganasan yang biasanya kita dengar di Kepulauan Pasifik, ianya memanglah termasuk di dalam tafsiran ini. *Depression* memang juga termasuk dalam ini, tetapi *vagrant* itu kita juga harus melihat tentang tingkah laku seseorang itu, barulah - ia tidak termasuk semua *vagrant* itu orang yang tidak mempunyai rumah itu termasuk. Memang ada sesetengah yang terpulung kepada tingkah laku mereka.

Yang Berhormat Dato' Dr. Marimuthu juga menyentuh tentang Fasal 11 di mana ada banyak Yang Berhormat menyatakan bahawa ada banyak orang yang

bercakap sendiri, tetapi yang kita perlu perhatikan di bawah Fasal 11 itu, kuasa itu tidak boleh disalahgunakan kecuali seperti yang tertera di dalam Fasal 11 iaitu di mana orang itu membahayakan diri sendiri ataupun membahayakan orang lain ataupun harta benda, barulah fasal itu digunakan.

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sedikit sahaja hendak bertanya dengan penerangan yang diberi oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan tadi mengenai budaya tradisi, mungkin sains mengkaji, mungkin tidak bertemu formulanya. Tetapi saya rasa kita tidak dapat menafikan wujudnya iaitu gangguan melalui syaitan ataupun jin. Adakah tidaknya yang menyebabkan mental juga terganggu disebabkan gangguan ini? Terima kasih.

Tuan S. G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf sebab saya tidak terlibat dengan jin dan syaitan dan sebagainya, [*Ketawa*] jadi saya tidak ada pengalaman untuk menjawab soalan ini. Memang daripada kajian ini semuanya adalah secara saintifik dan tidak termasuk syaitan dan jin.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Dr. T. Marimuthu juga ada menanya sama ada peningkatan penyakit mental semasa *economic down* iaitu kemelesetan ekonomi baru-baru ini. Sebenarnya daripada apa maklumat yang saya ada di antara tahun 1985 hingga tahun 1988, statistik pesakit jiwa atau psikosis yang di'*discharge* dari hospital-hospital Kementerian Kesihatan menunjukkan bahawa kadar bilangan pesakit berpenyakit, dengan izin, *mental disorder* yang dimasukkan ke hospital sebenarnya telah menurun.

Kadar peratus pertambahan setahun kemasukan ke hospital dalam tempoh 1985 hingga 1990 ialah peningkatan 3.59%. Kadar ini jatuh ke paras 1.08% bagi tempoh 1990 hingga 1995 dan menurun lagi ke paras -1.38% bagi tahun 1995 hingga 1998. Kedatangan pesakit pula secara puratanya telah bertambah sebanyak 2.9% di antara tahun 1995 hingga 1998.

Yang Berhormat Dato' Dr. T. Marimuthu juga turut membangkitkan cara-cara bagaimana kita hendak mengubah stigma ke atas pesakit mental dalam masyarakat. Sebenarnya kalau kita lihat stigma ke atas pesakit perlu dihapuskan dan boleh dihapuskan dengan beberapa pendekatan iaitu kita semua perlu menukar *mind set* kita terhadap penyakit mental iaitu penyakit mental hanya boleh disembuhkan sekiranya mendapat rawatan awal. Penyakit mental perlu dilihat seperti penyakit-

penyakit fizikal yang lain dan tidak perlu ditakuti seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Datuk William Lau ketika membahaskan rang undang-undang ini.

Perkhidmatan kesihatan mental diintegrasikan ke dalam sistem penjagaan kesihatan awam di semua fasiliti kesihatan, klinik kesihatan dan hospital. Seterusnya, *public awareness campaign* mengenai kesihatan mental dan penyakit mental diberikan secara meluas di media massa, di sekolah dan tempat-tempat lain kepada masyarakat. Setiap tahun Kementerian Kesihatan Malaysia telah menjalankan kempen kesedaran awam mengenai kesihatan mental. Pada bulan Oktober iaitu sempena Hari Kesihatan Mental Sedunia iaitu pada 10 Oktober setiap tahun.

Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah adalah seperti ceramah kesihatan mental di radio dan televisyen, public forum, '*advertorial*' di akhbar-akhbar tempatan, pameran kesihatan, ceramah-ceramah kesihatan di sekolah dan di dewan orang ramai.

Yang Berhormat Dato' Dr. T. Marimuthu membangkitkan sama ada terdapat peruntukan dalam Rang Undang-undang Kesihatan Mental 2001 tentang menjaga kualiti kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan psikiatri. Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat peruntukan di bawah Bahagian IX iaitu Fasal 49 dan 50 untuk memberi garis panduan untuk memastikan kualiti kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan psikiatri.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk William Lau memperkatakan bahawa tiada peruntukan untuk merahsiakan maklumat pesakit kecuali Fasal 88 dan sama ada undang-undang lain untuk melindungi kerahsiaan. Sebenarnya adalah menjadi amalan perubatan, dengan izin, '*codovatic*' untuk merahsiakan segala maklumat berkaitan pesakit, malahan ini diperuntukkan bagi Lembaga Pelawat. Dengan itu kita tidak perlu menambah peruntukan ini dalam rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk William Lau turut membangkitkan sama ada persetubuhan haram ataupun pencabulan kehormatan pesakit mental dirangkumi oleh rang undang-undang ini ataupun undang-undang yang lain. Sebenarnya, kesalahan-kesalahan ini boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan untuk kes-kes pencabulan kehormatan, ianya tergolong di bawah seksyen 354 Kanun Keseksaan, manakala untuk persetubuhan haram seseorang itu boleh dituduh untuk rogol di bawah seksyen 376 Kanun Keseksaan.

Ada lagi satu isu yang dibangkitkan iaitu sama ada terdapat bahagian pesakit mental mengikut jenis-jenis dijalankan di hospital. Sebenarnya hospital-hospital dan institusi-institusi mental di bawah Kementerian Kesihatan menggunakan beberapa *diagnostic tool* iaitu *ICD 10 (International Classification of Diseases)*, kedua *GSM4 (Diagnostic Fascal Manual Version 4)*. Kementerian juga menggunakan beberapa *reading scale* bagi penyakit psikosis dan non psikosis iaitu *Brief Psychotic Reading Scale (DPRS)*, kedua *Anxiety Scale*, ketiga *Bad Depression Scale* dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Safinah membangkitkan sama ada jikalau seseorang pesakit bertindak ganas, bagaimana hendak isi borang dan sebagainya. Kebimbangan beliau tentang bagaimana ada masa untuk mengisi borang dan untuk masukkan pesakit tersebut ke dalam hospital. Sebenarnya untuk seseorang pesakit bertindak ganas, memang ada peruntukan di bawah Fasal 11 di mana pegawai polis ataupun pegawai kebajikan kita harus serahkan kepada mereka ataupun menelefon kepada mereka seperti mana mereka mempunyai kuasa untuk menahan dan membawa mereka ke hospital-hospital sama ada hospital kerajaan ataupun swasta. Jadi, memang wujud prosedur di bawah Fasal 11.

Yang Berhormat Puan Safinah juga membangkitkan tentang kerisauan beliau sama ada jika mendapat rawatan untuk pesakit mental peluang untuk mendapat kerja susah. Kalau lihat keadaan sekarang memang begitu kerana stigma yang kita letakkan kepada pesakit-pesakit mental. Tetapi kalau kita semua serius untuk memastikan bahawa apa yang dihasratkan dalam rang undang-undang ini dicapai, saya rasa kita tidak lagi akan menghadapi masalah kerana dengan adanya satu undang-undang yang komprehensif saya percaya kes-kes yang serius bagi orang yang ingin melantik seseorang itu ia pastikan bahawa ini bukan satu kes yang serius supaya memastikan mereka itu selamat untuk diemploy, dengan izin. Jadi, saya rasa ini tertakluk kepada seriusnya masalah-masalah itu. Kalau kes-kes biasa walaupun untuk kita mendapat rawatan untuk pesakit mental tidak bermakna dia akan diprejudicekan oleh mana-mana pihak.

Yang Berhormat Puan Siti Zailah membangkitkan iaitu bahawa ubat-ubat yang diberi kepada pesakit tidak memberi kesan, yang keluar dari wad mengamok. Sebenarnya apa yang kita perlukan ialah rawatan untuk pesakit-pesakit mental ini adalah rawatan yang berterusan. Jadi, ahli-ahli keluarga yang perlu memainkan peranan yang penting untuk membawa pesakit ke klinik-klinik ataupun pusat jagaan rawatan untuk rawatan susulan dan pastikan bahawa pesakit mengambil ubat

mengikut preskripsi. Juga ingin saya maklumkan di sini bahawa sebenarnya Kementerian Kesihatan telah pun mula menggunakan second generation drug yang lebih mudah digunakan oleh pesakit-pesakit. Untuk tahun ini kementerian akan membelanjakan lebih kurang RM2.5 juta dan untuk tahun 2001, 2002 kita anggarakan bahawa perbelanjaan ini akan meningkat kepada RM5 juta. Jadi, kita telah mengambil kira tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh pesakit ketika masalah-masalah sampingan yang dihadapi oleh mereka ketika mengambil ubat-ubat tersebut.

Ada juga cadangan bahawa supaya bimbingan ataupun motivasi kepada pesakit diberikan. Sebenarnya ia dilakukan bukan sahaja untuk pesakit, malahan semua fasiliti di kementerian kita juga memberikan bimbingan dan motivasi kepada ahli keluarga supaya mereka memahami bahawa sakit mental ini boleh dirawat jika ada kerjasama daripada semua pihak.

Yang Berhormat Puan Siti Zailah turut mencadangkan bahawa kementerian harus memperluaskan rawatan untuk pesakit mental ke kawasan pedalaman. Sebenarnya sehingga tahun 2001 kita mempunyai 2,767 klinik desa, klinik kesihatan dan pesakit luar di seluruh negara. Dari jumlah ini 572 pusat ini telah memberi rawatan susulan kepada pesakit psikiatri dan juga 15 pusat tersebut juga memberi *psychosocial rehabilitation services* dan kita bercadang untuk menambah bilangan *psychosocial rehabilitation services* kepada kadar 10 setiap tahun. Saya rasa pada masa hadapan kita juga akan memastikan bahawa kemudahan ini terdapat di semua klinik kesihatan di mana rakyat mendapat kemudahan yang lebih selesa.

Yang Berhormat Puan Siti Zailah juga bertanya tentang jenis kategori orang yang termasuk dalam rang undang-undang ini. In i sebenarnya kalau kita lihat seperti yang saya telah terang tadi kalau kita lihat dalam tafsiran tercatat dalam bahagian II, Fasal 2 di mana tafsiran itu menerangkan maksudnya tersendiri. Jadi, kita bolehlah tahu dari situ memang sebenarnya kita membuka ruang kepada sesiapa sahaja untuk mendapat rawatan dan ada juga peruntukan di bawah Fasal 8 dan 9 untuk membolehkan seseorang itu masuk secara sukarela atau sesiapa pun kalau dia meragu-ragu bahawa dia menghadapi masalah pun dia boleh masuk ke hospital untuk mendapat rawatan. Jadi, tidak ada sebarang masalah tentang tafsiran baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya – saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang turut memberikan cadangan dan seterusnya menyokong rang undang-undang ini. Saya rasa saya telah menjawab

semua soalan yang telah dibangkitkan, jadi kalau tidak ada pun saya rasa pegawai-pegawai Kementerian Kesihatan turut berada untuk mengambil catatan tentang perkara-perkara yang telah dibangkitkan dan kita akan menggunakan ianya sebagai satu pedoman untuk mempertingkatkan lagi ataupun memperbaiki perkhidmatan untuk pesakit-pesakit mental ini.

Jadi, saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi sokongan dan cadangan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 94 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Pertama dan Kedua diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini saya tangguhkan Majlis Mesyuarat ini hingga ke hari esok, jam 10.00 pagi.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.45 petang.

6 Ogos 2001

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum, D.P.M.S.
(Dilantik)
- " Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)
- " Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi,
Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
(Dilantik)
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri,
Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia (Dilantik)
- " Menteri Pendidikan,
Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamed, P.S.M., D.P.M.N.,
D.P.C.M. (Dilantik)
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri.
Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin
(Dilantik)
- " Timbalan Menteri Pendidikan,
Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.
(Dilantik)
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri,
Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor, (Dilantik)
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Datuk M. Kayveas P.J.N. (Dilantik)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan
Datuk Zainudin bin Maidin, (Dilantik)
- " Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- " Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Abdullah bin Ayub (Dilantik)
- " Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- " Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani (Perlis)
- " Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- " Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun
(Dilantik)

- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K.,
B.K.M. (Kedah)
- “ Tuan Benedict Bujang Tembak (Sarawak)
- “ Dato’ Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dr. Charlie Chau-Lap Chang (Dilantik)
- “ Puan Hajah Che Jam binti Haron (Dilantik)
- “ Puan Chew Poh Thoi (Dilantik)
- Yang Berhormat Dato’ Dr. Chin Fook Weng (Pulau Pinang)
- “ Datuk Christina Tibok Vanhouten (Sabah)
- “ Datuk Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Datuk Ghazi bin Haji Ramli, D.P.M.S., D.I.M.P.
(Selangor)
- “ Dato’ Hamzah bin Zainudin (Perak)
- “ Tuan Hassan bin Haji Shukri (Terengganu)
- “ Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan (Melaka)
- “ Tuan Ho Lim Teck (Melaka)
- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye (Dilantik)
- “ Puan Jaya Partiban (Dilantik)
- “ Datuk Joseph Balan Seling (Dilantik)
- “ Datuk Haji Karim Ghani (Sabah)
- “ Tuan Haji Karim bin Salleh (Perlis)
- “ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Tuan Kee Ah Kau (Selangor)
- “ Dato’ Lee Pit Chern (Negeri Sembilan)
- “ Tuan Lim Eng Kok (Dilantik)
- “ Datuk Long bin Jidin (Dilantik)
- “ Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae,
(Dilantik)
- “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Mazlan bin Abu (Johor)
- “ Puan Hajah Melati binti Ali (Pahang)
- “ Puan Melanie Chia Chui Ket (Dilantik)
- “ Tan Sri Dato’ Haji Mohamed bin Ya’acob, P.S.M., P.M.K.,
S.P.M.K., Dato’ Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A.

(Dilantik)

- “ Dato’ Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani (Dilantik)
- ” Tuan K. R. A. Naidu (Dilantik)
- “ Datuk Nor Azah binti Awin (Dilantik)
- “ Puan Nosimah binti Hashim (Dilantik)
- ” Dato’ Poo Yew Choy, D.I.M.P., A.M.P. (Pahang)
- “ Puan Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim (Dilantik)

Yang Berhormat Tuan M. Ratnam (Dilantik)

- “ Tuan M. Saravanan (Dilantik)
- “ Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)
- “ Tuan R. Sinniah (Dilantik)
- “ Puan Safinah binti Jusoh (Terengganu)
- “ Puan See Too Mee (Johor)
- “ Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Kelantan)
- “ To’ Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)
- “ Datuk William Lau Kung Hui (Dilantik)
- “ Tuan Wee Kok Tiong (Dilantik)
- “ Tuan Yew Teong Look (Dilantik)
- “ Tuan Yew Tuan Chiew (Perak)
- “ Tuan Zainal bin Rampak (Dilantik)
- “ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

DEWAN NEGARA

PEGAWAIPEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara

Dato' Abdullah Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha

Roosme binti Hamzah
Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Selamat
Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha

Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

JURUBAHASA SERENTAK

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd. Hassan

Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor
Ramlah binti Mohd. Yusuff
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Nurziana binti Ismail
Noor Effarizan binti Mat Satib
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Abu Bakar bin Hasan

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN KOMPUTER

Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad
Azzahar bin Hashim

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK

Kamal bin Oyub
Haji Latif bin Ismail
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

PARLIMEN KESEPULUH
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA

Jilid III

Bil. 23

Selasa

14 Ogos 2001

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN(Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No.2) 2001	(Halaman 27)
Rang Undang-undang Koperasi (Pindaan) 2001	(Halaman 60)
Rang Undang-undang Kesihatan Mental 2001	(Halaman 70)